

## KANDUNGAN

<b>PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA</b>	
Perutusan Daripada Dewan Rakyat	(Halaman 1)
Urusan Mesyuarat	(Halaman 1)
<b>JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN</b>	(Halaman 1)
<b>RANG UNDANG-UNDANG:</b>	
Rang Undang-undang Perbekalan 2002	(Halaman 16)



**AHLI-AHLI DEWAN NEGARA**

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Dato' Michael Chen Wing Sum, D.P.M.S.  
(Dilantik)
- " Timbalan Yang di-Pertua, Tuan Haji Gapar bin Gurrohu (Dilantik)
- " Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi,  
Tan Sri Datuk Kasitah Gaddam, P.S.M., P.G.D.K., J.S.M. (Dilantik)
- " Menteri di Jabatan Perdana Menteri,  
Datuk Pandikar Amin bin Haji Mulia (Dilantik)
- " Menteri Pendidikan,  
Tan Sri Dato' Seri Musa bin Mohamed, P.S.M., D.P.M.N., D.P.C.M.  
(Dilantik)
- " Menteri di Jabatan Perdana Menteri.  
Brig. Jen. (B) Datuk Abdul Hamid bin Haji Zainal Abidin (Dilantik)
- " Timbalan Menteri Pendidikan,  
Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin, D.M.S.M., D.P.M.S. (Dilantik)
- " Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri,  
Tengku Dato' Adnan bin Tengku Mansor, (Dilantik)
- " Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan  
Datuk M. Kayveas P.J.N. (Dilantik)
- " Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan  
Datuk Zainudin bin Maidin, (Dilantik)
- " Tuan Abdillah bin Abdul Rahim (Sarawak)
- " Tan Sri Dato' Seri (Dr.) Abdullah bin Ayub (Dilantik)
- " Tuan Haji Abdul Malek bin Haji Abdul Ghani (Perlis)
- " Dato' Haji Ahmad bin Ismail (Pulau Pinang)
- " Puan Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Haji Mohd. Dun  
(Dilantik)
- " Tuan Haji Bakri bin Haji Ali Mahamad, A.M.N., A.M.K., B.K.M.  
(Kedah)
- " Tuan Benedict Bujang Tembak (Sarawak)
- " Dato' Charern Intachat, D.S.D.K., A.M.N., B.C.K. (Dilantik)
- " Datuk Dr. Charlie Chau Lap Chang (Dilantik)
- " Puan Hajah Che Jam binti Haron (Dilantik)
- " Puan Chew Poh Thoi (Dilantik)
- " Dato' Dr. Chin Fook Weng (Pulau Pinang)
- " Datuk Christina Tibok Vanhouten (Sabah)
- " Datuk Faridah binti Abu Hassan (Dilantik)
- " Datuk Ghazi bin Haji Ramli, D.P.M.S., D.I.M.P. (Selangor)

- Yang Berhormat Dato' Hamzah bin Zainudin (Perak)
- " Tuan Hassan bin Haji Shukri (Terengganu)
  - " Datuk Hajah Hazizah binti Mohd. Sultan (Melaka)
  - " Tuan Ho Lim Teck (Melaka)
  - " Puan Jamilah binti Ibrahim (Kelantan)
  - " Tuan Jang Chow Thye @ Yio Chow Thye (Dilantik)
  - " Puan Jaya Partiban (Dilantik)
  - " Datuk Joseph Balan Seling (Dilantik)
  - " Datuk Haji Karim Ghani (Sabah)
  - " Tuan Haji Karim bin Salleh (Perlis)
  - " Datuk Haji Kasim bin Mh. Yusop (Dilantik)
  - " Tuan Kee Ah Kau (Selangor)
  - " Dato' Lee Pit Chern (Negeri Sembilan)
  - " Tuan Lim Eng Kok (Dilantik)
  - " Datuk Long bin Jidin (Dilantik)
  - " Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pg. Haji Ahmad Raffae, (Dilantik)
  - " Datuk Mansor bin Haji Md. Jaafar (Dilantik)
  - " Dato' Dr. T. Marimuthu (Dilantik)
  - " Dato' Haji Mazlan bin Abu (Johor)
  - " Puan Hajah Melati binti Ali (Pahang)
  - " Puan Melanie Chia Chui Ket (Dilantik)
  - " Datuk Haji Mohamed bin Omar Beledram (Dilantik)
  - " Tan Sri Dato' Haji Mohamed bin Ya'acob, P.S.M., P.M.K., S.P.M.K., Dato' Bentara Kanan, S.M.T., P.G.D.K., D.A. (Dilantik)
  - " Dato' Haji Muhammad bin Haji Abdul Ghani (Dilantik)
  - " Tuan K. R. A. Naidu (Dilantik)
  - " Datuk Nor Azah binti Awin (Dilantik)
  - " Puan Nosimah binti Hashim (Dilantik)
  - " Dato' Poo Yew Choy, D.I.M.P., A.M.P. (Pahang)
  - " Puan Hajah Puizah binti Haji Abu Kassim (Dilantik)
  - " Tuan M. Ratnam (Dilantik)
  - " Tuan M. Saravanan (Dilantik)

Yang Berhormat Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan (Dilantik)

- “ Tuan R. Sinniah (Dilantik)
- “ Puan Safinah binti Jusoh (Terengganu)
- “ Puan See Too Mee (Johor)
- “ Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff (Kelantan)
- “ To' Puan Wan Seri @ Wan Asiah binti Ahmad (Dilantik)
- “ Tuan Wee Kok Tiong (Dilantik)
- “ Tuan Yew Teong Look (Dilantik)
- “ Tuan Yew Tuan Chiew (Perak)
- “ Tuan Zakaria bin Arshad (Negeri Sembilan)

**DEWAN NEGARA****PEGAWAI-PEGAWAI KANAN****Setiausaha Dewan Negara**

Dato' Abdullah bin Abdul Wahab

**Ketua Penolong Setiausaha**

Roosme binti Hamzah  
Zamani bin Haji Sulaiman  
Haji Mustakin bin Selamat  
Shahrom bin Haji Hasan

**Penolong Setiausaha**

Haji Mustafa bin Abdul Rahman  
Ruhana binti Abdullah  
Riduan bin Rahmat

**PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN  
DOKUMENTASI**

Azhari bin Hamzah  
Monarita binti Mohd. Hassan  
Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop  
Mohamed bin Osman  
Hajah Norishah binti Mohd. Thani  
Zaiton binti Yaacob  
Abd. Talip bin Hasim  
Noorhazmah binti Hamzah  
Jamilah Intan binti Haji Bohari  
Nurziana binti Ismail  
Noor Effarizan binti Mat Satib  
Taharah binti Mohamed  
Nik Elyana binti Ahyat  
Marzila binti Muslim  
Syed Azuddin bin Syed Othman  
Habibunisah Mohd. Azir  
Abu Bakar bin Hasan

**PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN****MESIN CETAK**

Kamal bin Oyub  
Haji Latif bin Ismail  
Kamaroddin bin Mohd. Yusof

**JURUBAHASA SERENTAK**

Ungku Fauzie bin Ungku A. Rahman  
Mazidah binti Mohamed  
Hajah Paizah binti Haji Salehuddin

**BENTARA MESYUARAT**

Mejar (B) Zakaria bin Salleh  
Mejar (B) Kamaruddin bin Abdullah  
Lt Kol (B) Mohamed Nor bin Mohd. Darus

**PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN  
KOMPUTER**

Mohd Shah bin Rahman  
Sulaiman bin Sirad  
Azzahar bin Hashim

**PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN  
PERUNDANGAN**

Mohd. Shariff bin Hussein  
Azmi bin Othman  
Zafniza binti Zakaria  
Mohd. Sidek bin Mohd. Sani  
Ruhana binti Mohd. Sani  
Mazlina binti Ali  
Norlaila binti Abdullah Sidi  
Alias bin Mohd. Nor

**MALAYSIA****DEWAN NEGARA**

Selasa, 11 Disember 2001

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

**DOA**[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]**PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA****PERUTUSAN DARIPADA DEWAN RAKYAT**

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu perutusan daripada Dewan Rakyat yang meminta Dewan Negara mempersetujui rang undang-undang yang telah diluluskan oleh Dewan Rakyat. Saya menjemput Setiausaha membacakan perutusan itu sekarang.

*[Setiausaha membacakan Perutusan]*

**Perutusan Daripada Dewan Rakyat Kepada Dewan Negara**

"10 Disember 2001

Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara,

Dewan Rakyat telah meluluskan rang undang-undang yang berikut dan meminta Dewan Negara mempersetujukannya:-

- (i) Rang Undang-Undang Kewangan 2001;
- (ii) Rang Undang-Undang Penapisan Filem 2001;
- (iii) Rang Undang-Undang Bank Negara Malaysia (Pindaan) 2001; dan
- (iv) Rang Undang-undang Bank dan Institusi-institusi Kewangan (Pindaan) 2001

Yang ikhlas,

t.t.

YANG DI-PERTUA DEWAN RAKYAT".

**URUSAN MESYUARAT**

**Timbalan Menteri Pendidikan [Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya rang undang-undang yang tersebut di dalam perutusan itu dibacakan kali kedua dan ketiganya di mesyuarat ini. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baiklah.

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

1. **Tuan Hassan bin Haji Shukri** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan apakah kesan-kesan utama yang dialami oleh ekonomi Malaysia ekoran daripada serangan ke atas New York dan Washington. Adakah ia memberikan kesan negatif terhadap para pelabur Amerika di negara ini.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Datuk Fu Ah Kiow]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk menjawab soalan Yang Berhormat Tuan Haji Hassan bin Shukri ini bersama dengan soalan

daripada Yang Berhormat Datuk Christina Tibok Vanhouten kerana soalan ini adalah berkaitan dengan perkara yang sama.

Tuan Yang di-Pertua, Amerika Syarikat adalah pasaran eksport terbesar Malaysia dan sumber utama pelaburan asing dalam sektor perkilangan. Eksport Malaysia ke Amerika Syarikat merupakan sebanyak 20.36% daripada jumlah eksport negara bagi tempoh Januari hingga Oktober 2001. Oleh yang demikian, prestasi ekonomi Amerika Syarikat mempengaruhi pertumbuhan ekonomi Malaysia. Kerajaan sememangnya menjangkakan kesan kelembapan ekonomi terhadap pertumbuhan ekonomi Malaysia sejak akhir tahun 2000 lagi, tetapi serangan pengganas di Amerika Syarikat lebih memburukkan lagi keadaan ini.

Sungguhpun demikian, ada tanda-tanda bahawa prestasi perdagangan Malaysia dengan Amerika Syarikat telah bertambah baik. Walaupun eksport Malaysia ke Amerika Syarikat bagi tempoh Januari hingga Oktober 2001 mencatatkan penurunan sebanyak 11.1% berbanding dengan tempoh yang sama pada tahun 2000, prestasi eksport bagi bulan Oktober 2001 telah meningkat sebanyak 11.3% berbanding dengan bulan September 2001. Jumlah eksport bulan Oktober adalah sebanyak RM6.09 bilion berbanding dengan RM5.47 bilion dalam bulan September 2001.

Bagi bulan Oktober 2001, indeks pengeluaran perindustrian (IPP) mengembang 2.9% berbanding dengan IPP bulan September 2001. Perkembangan positif ini disebabkan oleh kenaikan indeks sektor pembuatan sebanyak 3.7% dan elektrik sebanyak 2.5% manakala indeks perlombongan jatuh 1.1%. Akibat daripada serangan pengganas di Amerika Syarikat, ada pelabur-pelabur Amerika Syarikat telah mengambil sikap tunggu dan lihat (*wait-and-see-attitude*), dengan izin, sebelum membuat pelaburan baru ataupun pelaburan yang melibatkan projek pembesaran dan pelbagaian terhadap operasi global mereka di seluruh dunia.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, walaupun pasaran global secara amnya mendorong perubahan struktur secara *global industry electric dan electronic*, terdapat juga syarikat-syarikat MMC yang beroperasi di Malaysia yang masih mencatatkan peningkatan dalam permintaan eksport bagi barangan keluaran mereka. Ini adalah hasil daripada usaha-usaha mereka mempelbagaikan pasaran eksport serta menyesuaikan struktur industri dan mengurangkan kos operasi. Ada juga syarikat-syarikat MMC yang mempunyai rancangan untuk memperluaskan pelaburan mereka di Malaysia pada masa hadapan.

Tuan Yang di-Pertua, untuk membantu mengatasi kesan ekonomi Amerika Syarikat dan lain-lain pasaran utama, kerajaan akan meningkatkan lagi aktiviti-aktiviti promosi perdagangan dan pelaburan di pasaran-pasaran sedia ada dan juga di negara-negara membangun. Dalam tahun 2002, MITI akan melaksanakan aktiviti-aktiviti promosi perdagangan dan pelaburan meliputi:

- (i) 10 misi perdagangan dan pelaburan;
- (ii) penyertaan di 47 pameran perdagangan antarabangsa;
- (iii) menyelaras 8 misi pameran khusus *atau specialised marketing missions*;
- (iv) menyelaras 7 *incoming buying missions*;
- (v) menyelaras 4 *in-store promotions* melalui kerjasama dengan pusat membeli belah utama di luar negara untuk mempromosikan eksport barangan pengguna;
- (vi) melaksanakan 39 *promotional booth catalogue displays* di pameran perdagangan di pasaran-pasaran terpilih; dan
- (vii) menganjur 40 seminar dan bengkel di Malaysia bertujuan untuk meningkatkan pengetahuan dan kebolehan para pengeksporth mengenai perdagangan luar.

Tuan Yang di-Pertua, selain dari langkah-langkah khusus untuk mempelbagaikan sektor meningkatkan eksport Malaysia yang diambil oleh Kementerian

Perdagangan Antarabangsa dan Industri, kerajaan juga telah dan akan terus melaksanakan beberapa langkah bagi menangani impak kelembapan ekonomi Amerika Syarikat. Antaranya termasuk langkah-langkah *pre-emptive* yang melibatkan pakej rangsangan fiskal sebanyak RM3 bilion. Tambahan suntikan fiskal terbaru sebanyak RM4.3 bilion, menggalakkan perbelanjaan domestik dan penarikan semula cukai keluar levi sebanyak 10% ke atas keuntungan yang di bawa keluar dari pelaburan pembelian saham di Malaysia.

Di samping berusaha mengurangkan kos perniagaan di Malaysia, kerajaan juga terus menggalakkan serta membantu sektor swasta meningkatkan daya saing, mempelbagaikan jenis keluaran eksport dan menerokai pasaran-pasaran baru. Sekian, terima kasih.

**Tuan Hassan bin Haji Shukri:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, pada umumnya setelah mendengar jawapan dari Yang Berhormat, saya rasa seakan-akan pelaburan asing di negara kita ini menurun. Jika ini benar, sejak 11 September itu, berapa peratus penurunannya?

**Datuk Fu Ah Kiow:** Tuan Yang di-Pertua, adalah tidak benar mengatakan pelaburan asing telah menurun. Apa yang sebenarnya ialah, misalnya dalam bulan Januari hingga Oktober, pelaburan hampir RM23 bilion telah diluluskan dan 75% adalah daripada pelabur-pelabur asing. Jadi adalah tidak benar mengatakan jumlah pelaburan telah menurun kalau dibandingkan dengan tahun 1999 dan juga tahun 2000. Sekian, terima kasih.

**Dato' Dr. Chin Fook Weng:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ucapkan tahniahlah kepada kementerian di atas usaha mereka untuk menangani masalah penurunan pelaburan akibat daripada apa yang telah berlaku di New York. Saya ingin tahu apakah peranan orang-orang kita untuk membantu dalam usaha ini dan sama ada seruan daripada pihak-pihak tertentu seperti PUM untuk memulaukan barangan daripada Amerika Syarikat itu akan membantu dalam usaha ini? Terima kasih.

**Datuk Fu Ah Kiow:** Tuan Yang di-Pertua, sikap tersebut adalah negatif dan tidak membantu dalam meningkatkan keyakinan pelabur asing untuk melabur di Malaysia. Malahan ia juga akan menjejaskan usaha kita menarik pelabur-pelabur daripada lain-lain negara khususnya daripada Amerika Syarikat. Kalau kita kaji pendirian yang diambil oleh Malaysia dalam kes serangan pengganas 911 dan juga pendirian Malaysia terhadap membantah dan tidak setuju dengan serangan *bombing* Amerika di Afghanistan, kita dapati imej dan status Malaysia di dunia antarabangsa telah meningkat.

Malaysia telah dianggap sebagai satu negara yang sentiasa mengamalkan sikap sederhana, sentiasa mementingkan cara perundingan dan bermesyuarah untuk menyelesaikan masalah antarabangsa. Ini telah memberi satu gambaran serta memperbetulkan imej Malaysia di peringkat antarabangsa dan telah kian menarik perhatian dan pandangan antarabangsa bahawa Malaysia adalah satu negara yang mengamalkan sikap kesederhanaan dan sentiasa mementingkan pembangunan ekonomi. Sekian, terima kasih.

2. **Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pengiran Haji Ahmad Raffae** minta Menteri Penerangan menyatakan bilakah kementerian akan menggunakan tempat-tempat tarikan pelancongan di Sabah, umpamanya Gunung Kinabalu, Danum Valley dan lain-lain tempat yang menarik yang sebahagiannya telah menjadi "world heritage", sebagai gambar latar belakang warta berita RTM atau kepada program-program RTM yang sesuai.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan [Datuk Zainudin bin Maidin]:** Tuan Yang di-Pertua, RTM telah menggunakan tempat-tempat menarik di Sabah dalam latar belakang set Berita dan juga rancangan-rancangan terbitannya yang lain. Sebagai contoh, rancangan-rancangan untuk Muhasabah, Lintas Langsung Berita dan Jendela Pagi menggunakan gambar latar belakang keindahan Negeri Sabah.

**Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pengiran Haji Ahmad Raffae:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Baru-baru ini RTM telah mengumumkan usaha ataupun rancangan untuk menggunakan teknologi maya atau *visual technology*.

Seperti mana yang kita semua sedia maklum, memang teknologi ini begitu canggih dan teknologi ini berubah dengan begitu pantas. Soalan tambahan saya ialah:-

- (i) Adakah pihak *producer* mempunyai kepakaran yang cukup untuk meneruskan program ini sebab kadang-kadang kalau ada satu berhenti, maka program itu tidak dapat diteruskan?
- (ii) Berapa peratuskah rancangan RTM yang sudah menggunakan teknologi maya ini seperti mana yang telah diumumkan?

Dan inilah yang saya maksudkan yang mana kita boleh gunakan latar belakang bukan sahaja daripada pemandangan tetapi *cultural heritage* yang boleh kita promosikan untuk pelancongan dan sebagainya. Terima kasih.

**Datuk Zainudin bin Maidin:** Tuan Yang di-Pertua, jika ada sebarang rancangan atau langkah baru yang diperkenalkan maka tentulah kita akan terpaksa memberikan latihan terlebih dahulu. Tetapi dalam pada itu saya belum dapat, tidak dapat memberikan maklumat tentang berapa persen yang telah ada kemampuan di pihak kita dalam penggunaan teknologi baru ini. Saya memerlukan pertanyaan yang lebih detail.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Abdillah.

**Tuan Abdillah bin Abdul Rahim:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan. Di Sarawak juga kita mempunyai beberapa tempat yang menarik seperti Gua Mulu dan juga Gua Niah yang mana saya percaya boleh diperkenalkan secara meluas oleh RTM melalui rancangan-rancangan seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat Datuk Mahani tadi.

Jadi, soalan tambahan saya ialah adakah pihak RTM menayangkan gambar latar belakang Gua Mulu dan Gua Niah dalam rancangan yang tertentu seperti Berita RTM dan lain-lain lagi. Sekian, terima kasih.

**Datuk Zainudin bin Maidin:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil berat atas perkara ini malah sejak sekian lama saya melihat RTM tidak menggunakan kesempatan untuk mendedahkan kawasan-kawasan dan juga tempat-tempat yang menarik di Sabah dan di Sarawak sendiri.

Maka itu banyak tanda-tanda '*landmark*' dan sebagainya maka itu dalam sejak beberapa haribulan yang lalu kita telah pun menggunakan landmark umpamanya Kuching itu sendiri sebagai latar belakang Warta Berita dan saya mengakui bahawa banyak, terlalu banyak tempat yang menaik yang indah di Sabah dan Sarawak yang tidak ada di negara lain tetapi telah tidak digunakan dan dalam hal ini tidak sahaja RTM tetapi malah penerbit-penerbit filem, drama dan sebagainya lebih condong pergi ke India dan London dan sebagainya.

Saya pun tidak faham sedangkan ada tempat-tempat yang sememangnya indah seperti Switzerland sendiri di Sabah itu sendiri. Tetapi entah kenapa barangkali perasaan kita terus menderita perasaan rendah diri, perasaan tidak menghargai apa yang kita ada, perasaan orang lain lebih besar. Perasaan ini terus kita menderita menjadi suatu penyakit yang tidak habis walaupun kita telah menjadi lebih besar daripada orang lain. Dan hal ini adalah masalah kita dan kita perlu mengatasi.

Insyaa-Allah, kita akan bersama turut menggalakkan supaya pihak yang bertanggungjawab dan semua pihak memberikan perhatian yang lebih besar ke keindahan malah pihak filem-filem dari India sendiri pun datang ke sini sebab mereka tahu menilai antara negara mereka dengan negara kita. Tetapi kita terlalu telus walaupun kita kaya, kita hebat dan sebagainya tetapi kita terus menderita *inferiority complex* dengan izin, Yang di-Pertua. Hari ini kita harap kita akan dapat mengatasi bersama dan supaya rakyat kita, penerbit filem kita dapat menilai apa yang kita ada.

3. **Dato' Dr. T. Marimuthu** minta Menteri Kesihatan menyatakan langkah kekurangan jururawat di negara kita dan apakah tindakan yang diambil oleh kementerian bagi mengatasi masalah ini.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan [Tuan S.G Sothinathan]:** Dato' Yang di-Pertua, berdasarkan kepada kedudukan perjawatan Jururawat hingga 31 Oktober 2001, terdapat 2,572 jawatan jururawat yang masih belum diisi. Walau

bagaimanapun, masalah kekurangan tersebut dijangka dapat diatasi secara berperingkat apabila seramai 721 pelatih Jururawat Gred U8 tamat latihan pada 31 Disember 2001 serta 994 pelatih tamat latihan pada 30 Jun 2002, seterusnya melalui pelatih-pelatih yang akan tamat latihan pada akhir bulan Jun dan akhir bulan Disember setiap tahun. Manakala pengisian jawatan-jawatan kenaikan pangkat akan dibuat apabila ada urusan kenaikan pangkat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Puan Jamilah.

**Puan Hajah Jamilah binti Ibrahim:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya adakah di kalangan jururawat perempuan itu terdapat jururawat lelaki? Kalau tidak ada, adakah Kementerian merancang untuk mewujudkan jururawat di kalangan kaum lelaki memandangkan kerja jururawat juga sesuai bagi seorang kaum lelaki. Terima kasih.

**Tuan S.G Sothinathan:** Dato' Yang di-Pertua, sebenarnya kerana jururawat itu lebih mirip kepada wanita jadi tidak ada sambutan daripada pihak lelaki untuk menerokai bidang jururawat ini. Tetapi namun demikian, kalau ada kaum lelaki yang ingin tetapi tidak ada sebarang halangan untuk kaum lelaki turut terlibat dalam bidang jururawat ini. Tetapi bagi jururawat mereka lebih menumpu perhatian kepada bidang pembantu perubatan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Dato' Ghazi bin Haji Ramli.

**Dato' Ghazi bin Haji Ramli:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, kita menyedari terdapat banyak graduan menganggur dan Yang Berhormat Menteri Pembangunan Manusia menyebut sejumlah RM5 bilion terpaksa kena bayar wang keluar.

Adakah pihak kerajaan memikirkan sebagai langkah interim sementara untuk menggalakkan graduan menganggur dilatih khas untuk membuat beberapa aspek bidang jururawat ini supaya pada bila-bila masa pun tidak ada kekosongan yang kritikal dalam bidang-bidang tertentu. Terima kasih.

**Tuan S.G Sothinathan:** Tuan Yang di-Pertua, untuk menceburi bidang jururawat ini memerlukan latihan yang sempurna selama tiga tahun. Jadi kita tidak ada sebarang cadangan untuk menimbangkan pengambilan graduan yang menganggur untuk menerokai bidang ini dengan memberi latihan sementara kepada mereka.

4. **Puan Chew Poh Thoi** minta Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat menyatakan program Pemulihan Akhlak yang disediakan untuk mereka yang bukan beragama Islam.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat [Dato' S. Veerasingam]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat menyediakan program pemulihan di institusi-institusi akhlak dengan berpandukan Peraturan-Peraturan Sekolah Yang Diluluskan 1981, Peraturan-peraturan Asrama Akhlak 1982 dan Kaedah-kaedah Pusat Perlindungan Wanita dan Gadis 1973.

Program pemulihan yang dijalankan adalah merangkumi semua aspek kehidupan termasuk pendidikan agama, moral, akademik, vokasional, sukan dan riadah.

Tuan Yang di-Pertua, pelaksanaan program pemulihan di semua institusi akhlak adalah sama bagi semua penghuni baik yang beragama Islam atau pun yang bukan beragama Islam. Kecuali dalam hal-hal yang berkaitan dengan pendidikan agama. Bagi penghuni yang bukan beragama Islam, mereka diberi peluang untuk mempelajari dan mendengar ceramah dengan bimbingan dari persatuan-persatuan agama yang memberikan perkhidmatan mereka secara sukarela mengikut ajaran agama masing-masing-masing. Institusi akhlak juga menyediakan menu khas untuk pengamal-pengamal agama seperti vegetarian menu dan yang ingin berpuasa mengikut ajaran agama masing-masing-masing.

Tuan Yang di-Pertua, semua juvana di institusi akhlak Jabatan Kebajikan Masyarakat dilengkapi dengan kemahiran tertentu agar mereka dapat bersaing merebut peluang-peluang pekerjaan dan seterusnya diintegrasikan semua dalam

masyarakat. Juvana-juvana yang mengikuti program pemulihan berpeluang melanjutkan pelajaran di bidang akademik dan mengikuti latihan kemahiran dalam bidang vokasional.

Juvana yang meneruskan pelajaran dalam bidang akademik akan melanjutkan pelajaran mereka dalam institusi tersebut atau melanjutkan pelajaran di sekolah biasa di luar institusi. Mereka boleh mengambil peperiksaan menengah rendah PMR atau Sijil Pelajaran Malaysia, Sijil Pelajaran Malaysia Vokasional di pusat peperiksaan yang disediakan dalam institusi dengan kerjasama Kementerian Pendidikan atau di pusat peperiksaan sekolah biasa di luar institusi.

Sekiranya mereka mencapai keputusan peperiksaan yang cemerlang mereka boleh melanjutkan pelajaran ke institusi pengajian tinggi. Juvana yang tidak dapat melanjutkan pelajaran di bidang akademik akan mengikuti latihan vokasional yang dikendalikan menerusi tiga pendekatan iaitu latihan yang dikendalikan oleh institusi latihan sambil bekerja dan usaha sama dengan Lembaga Pembangunan Industri Pemulihan Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, dengan program yang diaturkan itu baik yang bercorak latihan kemahiran mahupun kerohanian diharap ianya dapat dimanfaatkan oleh pelatih-pelatih apabila mereka dibebaskan dari institusi untuk hidup berdikari dan kembali semula ke pangkuan keluarga dan masyarakat. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Puan Siti.

**Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya, apakah standard yang telah diguna pakai untuk menjamin supaya latihan itu mencapai objektifnya dan dia seragam di seluruh negara dan setakat ini berapa ramai bilangan kaunselor yang disediakan di setiap pusat latihan pemulihan akhlak dan adakah setakat ini dia mencukupi di seluruh negara? Terima kasih.

**Dato' S. Veerasingam:** Tuan Yang di-Pertua, semua sekolah yang dikendalikan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat mengikut satu program khas yang disediakan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat dan juga apabila mereka pergi ke sekolah biasa mereka mengikuti kurikulum yang disediakan oleh Kementerian Pendidikan.

Berkaitan dengan kaunselor-kaunselor tiap-tiap Pegawai Kebajikan Masyarakat Daerah adalah seorang kaunselor yang juga boleh memberi bimbingan kepada kanak-kanak yang ada di sekolah-sekolah tertentu, Jabatan Kebajikan Masyarakat juga telah mengambil pekerja-pekerja baru yang akan berkhidmat bagi tahun 2002 untuk dijadikan kaunselor.

Lebih kurang 40 lebih kaunselor baru akan diambil supaya mereka boleh memberi kaunseling bukan sahaja kepada kanak-kanak yang ada di institusi-institusi berkenaan tetapi juga kepada orang ramai yang memerlukan kaunseling. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Ratnam.

**Tuan M. Ratnam:** Tuan Yang di-Pertua, memandangkan banyak pemuda-pemuda keturunan India terlibat dalam gejala sosial dan gengsterisme, bolehkah program khas akhlak disediakan oleh Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat dan mengatur untuk disiarkan melalui RTM6 dan TV2?

**Dato' S. Veerasingam:** Tuan Yang di-Pertua, memang kami telah bercadang dan juga ada program-program melalui RTM di mana perkara-perkara berkaitan akhlak ada ditunjuk. Tetapi jika Yang Berhormat minta dalam bahasa Tamil barangkali kita kena berhubung dengan Kementerian yang berkenaan supaya mengadakan program-program khas tetapi jika kita melihat anak-anak yang ada di institusi-institusi seperti di institusi akhlak, STB kita ada sebanyak kaum bumiputera sahaja sebanyak 1,228 orang, kaum Cina 132 orang, kaum India yang ada ialah 127 orang.

Masalah bagi kaum India berkaitan dengan masalah sosial bukanlah daripada golongan remaja yang ada masalah-masalah yang kecil seperti mencuri, bergaduh dan lain-lain. Tetapi masalah yang mereka hadapi adalah masalah besar macam membunuh, dengan izin '*serious crime*' Jadi ini adalah satu masalah yang perlu ditangani dan semua pihak yang berkenaan perlu memberi bantuan supaya masalah ini dapat diatasi dan kerajaan juga telah meluluskan sebanyak RM5.4 juta bagi dua tahun

iaitu bagi 2001 dan 2002 untuk mengadakan program-program khas untuk mengatasi masalah-masalah yang dihadapi oleh pemuda-pemuda kaum India melalui Yayasan Strategik Sosial. Sekian, terima kasih.

5. **Dato' Haji Mazlan bin Abu** minta Menteri Kesihatan menyatakan berapakah jumlah Klinik Desa yang telah dibina di penempatan semula Orang-orang Asli di seluruh negara.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan [Tuan S.G. Sothinathan]:**

Tuan Yang di-Pertua, jumlah Klinik Desa di perkampungan masyarakat Orang Asli di seluruh negara ialah 9 buah. Tujuh buah terdapat dibina di negeri Pahang iaitu tiga buah di daerah Rompin dan masing-masing sebuah di daerah Temerloh, Lipis, Raub dan Bera. Manakala dua buah lagi dibina di Kelantan iaitu satu di daerah Gua Musang dan satu di Jeli.

**Dato' Haji Mazlan bin Abu:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya, saya ada menyarankan di Dewan yang mulia ini dua tahun dahulu yang penempatan Orang-orang Asli di Kampung Peta dan Kampung Punan yang menempatkan lebih kurang 1,500 orang sangat-sangat memerlukan sebuah Klinik Desa. Soalan saya, kenapakah sehingga kini Klinik Desa itu belum dibina kerana ia seolah-olah menggambarkan yang Kementerian Kesihatan tidak mengendahkan kesihatan dan nyawa Orang-orang Asli. Sekian.

**Tuan S.G. Sothinathan:** Tuan Yang di-Pertua, adalah tidak benar bahawa Kementerian tidak mengendahkan nasib Orang Asli ataupun kesihatan mereka, tetapi sekiranya Yang Berhormat ada memberi soalan yang khusus tentang mengapa cadangan untuk Klinik Kesihatan, Klinik Desa di Peta dan Kampung Punan itu tidak dicapai mungkin saya dapat memberi jawapan pada pagi ini, tetapi kerana soalnya itu secara umum, jadi saya tidak ada maklumat yang terperinci tentang itu, saya akan mengkaji perkara ini dan akan memberi jawapan secara bertulis kepada Ahli Yang Berhormat.

**Tuan Kee Ah Kau:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Apakah rancangan pihak Kementerian Kesihatan membina Klinik Desa di seluruh kampung atau kampung bagan-bagan tempatan. Terima kasih. Itu bagan-bagan kampung tempatan untuk nelayan, kampung nelayan. Adakah apa rancangan pihak Kementerian Kesihatan membina ini.

**Tuan S.G. Sothinathan:** Tuan Yang di-Pertua, Klinik Desa ini dibina mengikut keperluan dan juga bilangan penduduk yang ada, ia tidak mengikut golongan ataupun kaum-kaum tertentu ataupun golongan pekerjaan tertentu, jadi di mana-mana sahaja di negara kita ini kalau kita perhatikan, kita ada lebih hampir lebih kurang 2,000 Klinik Desa yang dibina. Jadi, ini adalah satu pencapaian yang begitu baik untuk negara kita dari segi penjagaan kesihatan di luar bandar.

Jadi, Ahli-ahli Yang Berhormat kalau ada mana-mana tempat yang difikir perlu kita adakan Klinik Desa, kita boleh menimbangkan permintaan tersebut, tetapi saya minta Ahli Yang Berhormat supaya mengemukakan permintaan tersebut melalui sama ada Pejabat Kesihatan Daerah ataupun terus kepada Kementerian Kesihatan untuk kita menimbangkan perkara tersebut.

6. **Dato' Long bin Jidin** minta Menteri Pertanian menyatakan terdapat dakwaan bahawa bekalan makanan yang tidak bermutu dan bergred rendah dipasarkan dalam negara, manakala yang bermutu tinggi dipasarkan ke Singapura, kenapa fenomena seperti ini berlaku.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi**

**[Dr. Robia binti Dato' Kosai ]:** Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya untuk menjawab soalan ini. Tuan Yang di-Pertua, adalah tidak benar dakwaan yang mengatakan bekalan makanan yang tidak bermutu dan bergred rendah dipasarkan di dalam negara, manakala yang bermutu tinggi dipasarkan ke Singapura, ini adalah kerana bahan makanan yang dikeluarkan oleh negara untuk pasaran tempatan dan eksport ke Singapura mempunyai mutu yang sama.

Kementerian Pertanian melalui jabatan dan agensi berkaitan sentiasa memantau dan memberi tunjuk ajar kepada para pengeluar agar mengamalkan cara pertanian yang baik supaya hasil yang dikeluarkan bermutu dan selamat untuk dimakan. Sementara itu, Kementerian Pertanian melalui jabatan berkenaan, sedang

berusaha mewujudkan skim akreditasi yang menggalakkan para petani dan penternak untuk mengamalkan amalan pertanian yang baik. Adalah diharapkan melalui pelaksanaan skim ini, para petani dan penternak akan mengeluarkan hasil-hasil pertanian yang bermutu dan selamat untuk dimakan.

Di samping itu juga, Kementerian Kesihatan sentiasa menjalankan pemantauan terhadap kandungan-kandungan makanan yang dipasarkan di pasaran tempatan bagi memastikan makanan tersebut baik dari aspek kesihatannya. Tindakan-tindakan tertentu di bawah Akta Makanan 1983 boleh diambil terhadap mereka yang menjual makanan yang tidak menepati aspek keselamatan makanan seperti mana yang ditetapkan di dalam akta tersebut.

**Datuk Long bin Jdin:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih, soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada kerajaan, adakah kerajaan pernah membuat kajian tentang bagaimanakah sikap dan selera kepenggunaan berkaitan dengan mutu bahan makanan bagi rakyat negara ini. Adakah ianya berpandukan kepada mutu zat makanan atau rupa bentuk atau selera semula jadi mengikut pemakanan tradisional ataupun cara-cara lain. Sekian, terima kasih.

**Dr. Robia binti Dato' Kosai:** Tuan Yang di-Pertua, saya memohon notis dan pegawai-pegawai Kementerian Pertanian akan mengambil tindakan sewajarnya dan saya akan mengajukan soalan ini kepada kementerian berkenaan. Terima kasih.

7. **Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff** minta Menteri Pendidikan menyatakan kedudukan sebenar lebih kurang 47 orang pensyarah UiTM yang telah dikenakan tindakan pemecatan jawatan, nama-nama mereka yang terlibat dan apakah bukti-bukti kesalahan bagi setiap pertuduhan yang telah dikenakan ke atas mereka masing-masing.

**Timbalan Menteri Pendidikan [Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin]:** Tuan Yang di-Pertua, Universiti Teknologi MARA telah mengambil tindakan tatatertib terhadap 48 orang pensyarah atas beberapa kesalahan. Antaranya ialah

- (i) menjalankan kegiatan anti kerajaan dan mempengaruhi kakitangan dengan memberi pandangan-pandangan yang negatif;
- (ii) mengedarkan risalah-risalah politik di dalam kampus;
- (iii) terlibat di dalam insiden rusuhan di kawasan Masjid Jamek Kuala Lumpur;
- (iv) berkelakuan menjatuhkan reputasi UiTM dengan ucapan berunsur anti kerajaan dalam bacaan doa semasa Majlis Konvokesyen;
- (v) terlibat dalam gerakan menyokong parti pembangkang terang-terangan;
- (vi) Terlibat dalam aktiviti-aktiviti parti politik dan memegang jawatan di dalam pertubuhan politik;
- (vii) Terlibat dalam kempen-kempen politik tanpa kebenaran ;
- (viii) memburuk-burukkan kerajaan dan menunjukkan sikap benci serta mengutuk kepimpinan-kepimpinan negara dan kerajaan secara terang-terangan seperti mempamerkan gambar mereka di dalam poster-poster sebagai penceramah dalam parti politik pembangkang khususnya PAS.

Tuan Yang di-Pertua, bagi kesalahan tersebut, belum lagi ada pensyarah yang dibuang atau dipecat, tetapi sudah ada yang menangis kerana mereka diberi amaran. Tetapi kita telah kenakan tindakan seperti menamatkan perkhidmatan kontrak bagi yang di dalam kontrak kita tamatkan terus, surat tunjuk sebab, tarik balik biasiswa telah diberi teguran dan nasihat secara lisan, telah ditukarkan ke cawangan lain dan ada yang telah ditarik balik jawatan seperti dekan.

Tuan Yang di-Pertua, perilaku mereka tidak langsung menunjukkan orang yang tahu berterima kasih, ibarat meludah ke tempat makannya sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kerajaan tidak bertanggungjawab menegur dan menasihatkan orang-orang seperti mereka, kita kerajaan bersalah dan berdosa kerana UiTM mempunyai lebih 90,000 orang pelajar. Kita tidak mahu kerana 48 orang yang dipanggil pensyarah ini merosak dan mengganggu fikiran pelajar yang tidak berdosa kerana mereka dibiayai oleh kerajaan sepenuhnya.

Kita tidak mahu mereka kecundang di dalam menghadapi pelajaran dan menjadi orang yang tidak tahu mengenang budi, mereka ini tidak akan berguna kepada masyarakat nanti.

Oleh sebab itu, kerajaan terpaksa bertindak secara lembut dahulu. Kerajaan Barisan Nasional membelanjakan banyak wang untuk menubuhkan institusi ini, kalaulah pelajar-pelajar yang tidak berdosa terus dinodai, kita akan berdosa. Terima kasih.

**Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih dan terima kasih kepada jawapan yang diberi. Saya hendak tahu, apakah kerajaan mengenal pasti kenapa orang-orang cerdik pandai seperti pensyarah ini, maknanya melakukan tindakan yang sedemikian, mungkin ada sesuatu kesilapan yang tidak dipuas hati yang dibuat oleh kerajaan dan setakat ini apakah tindakan yang sama diambil terhadap pensyarah-pensyarah yang terlibat dengan parti-parti pemerintah. Terima kasih.

**Datuk Abdul Aziz bin Shamsuddin:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih banyak. Saya ingin menerangkan sedikit, tidak ada di dalam dunia ini kerajaan yang baik seperti Malaysia. [Tepuk]

Kalau seseorang pensyarah, kalau seseorang yang ingin menjadi pensyarah, mereka ada first degree, tetapi kita menggalakkan mereka mengadakan master degree dan Ph.D. untuk pergi membuat master degree dan Ph.D kita beri scholarship, kita beri gaji penuh, bawa isteri, bawa anak sekali, cucu pun kalau boleh kita akan benarkan.

Mana ada, mana ada dalam dunia ini, kecuali Malaysia yang bertuah ini. Tetapi malangnya ada manusia yang tidak tahu langsung apa erti terima kasih. Mungkin mereka telah dilatih dari kecil, seperti kelas-kelas Taski yang hari ini kita sangat risau, kita ingin melihat manusia menjadi manusia yang baik, lemah lembut dan berbudi bahasa. Kalau kita di dalam negara yang mempunyai manusia yang keras hati, sombong, bongkak dengan tidak ada sebab, semua orang akan susah, bukan hanya yang suka itu merasa senang, semuanya akan susah termasuk orang yang menggalakkan kebencian ini berlaku, percayalah kepada saya. [Tepuk]

Memang ada, dan kalau dipersoalkan apakah tindakan kepada pensyarah yang pro kerajaan, patut mereka pro kerajaan kerana kita yang membiayai dia, dari sekolah rendah, sekolah menengah, universiti dan beri gaji, ini patut kita puji. Hari ini siapa yang kena kecam? Yang kena kecam ialah Profesor Dato' Ibrahim Shah di UiTM kerana dia menyokong penuh kerajaan dan juga Profesor Dato' Haji Fauzi bin Basri daripada UUM, ohh dikecam. Saya rasa kesal atas sikap sesetengah visi dan juga pensyarah-pensyarah di universiti-universiti yang tahu kawan-kawan mereka berkelakuan tidak senonoh, tetapi membiarkan kerana ingin popular untuk dapat dua front, dengan kerajaan ingin popular dengan pembangkang pun hendak popular, orang ini tidak bertanggungjawab kerana kerajaan membelanjakan billion of *Dollars for the sake of education for the people of this beautiful country*, dengan izin. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

8. **Puan Melanie Chia Chui Ket** minta Menteri Sumber Manusia menyatakan memandangkan kepada permintaan yang semakin meningkat bagi pekerja-pekerja dalam industri teknologi maklumat dan komunikasi (ICT), apakah program pembangunan sumber manusia yang sedang dirangka bagi memastikan bahawa permintaan yang semakin meningkat ini dapat dipenuhi.

**Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dr. Abdul Latiff bin Ahmad]:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Sumber Manusia melalui Pembangunan Sumber Manusia Berhad, KCM Berhad sememangnya memberi penekanan yang lebih kepada latihan dalam bidang teknologi maklumat dan komunikasi. Program-program yang telah dilaksanakan adalah seperti berikut:-

- (i) Majikan yang melatih pekerja dalam bidang ICT adalah layak mendapat bantuan kewangan pada kadar 100%

daripada kos latihan yang dibenarkan seperti yuran latihan dan elaun harian pelatih. Setakat 30 November 2001 sebanyak 368,442 tempat latihan dengan bantuan kewangan sebanyak RM138.8 juta telah diluluskan bagi latihan pekerja dalam bidang ICT.

- (ii) Majikan juga layak mendapat bantuan kewangan untuk membeli komputer peribadi bagi membolehkan mereka mewujudkan pusat latihan berbantu komputer di syarikat mereka, setakat 30 November 2001 sebanyak RM15.9 juta telah diluluskan bagi tujuan tersebut.
- (iii) Pada tahun 2001 skim teknologi maklumat dan komunikasi untuk pekerja atau workers information technology scheme (WITS), dengan izin, telah dilaksanakan untuk meningkatkan kemahiran ICT di kalangan pekerja, sebanyak RM10.8 juta telah diluluskan di bawah skim ini untuk melatih seramai 17,779 pekerja.

Kementerian Sumber Manusia juga telah melaksanakan skim latihan graduan, di bawah skim ini graduan yang telah tamat pengajian dari tahun 1999 dan selepasnya yang masih menganggur boleh mengikuti latihan dalam bidang teknologi maklumat untuk tujuan melengkapkan mereka dalam kemahiran berkenaan. Sebanyak RM20 juta telah disediakan oleh kerajaan melalui Jabatan Perdana Menteri untuk melaksanakan skim tersebut.

**Tuan Abdillah bin Abdul Rahim:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih, soalan tambahan. Sementara beberapa kilang ataupun syarikat dimaklumkan mempunyai kekurangan pekerja dalam bidang ICT, pada masa yang sama juga kita mendapati banyak graduan dalam bidang ICT yang belum lagi mendapat pekerjaan. Jadi, saya ingin bertanya apakah langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan untuk menentukan keadaan seperti ini dapat diatasi. Sekian, terima kasih.

**Dr. Abdul Latiff bin Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih soalan tambahan daripada Yang Berhormat Senator Tuan Abdillah. Sebenarnya, sama ada majikan ingin mengambil graduan atau bukan graduan dalam bidang ICT untuk meneruskan program-program ICT dalam organisasi mereka, sebenarnya itu adalah di luar bidang kuasa kerajaan, ini terpulang kepada, dengan izin, demand dan supply.

Kita dapati bahawa kebanyakan graduan ICT yang keluar daripada universiti tempatan mahu pun universiti luar negara, kebanyakan mereka adalah teknokrat dalam bidang ICT dan tidak ramai yang begitu mahir dalam bidang technologist. Untuk menjadi technologist mereka memerlukan kemahiran yang lebih mendalam dan memerlukan latihan yang lebih dalam.

Oleh yang demikian, kebanyakan graduan yang keluar daripada universiti yang saya katakan, kebanyakan pertamanya, tidak mempunyai pengalaman, kedua, tidak mempunyai kemahiran yang mendalam dari sudut ini, sebab itu pekerja-pekerja yang dikehendaki oleh majikan-majikan dalam organisasi mereka adalah pekerja-pekerja yang mahir dalam sektor-sektor tertentu dan sektor-sektor tertentu ini tidak dapat dibekalkan oleh graduan tempatan, sebab itu ramai pekerja daripada India yang mahir dalam bidang ICT yang bertaraf technologist ini dibayar gaji oleh majikan di Malaysia ini antara RM5,000 hingga ke RM10,000.

Ekoran daripada itu, latihan yang kita sengaja atur melalui skim latihan graduan ada dua skim dan juga skim pekerja yang diberhentikan *retrenched workers scheme* memang mengenal pasti isu-isu tersebut. Kita memang sudah susun atur program-program untuk mewujudkan lebih ramai *technologies* daripada *technocrat*. Sekian, terima kasih.

**Dato' Dr. Chin Fook Weng:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya difahamkan pekerja-pekerja yang kehilangan kerja itu ramai daripada mereka itu digalakkan menyertai beberapa latihan semula yang dianjurkan oleh Kementerian Sumber Manusia khasnya dalam pelajaran ICT yang disediakan. Tiap-tiap kali kita melalui sesuatu tempat kita ada melihat iklan yang memberitahu tentang program-program yang demikian. Adakah kementerian membuat pemantauan selepas latihan mereka, adakah mereka berjaya untuk mencari kerja yang baru ataupun selepas latihan itu mereka masih tidak dapat apa pekerjaan. Terima kasih.

**Dr. Abdul Latiff bin Ahmad:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua soalan Yang Berhormat Dato' Dr. Chin. Untuk skim ICT yang dianjurkan menggunakan dana daripada *levy*, yuran daripada majikan. Kajian menandakan bahawa mereka yang menjalani latihan dalam bidang ICT mempunyai *employability* lebih baik, sementara skim-skim yang baru ini, baru saja dijalankan maka kajian belum lagi dibuat.

9. **To' Puan Wan Asiah binti Ahmad** minta Perdana Menteri menyatakan, rancangan terdekat untuk mempercepatkan kes-kes syariah tertangguh di Mahkamah Syariah di Wilayah Persekutuan dan di peringkat negeri-negeri.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tengku Dato' Adnan bin Tengku Mansor]:** Tuan Yang di-Pertua, kerajaan sedang mengambil langkah bagi mengatasi masalah kes yang tertangguh di Mahkamah Syariah di Wilayah Persekutuan dan negeri-negeri dengan mewujudkan norma perjawatan yang standard yang memberikan peluang penambahan hakim-hakim syarie dan pegawai syariah. Melalui arahan amalan yang dikeluarkan dari masa ke semasa, tekanan juga diberi kepada proses pengendalian kes-kes secara cepat dan efisien di samping memperkenalkan kaedah penyelesaian secara *sue* atau dengan izin, *mediation* iaitu satu proses sebelum kes diselesaikan di mahkamah. Terima kasih.

10. **Puan Hajah Che Jam bin Harun** minta Menteri Pembangunan Wanita dan Keluarga menyatakan, adakah Kementerian bercadang mewujudkan tabung khas untuk ibu tunggal bertujuan memberikan pinjaman kepada ibu-ibu tunggal mendapatkan pinjaman bagi menjalankan perniagaan atau pembiayaan persekolahan anak-anak bagi lain-lain urusan.

**Menteri Pembangunan Wanita dan Keluarga [Dato' Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil]:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian memang sedar dan prihatin terhadap masalah yang sering dihadapi oleh golongan ibu tunggal termasuk dari segi kewangan. Buat masa ini salah satu teras strategik Kementerian adalah membantu wanita yang menghadapi masalah terdesak dengan memberi khidmat sokongan seperti bimbingan dan kaunseling. Pada masa yang sama, Kementerian bekerja sama dengan agensi-agensinya kerajaan yang relevan serta pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan untuk melaksanakan program pembangunan kapasiti bagi golongan ini.

Mengenai bantuan kewangan termasuk pinjaman kepada ibu-ibu tunggal, perkara ini dikaji oleh Kementerian dan pewujudan sebuah tabung khas untuk ibu tunggal adalah salah satu perjuangan Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga. Soal sama ada sebuah tabung seperti mana yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat berkenaan berdaya maju atau sebaliknya juga perlu dikaji dengan teliti.

**Datuk Ghazi bin Haji Ramli:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada pihak Kementerian kerana begitu prihatin dengan masalah-masalah wanita sememangnya layak. Saya mengucapkan tahniah kepada satu mesyuarat yang diadakan atas tema *Mengutamakan Keluarga Membawa Pulang Kasih Sayang*. Saya ingat ini amat tepat dengan tema yang dipilih oleh pihak Kementerian, tahniah. Saya nak tanya mengenai masalah ibu tunggal ini ialah, kalau ia ibu tunggal tidak ada famili, bagaimanakah kerajaan bercadang nak membawa kasih sayang ke rumah. Ha! sebab dia tak ada suami. Jadi kekosongan itu macam mana hendak isi dan kalau kerajaan bercadang berpandukan, berlatar belakang program anak angkat yang begitu berjaya, adakah kerajaan bercadang untuk mengadakan program bapak angkat atau suami angkat dan angkat-angkat yang lain. Terima kasih.

**Dato' Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil:** Tuan Yang di-Pertua, buat masa ini Kementerian memang tidak ada program angkat-angkat ini sebab kita dapati bahawa sebenarnya wanita apabila mereka menerima sokongan, *support group* yang ada insya Allah, mereka *resilient* dan dapat menangani masalah.

Program yang kita adakan melalui LPPKN dengan izin *family first bringing your heart home* adalah salah satu program *preventive* di mana sebelum wanita itu dianiayai atau ditunggalkan, biarlah suami mereka menjaga dan mengasahi keluarga. Apabila berlaku perpecahan atau perceraian ataupun kematian kerana ibu tunggal ini adalah terdiri daripada golongan mereka yang bukan hanya yang bercerai tetapi suami telah meninggal, mereka memerlukan bantuan kewangan dan juga bantuan sokongan di mana mereka diberi peluang untuk bekerja dan mendapat pendapatan.

Memang ini bukan masalah yang senang sebab itu Yang Berhormat, semua program yang kita jalankan kita memerlukan bantuan kaum bapa. Sebab memang betul apa yang Yang Berhormat kata, kalau wanita itu keseorangan, memang susah hendak bawa kasih sayangnya pulang. Jadi kalau dalam keadaan itu, dia bawa pulang kasih sayang kepada anak-anak mereka sebab kalau suami sudah tidak mahu ambil tahu langsung dan tidak menjalankan tugas dengan bertanggungjawab maka wanita itu mesti menentukan bahawa keluarganya terutama anak-anak itu tidak teraniaya atau tidak terbiar.

Saya percaya jika kita mendapat sokongan, walaupun ada perceraian dalam mana-mana keluarga tetapi tugas dan tanggungjawab bapa itu tidak berhenti dengan perceraian. Siapa kata ibu seorang sahaja yang kena jaga anak-anak.

Jadi di sinilah kita nak minta semua kaum bapa lebih bertanggungjawab. Janganlah selepas perceraian, dia tidak langsung mengambil berat tentang tugas dan tanggungjawab. Namun begitu Yang Berhormat, wanita Malaysia saya lihat daripada pengalaman menjalankan tugas, terdiri daripada mereka yang terdiri mempunyai kekuatan dalaman. Mereka adalah *special group of women in the world*, dengan izin, [Tepuk] Dan tidak mudah patah semangat mereka.

**Dato' Lee Pit Chern:** Adakah Kementerian bercadang mewujudkan satu tabung khas untuk wanita yang berumur 55 tahun yang tidak berkahwin, yang tidak ada anak dan sebagainya.

**Dato' Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya pada masa ini Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga tidak mempunyai apa-apa tabung pun. Prioriti jika dapat kebenaran daripada pihak Perbendaharaan, tabung utama yang kita harap dapat kita wujudkan ialah ibu tunggal dan wanita dalam krisis. Wanita yang lebih daripada umur 50 tahun, kita percaya wanita umur 50 tahun ke atas jika dia tidak sakit, dia masih muda, sebab kesihatannya meningkat. Umurnya, jangka hayatnya lebih daripada alaf dahulu. Kita harap wanita-wanita ini terus bekerja dan mereka tidaklah memerlukan bantuan seperti mana ibu tunggal dan wanita-wanita dalam krisis.

11. **Puan Hajah Puizah binti Haji Abu Kassim** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan, apakah tindakan susulan Kementerian terhadap kenyataan sebahagian pihak tertentu mengenai layanan yang tidak memuaskan terhadap tahanan ISA di Kem Kamunting yang tidak menggambarkan keadaan sebenar.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri [Datuk Seri Abu Zahar bin Isnin]:** Tuan Yang di-Pertua, pihak pengurusan penjara mempunyai peraturan-peraturan tertentu yang perlu dipatuhi dalam menjalankan tanggungjawab pengurusan penjara termasuklah di Kem Tahanan Kamunting.

Peraturan-peraturan tersebut meliputi semua aspek banduan ataupun tahanan seperti penjagaan kesihatan, urusan pemakanan, hal ehwal kebajikan dan sebagainya. Peraturan-peraturan ini juga mengambil kira aspek hak asasi manusia seperti yang terkandung di dalam perlembagaan negara kita iaitu Perlembagaan Persekutuan.

Oleh yang demikian pihak kerajaan tidak bercadang buat masa ini melakukan sebarang perubahan ke atas sistem layanan banduan ataupun tahanan kerana layanan yang diberi adalah baik dan memuaskan. Mengenai layanan yang tidak memuaskan seperti mana yang di soal tadi, ini adalah perkara subjektif di mana pandangan dan perasaan seseorang tidak sama dengan pandangan pihak yang lain. Terima kasih.

**Puan Safinah binti Jusoh:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Malaysia sebagai sebuah negara Islam menuju kepada amalan hidup mengikut ajaran Islam. Mereka yang ditahan di bawah ISA di Kem Kamunting sangatlah menanti kunjungan ahli keluarga menziarahi mereka. Apa yang saya perhatikan ialah sejak daripada tahun 80an sehingga kini, ahli-ahli keluarga yang dapat menziarahi mereka yang ditahan ini ialah isteri, anak, adik beradik, ipar dan sepupu. Tetapi yang menghairankan ialah bapa saudara dan emak saudara tidak dibenarkan untuk melawat ataupun menziarahi tahanan ini. Jadi saya hendak tanya apakah prosedur yang diguna pakai sehinggalah orang yang dikira rapat dengan mereka ini dinafikan hak untuk menziarahi. Terima kasih.

**Datuk Seri Abu Zahar bin Isnin:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat saya mengucapkan ribuan terima kasih tapi perkara ini tidaklah dikatakan luar biasa kerana

dalam perkataan keluarga yang terdekat di kalangan banduan ialah pertama isteri, kemudian anak, kemudian ibu bapa yang rapatlah tetapi bapa saudara kemungkinan besar tidak masuk dalam cerita keluarga yang terdekat. Oleh itu pegawai penjara menjalankan tugas masing-masing mengikut peraturan-peraturan yang ada Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Haji Rosli.

**Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya. Soalan asal daripada Puan Hajah Faezah ini bukan mempertikaikan keadaan yang amat baik diusahakan oleh kerajaan di penjara ataupun di kem-kem seperti di Kem Kamunting. Soalan asal saya rasa ialah berkenaan dengan kenyataan sebahagian pihak, khususnya parti-parti pembangkang.

Saya hendak tanya kementerian dan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, apakah sebenarnya tindakan kerajaan terhadap beberapa pihak termasuk beberapa pemimpin politik pembangkang seperti PAS dan juga Keadilan yang menentang secara terang-terangan undang-undang dan Akta ISA itu sendiri? Di Parlimen mungkin kita tidak ada masalah, tetapi di luar dengan memakai tanda penentangan ISA, apabila mereka pergi ke kampus-kampus, mereka gunakan kata-kata yang kesat kepada kerajaan berkenaan ketidakadilan ISA dan sebagainya. Jadi saya rasa soalan asalnya ialah berkenaan kumpulan-kumpulan yang membuat gerakan tidak menghormati undang-undang yang telah diluluskan oleh kita bersama. Terima kasih.

**Datuk Seri Abu Zahar bin Isnin:** Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih sekali lagi kepada Yang Berhormat. Di sinilah saya kata, kerajaan kita ini sebagaimana yang dikatakan oleh Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz tadi, kerajaan yang bertimbang rasa dan sungguh pula baik budi pekerti. Kalau tidak lebih ramai lagi penentang-penentang kerajaan seperti ahli-ahli PAS dikurung dalam Kem Kamunting. Tetapi oleh sebab kita ini mengamalkan demokrasi dan mengamalkan juga hak asasi manusia, dia hendak pakai lencana kah, dekat bahu kah, dekat dada dia kah, dekat kepala dia kah, menentang ISA, itu adalah kebebasan hak asasi kita berikan kepada mereka; dia hendak bawa ke mana, bawalah.

Tetapi kerajaan tetap dengan apa yang telah diputuskan melalui perundangan, iaitu ISA ini kita telah luluskan dalam Parlimen. Berterusan pula pada zaman darurat punya undang-undang. Kita tidak menyalahi di mana-mana. Kalau penjajah dahulu boleh menggunakan undang-undang ini dan tidak pula ada orang yang menentang; kalau ada pun orang yang menentang, takut. Tetapi hari ini kita beri kebebasan kepada mereka untuk memakai apa pun, tetapi yang kita ambil tindakan ialah yang sudah melampau.

Saya pernah cakap dalam Parlimen, kalau siapa yang melampau kena tampau, saya kata. Tampau dia tahananlah! Tahanan ISA, bukan kita pergi sepak pada muka dia Tuan Yang di-Pertua. Kita tahan dia, kita tahan pun kita soal siasat sahaja, kita beri mereka makan. Kadang-kadang dia orang ini bila keluar lebih sihat daripada kita yang duduk di luar ini, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

12. **Tuan K.R.A. Naidu** minta Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia menyatakan apakah sumbangan yang diberi oleh Panel Penasihat Antarabangsa (IAP) untuk menjayakan projek Koridor Raya Multimedia (MSC).

**Timbalan Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia [Datuk Tan Chai Ho]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Panel Penasihat Antarabangsa MSC telah dilantik pada tahun 1996. Ahli-ahli penasihat ini terdiri daripada ketua-ketua eksekutif syarikat ICT terkemuka di dunia yang telah dipersetujui oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia.

Sejak pelantikan panel tersebut, MDC telah mengadakan lima mesyuarat khusus bagi membincang hala tuju dan perkembangan MSC untuk masa hadapan. Panel Penasihat Antarabangsa ini telah dilantik bukan sahaja bagi memberi maklumat terkini tentang perkembangan industri ICT tetapi juga memberikan khidmat nasihat tentang perkembangan industri ICT di peringkat global dan kaitannya dengan perkembangan MSC. Sumbangan panel IAP ini termasuklah memberi maklumat dan pengetahuan strategi tentang perkembangan ICT dan khidmat nasihat tentang perkara perkara seperti:

- (i) bidang perkembangan yang perlu diceburi oleh pemasaran produk ICT/MSK ke seluruh dunia;
- (ii) bidang-bidang penyelidikan dan perkembangan (R&D) , dengan izin, yang perlu dititikberatkan bagi meningkatkan keupayaan Malaysia bersaing dengan negara lain dalam industri ICT;
- (iii) keperluan mempertingkatkan infrastruktur yang sedia ada bagi kemajuan ICT di Malaysia; dan
- (iv) keperluan mempertingkatkan tenaga pekerja berpengetahuan ICT dalam bidang-bidang tertentu untuk menjamin dan mengekalkan kemajuan dan daya saing MSC di peringkat global dan di masa hadapan.

Selain itu Panel IAP ini telah memperkenalkan MSC kepada negara lain melalui syarikat-syarikat yang diterajui oleh ahli-ahli Panel Penasihat ini. Sekian, terima kasih.

**Dato' Dr. Chin Fook Weng:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya selaras dengan ditubuhkan IAP ini, kenapa kerajaan tidak juga menubuhkan satu MAP iaitu Malaysia Advisory Panel yang terdiri daripada pakar-pakar di Malaysia dalam kerja Koridor Raya Multimedia ini supaya panel yang ditubuhkan di Malaysia dan yang terdiri daripada ahli-ahli atau pakar-pakar dalam Malaysia ini juga boleh memberi pandangan-pandangan yang berkesan supaya Koridor Raya Multimedia ini dapat dipercepatkan? Terima kasih.

**Datuk Tan Chai Ho:** Tuan Yang di-Pertua, setakat ini kerajaan tidak berhasrat untuk menubuhkan satu yang dinamakan MAP atau struktur-struktur yang secara formal. Walau bagaimanapun, ini tidak bermakna bahawa maklum balas atau pendapat daripada pihak-pihak berkenaan tempatan tidak dapat diperolehi. Kerajaan sentiasa melalui agensi-agensi termasuk kementerian saya dan MDC mempunyai perundingan dan forum-forum yang tertentu untuk mendapat maklumat dan nasihat daripada pakar-pakar tempatan. Oleh sebab ini secara informal dan lain-lain forum dan lain-lain cara nasihat dan maklum balas pun sudah boleh diperolehi. Sekian, terima kasih.

13. **Tuan Haji Abdul Malek b. Haji Abdul Ghani** minta Menteri Pertanian menyatakan sejauh manakah hasil penyelidikan MARDI dapat dimanfaatkan oleh pengusaha-pengusaha industri makanan bagi memenuhi keperluan makanan negara. Apakah keberkesanan hasil penyelidikan tersebut dapat mengurangkan pengaliran mata wang Malaysia keluar negara dan membantu pembangunan ekonomi

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian [Dato' Abu Bakar bin Taib]:** Tuan Yang di-Pertua, hasil penyelidikan MARDI dikomersialkan melalui tiga cara supaya dapat dimanfaatkan oleh pengusaha-pengusaha industri makanan. Yang pertama ialah melalui Pusat Pemindahan dan Pengkomersialan Teknologi.

Fungsi utama pusat ini ialah untuk melaksanakan aktiviti pemindahan dan pengkomersialan teknologi kepada pengusaha dan syarikat industri kecil dan sederhana. Tumpuan diberikan kepada pembangunan industri ternakan, pengeluaran makanan seperti padi, sayur-sayuran, buah-buahan, tanaman makanan, herba dan bukan makanan seperti minyak pati, makanan ternakan, bunga-bunga dan lanskap serta pemprosesan makanan.

Melalui pusat ini, ia membantu memodenkan pengeluaran yang sedia ada serta meningkatkan kualiti makanan yang diproses. Ia juga dapat mewujudkan usahawan elit dalam industri pertanian dan makanan khususnya pemprosesan makanan yang bertaraf dunia dan mampu bersaing di pasaran antarabangsa.

Cara kedua ialah melalui Unit Pembangunan Perniagaan. Unit ini adalah sebagai jambatan dalam pengkomersialan dan peningkatan tahap inovasi teknologi MARDI oleh syarikat dan konglomerat utama. Usaha dapat meningkatkan tahap pelaburan swasta dalam pengeluaran makanan.

Cara ketiga ialah melalui Unit Bahan Tanaman dan Ternakan. MARDI sebagai penjana teknologi telah memasuki satu fasa yang penting iaitu membekal bahan induk tulen seperti benih tanaman, bahan tanaman dan baka ternakan kepada

agensi kerajaan dan syarikat swasta yang dilantik sebagai pengeluar dan pembekal bahan tersebut. Bekalan bahan tanaman dan baka ternakan yang bermutu tinggi dan terjamin ini dapat meningkatkan keupayaan industri pertanian.

Usaha-usaha MARDI menjalankan penyelidikan dan pembangunan industri pertanian dan makanan serta pengkomersialan dan pemindahan hasil penyelidikan kepada golongan sasaran telah berjaya memodenkan industri ini di samping meningkatkan kualiti pertanian dan produk pertanian. Ini seterusnya membantu dalam pembangunan ekonomi negara. Terima kasih.

**Puan Jamilah binti Ibrahim:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya pernah bertanya soalan ini dua tahun lalu iaitu mengapa pihak Kementerian Pertanian tidak menggiatkan petani-petani menanam sayur di seluruh negara memandangkan bumi Malaysia adalah bumi yang subur. Diberi jawapan yang masih saya ingat lagi bahawa import sayuran dari luar adalah lebih ekonomik dan lebih murah. Hari ini saya harap dapat jawapan yang lainlah agaknya mengenai soalan yang sama. Mengapa tidak menggiatkan, sama ada individu ataupun industri, untuk menggiatkan petani-petani menanam sayur-sayuran di persekitaran di tempat-tempat yang lalang dibiarkan, untuk memantapkan ekonomi dan untuk kesihatan melalui sayur-sayuran negara kita yang pernah kita lakukan pada zaman Bumi Hijau dahulu? Terima kasih.

**Dato' Abu Bakar bin Taib:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat tidak faham. Yang Berhormat tidak faham mengenai pertanian kerana ada yang boleh kita tanam dalam negara, ada yang tidak boleh ditanam dalam negara. Itu soalnya. Katakanlah macam benda-benda seperti tepung misalnya, kita tidak dapat tanam gandum dalam negara; dan juga dari segi misalnya buah kurma, tidak dapat ditanam dalam negara. Macam mana hendak tanam? Jadi Yang Berhormat, hendak cakap itu baik-baik sedikitlah, dan faham-faham. Janganlah menuduh Kementerian Pertanian tidak menjalankan tugas ataupun tidak menjalankan tugas dengan baik.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyatakan di sini, melalui industri makanan, kita telah mengeluarkan produk herba, rempah ratus, semuanya itu diusahakan di dalam negara. Dalam industri cili sos kita ada lima usahawan yang terserlah: Syarikat Jalin, Zara Foodstuff dan sebagainya. Dan bagi *paste* cili, pihak swasta telah meningkatkan produk ini. Dia ada enam orang yang berkecimpung dalam industri ini. Dalam bidang teknologi pembangunan dan pembungkusan – 1 syarikat; bidang teknologi jus dan kordial – 6 syarikat; teknologi industri kicap – 10 syarikat; teknologi industri santan – 1 syarikat; teknologi produk pasta – 6 syarikat; teknologi industri peraman - iaitu peram, fahamlah agaknya- ada lebih kurang 29 syarikat; dan teknologi hasil pastri sejuk beku – 1 syarikat. Ini semua kita adakan.

Pihak kerajaan akan terus memainkan peranan melalui pihak swasta untuk memajukan sektor pertanian. Kalau misalan kita sasarkan, kita akan meminta syarikat Golden Hope, Guthrie, Sime Darby mengeluarkan lebih kurang satu juta ekor lembu. Itu kita sasarkan, dan lain-lainnya, katalah padi kita sudah tanam dalam negara, dan lain-lain makanan yang ditanam dalam negara ialah misalnya herba dan seterusnya, dan itulah kita lakukan. Yang Berhormat perlu sedar bahawa ada yang boleh ditanam dalam negara, ada yang tidak boleh ditanam dalam negara. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Dato' Ghazi.

**Datuk Ghazi bin Haji Ramli:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih dan tahniah kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tadi yang memberi jawapan yang panjang yang setengahnya saya pun tidak faham, saya baik mengaku siang-siang. Sedikit lagi yang saya tidak begitu faham, kalau dapat Yang Berhormat tolong simpulkan kejayaan MARDI ini dalam lima tahun yang lepas, apakah umpamanya hasil penyelidikan lima yang terbaik dalam lima tahun yang lepas, sedikit sudah dan lain-lain hasil itu adakah dipatenkan kerana trend di US sekarang sedang melihat negara-negara membangun, asam, peria dan benda-benda lain, padi dan sebagainya semua dipatenkan oleh Amerika Syarikat. Saya ingin tahu adakah semua benda-benda yang dihasilkan oleh MARDI ini dipatenkan dan berapa lama? Terima kasih.

**Dato' Abu Bakar bin Taib:** Tuan Yang di-Pertua, pihak MARDI telah pun mengeluarkan padi jenis 5219 MG20, ini yang terbaru. Sebelum ini kita memulakan MR84 padi lamalah yang kita lakukan dan lain-lain lagilah. InsyaAllah, selepas ini kita adakan orang kata *gene bank* di kawasan Penang, kita ada *gene bank* untuk kita

kacukkan benda-benda yang lama misalnya padi ma'ibus dan sebagainya dijadikan kacukan yang mengeluarkan padi yang baik sedikit.

Seterusnya baru-baru ini kita ada ciku CM19 yang buahnya sebesar epal, kalau tuan-tuan tengok besar epal dan seterusnya kita boleh makan tanpa membuang kulit, basuh kulit macam epal juga dan kita boleh makan. Selainnya itu, kita juga mengadakan mesin proses makanan. Cili jadikan *paste*, satu proses yang kita lakukan dan herba. Herba juga seperti cekur manis, Tongkat Ali dan lain-lain yang kita perlu adakan di negara kita ini. Kerana itulah saya ingat saya pun tidak dapat memberikan jawapan yang tepat. Kalau dia hendak lima lebih lagi pun kita boleh beri Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masa bagi Jawab Lisan telah cukup.

**[Masa untuk pertanyaan bagi Jawab Lisan telah cukup dan jawapan bagi Pertanyaan No. 14 hingga 29 adalah dijilid dalam buku yang berasingan]**

## RANG UNDANG-UNDANG

### RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2002 Bacaan Kali Yang Kedua

Aturan Urusan mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang" **[10 Disember 2001]**

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya minta Yang Berhormat Datuk Christina menyambung semula ucapannya.

**11.20 pagi**

**Datuk Christina Tibok Vanhouten:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya menyambung ucapan. Dalam pada usaha kerajaan untuk meningkatkan taraf hidup masyarakat minoriti saya sarankan kepada kerajaan untuk membuat penyiasatan pendapatan isi rumah yang lebih terperinci bagi Sabah dan Sarawak untuk menentukan tahap pendapatan, kemiskinan dan kualiti hidup di kalangan bumiputera seperti Kadazandusun, Iban, Bajau, Murut, Bidayuh, Melanau dan minoriti lain-lain. Usaha juga perlu diteruskan untuk memperkukuhkan dan meningkatkan penyertaan yang berkesan bumiputera dalam sektor korporat. Dalam hal ini saya berharap tumpuan akan diberi bagi meningkatkan hak milik ekuiti di kalangan bumiputera di Sabah dan Sarawak.

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, MAPEN 2 telah menunjukkan bahawa di kalangan etnik kadar kemiskinan masih tinggi di kalangan suku kaum di Sabah. Jadual 2.46 MAPEN 2 jelas menunjukkan bahawa kedudukan tahun 1997 di Sabah kadar kemiskinan kaum Murut ialah 27%, kaum Kadazan 26.9%, kaum Bajau 18.5%. Dengan angka-angka tersebut jelas sekali bahawa negeri saya masih perlu banyak bantuan daripada Kerajaan Barisan Nasional. Era Barisan Nasional di Sabah pada kali ini adalah era yang kami di Sabah meletakkan banyak harapan untuk kemajuan perubahan dan pembangunan.

Untuk ini kemiskinan di kalangan kaum minoriti harus diatasi. Dengan pelaksanaan strategi dan program pengagihan yang saksama. Bagi mencapai tujuan ini pelaksanaan strategi dan program kerajaan mestilah diperkukuhkan melalui kementerian-kementerian dan agensi-agensi kerajaan yang ada. Dengan memastikan penyertaan seimbang dengan kumpulan etnik dan keseimbangan pendapatan di antara wilayah. Untuk ini saya mencadangkan kerajaan untuk mengkaji semula dan memperbaiki kelemahan-kelemahan pelaksanaan-pelaksanaan strategi dan program yang sedia ada.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada kerajaan kerana terus memberi perhatian kepada golongan rakyat miskin. Program kesejahteraan rakyat yang dahulu dikenali sebagai program pembangunan rakyat termiskin akan memberi keutamaan kepada negeri-negeri yang mempunyai rakyat miskin. Bagi tujuan ini kerajaan memperuntukkan RM204.5 juta program seperti pemulihan sikap keluarga miskin, membantu keupayaan mereka, menambah

pendapatan, program makanan tambahan, peningkatan pertanian dan ekonomi kampung, program pemulihan rumah dan pembangunan masyarakat setempat.

Semua ini adalah niat yang sungguh baik, apa yang perlu adalah pengimplementasian dan pemantauan program-program yang dirancang itu dengan teliti dengan komitmen dan dengan disiplin oleh pihak-pihak yang menjalankan tugas yang dikehendaki. Tidak dapat dinafikan lagi kerajaan sekarang ini bersungguh-sungguh mempercepatkan pembangunan luar bandar dengan memperuntukkan RM5.34 bilion. Ini termasuklah pembangunan pertanian tanah dan wilayah kampung dan masyarakat. Pembekalan elektrik dan air di luar bandar dan pembangunan pendidikan. Semoga dengan agihan peruntukan ini masyarakat luar bandar khas bumiputera sama ada di Semenanjung ataupun di Sabah dan Sarawak sama-sama dapat menikmati peningkatan tahap hidup.

Adalah diharapkan supaya peruntukan ini dapat menjangkau sasarannya dan yang disalurkan melalui kementerian, jabatan atau agensi-agensi kerajaan yang berkenaan. Belanjawan 2002 ini nampaknya bermurah hati kepada negeri Sabah dan Sarawak kerana kedua-dua negeri ini diberi keutamaan untuk memperbaiki dan meluaskan liputan pembekalan air dan juga tenaga elektrik kawasan luar bandar. Ini jelas menunjukkan komitmen Kerajaan Persekutuan dalam membangunkan negeri Sabah dan Sarawak. Adalah diharapkan supaya peruntukan ini dapat diagih-agihkan kepada semua golongan masyarakat di Sabah dan Sarawak dengan adil dan saksama tanpa kerena birokrasi di kalangan pihak atasan.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali saya ingin mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya peluang untuk mengambil bahagian membahaskan Belanjawan 2002. Dengan itu saya menyokong penuh Rang Undang-undang Perbekalan 2002. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Datuk Ghazi.

**11.26 pagi**

**Datuk Ghazi bin Haji Ramli:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian dan menyokong Belanjawan 2002 yang telah pun disampaikan dengan begitu terang, jelas oleh Menteri Kewangan Yang Amat Berhormat Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad. Saya ingin memulakan perbahasan saya ini dengan membaca Surah Al Nal ayat 125, yang bermaksud *“Serulah ke jalan Tuhanmu wahai Muhammad dengan hikmah kebijaksanaan dan nasihat pengajaran yang baik dan berbahasalah dengan mereka yang engkau serukan itu dengan cara yang lebih baik, sesungguhnya Tuhan mu Dialah juga yang lebih mengetahui akan orang yang sesat dari jalannya dan Dialah juga yang lebih mengetahui akan orang yang mendapat hidayah petunjuk.”*

Tuan Yang di-Pertua, saya membaca ayat ini untuk mengingatkan kita dalam sebarang perlakuan hendak menggunakan kebijaksanaan dan hikmah menurut ajaran Islam dan Al Quran. Saya turut amat tertarik dengan pendekatan yang diambil oleh pihak kerajaan tentang strategi belanjawan yang ketiga itu. Saya ingin memberi fokus kepada strategi yang ketiga khususnya iaitu menentukan agihan kekayaan supaya lebih saksama antara bandar dan luar bandar, antara yang berpendapatan rendah dan berpendapatan tinggi dan antara negeri-negeri yang kurang maju dengan yang lebih maju. Saya rasa pendekatan dan strategi amat tepat sebab dalam semua bidang usaha kita dalam apa bentuk sekali pun dalam kementerian mana sekalipun usaha kita ialah untuk merapatkan jurang-jurang yang berlainan ini dan kadang-kadang jurang-jurang inilah yang perlu diperluaskan interpretasinya termasuklah jurang ilmu pengetahuan yang selalu kita bercakap, yang boleh menentukan sebagai penentu sama ada jurang-jurang yang lain antara bandar dan luar bandar, antara miskin dan kaya, antara yang maju dan lebih maju berada.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merujuk kepada laporan ekonomi yang disampaikan oleh pihak kerajaan yang disiarkan selepas pembentangan Belanjawan 2002 di Dewan Rakyat dan laporan ini keluar dalam sebuah akhbar dan saya percaya ramai rakyat jelata melihatnya kerana amat tertarik dengan tajuknya dan cartanya. Tajuknya ialah dengan izin, *Moving Towards K-Base Economy*, menuju ke arah ekonomi berteraskan ilmu. Baik, diletakkannya rajah yang besar diberi tajuk *knowledge wheel*, roda ilmu, *Malaysia and United States 2000*. Saya cuba perhatikan yang ini dan melihat notanya di bawah, dengan izin, *the knowledge wheel shows Malaysia be*

*partners. for the knowledge basic economy. The wider the stretch on wheel the more prepared it is* - lebih luas besarnya dalam bulatan itu lebih bersedia Malaysia. Tetapi bila saya lihat Malaysia di sini lebih hebat daripada Amerika Syarikat.

Jadi, saya hendak rujuk, saya tidak sempat hendak check laporan ekonomi yang asal, mungkin ini adalah salah di pihak akhbar ataupun salah asal wallahualam. Saya ingin mendapat penjelasan sebab agak tidak logik kalau sekiranya Malaysia lebih hebat daripada Amerika dari segi ini, itu andaian saya.

Keduanya sama ada salah atau tidak dari segi pencetakan ini rajah ini sendiri, saya sendiri pun tidak begitu faham. Amnya faham, tetapi bila hendak difokus ada angka 0 bulatan yang lebih itu 200, bulatan yang besar lagi 400, bulatan yang besar lagi 600, apa uniknya? Kalau gambar rajah yang begini lebih hebat kalau ada legendanya yang memberi maklumat supaya kita terdidik. Apa ertinya ini. Saya hanya mendapat gambaran menyeluruh, kalau diajak saya memaksa diri untuk menggunakan statistik atau data 0, 200, 400, 600 ini saya *surrender* dan mengaku wallahualam. Saya berharap pihak kerajaan akan dapat mendidik saya dalam bidang ini insyaAllah saya akan mendapat ilmu yang lebih atas tajuk ini.

Tuan Yang di-Pertua, perkara lain yang agak selalu disebut tetapi saya ingin mengkaji dan menghalusi sedikit tentang permasalahan ini yang saya anggap permasalahan yang besar. Pihak kerajaan begitu prihatin dan proaktif mengambil langkah dalam bulan Mac mewujudkan pakej perangsangan RM3 bilion. Dalam bulan September pakej perangsangan yang kedua RM 4.3 bilion, berjumlah RM7.3 bilion. Yang terakhir saya baca dalam akhbar kenyataan yang dibuat oleh Setiausaha kepada Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN), masih lagi mengatakan di saat-saat akhir bahawa jumlah perbelanjaan masih pada tahap yang tidak memuaskan. Tidak ada statistik yang detail tetapi pada saya kalau keluhan daripada Setiausaha MTEN kuat, saya rasa ini satu keluhan yang begitu berat.

Saya pun tidak tahu apakah sebab-sebab yang sebenarnya. Saya berharap pihak kerajaan akan juga selain daripada mengajak, menuntut supaya dihabiskan perbelanjaan pada tahun ini untuk merangsangkan ekonomi juga dicari sebab kalau sekiranya baki berapa peratus pun daripada RM7.3 bilion ini dan dilihat berapa peratus yang masih belum boleh dibelanjakan, mesti kita mengetahui apakah sebab musababnya sehingga ke akar umbi kerana orang biasanya susah hendak berbelanja kerana tidak ada wang. Ini yang pelik punya baik hebatnya Malaysia ini, banyak wang tetapi tidak tahu hendak belanja, masyaAllah.

Oleh kerana itulah sebagai ahli biasa dalam Dewan atau dalam Kelab Senator Malaysia, Yang Berhormat Dato' Dr. Marimuthu bercakap hari itu di depan Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan, kata dia, buat sokongan supaya dinaikkan elaun Ahli-ahli Dewan Negara daripada RM100 ribu sepenggal ke RM100 ribu setahun. Saya menyokong kuat. Saya menyokong kuat kerana kita rasa kalau setakat hendak belanja RM300 ribu dalam 3 tahun atau RM100 ribu dalam setahun, tidak ada masalah. Tidak ada masalah dan kita boleh laksanakan untuk menyempai hajat itu.

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat* ]

Oleh kerana itu saya ingin buat cadangan lanjutan, sekarang ini kalau kita take stock, dengan izin, hari ini berapa haribulan?

**Timbalan Yang di-Pertua:** 11.

**Datuk Ghazi bin Haji Ramli:** 11 haribulan. Saya cadangkan pihak kementerian pada 15 haribulan Disember, pertengahan....

**Tuan Hassan bin Haji Shukri:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Datuk, ada Yang Berhormat Tuan Hassan minta laluan.

**Tuan Hassan bin Haji Shukri:** [Bercakap tanpa pembesar suara] Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak betulkan pasal elaun itu. Surat khabar sudah main, dia kata Ahli Dewan Negara menuntut elaun lebih daripada yang ada. Sebenarnya bukan elaun yang RM300 ribu kena gunalah bahasa lain seperti peruntukan atau apa sahaja yang patut. Bukan elaun, sebab itu melibatkan kita semua. Jadi, seakan-akan kita sedang minta kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Kewangan menambah elaun daripada RM3 ribu sampai RM300 ribu. Memang tidak

masuk akal, tidak munasabah. Saya minta supaya dibetulkan. Jangan libatkan sama Ahli-ahli Dewan Negara yang lain.

**Datuk Ghazi bin Haji Ramli:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih banyak kepada Yang Berhormat sahabat saya, Tuan Hassan bin Haji Shukri. Saya berterima kasih. Saya pun ingat saya guna elaun tadi, peruntukan. Peruntukan untuk projek kecil untuk masyarakat dan oleh kerana Ahli Dewan Negara tidak ada kawasan, masyarakatnya ialah dunia Malaysia. Pilihlah mana yang sesuai. Di antara beberapa hujah dan cadangan yang kita cakap dalam Dewan, kita buat juga diam-diam, cuma kita tidak *announcelah*, kita sudah buat.

Oleh kerana cadangan kita itu banyak, yang kita buat itu sedikit, kalau ada wang, insyaAllah, kita hendak tolong laksanakan. Jadi, saya hendak sambung balik yang tadi. Terima kasih Yang Berhormat. Peruntukan untuk Ahli Dewan Negara untuk projek-projek kecil untuk kepentingan rakyat. Ha, itu ayat sebenarnya. Saya ingat betul ya. Ha, itu betul. Bukan elaun untuk diri, untuk kepentingan rakyat.

Oleh kerana itu, saya ingin sambung. Saya harap pihak kerajaan akan mengambil kira pada 15 haribulan Disember 2001 ini, itu pertengahan bulan terakhir. Ambil, take a stock, tengok berapa yang tidak dibelanjakan. Ambil sedikit, bukan banyak pun. Ambil sedikit yang tidak dibelanja ini, edarkan kepada Ahli-ahli Dewan Negara yang ada boleh tunjuk proof bahawa dia ada projek. Kalau bagi sahaja dia baru hendak fikir projek, mungkin masalah. Ini *to be fair to the government*lah, dengan izin.

**Puan Jamilah binti Ibrahim:** [Bangun]

**Datuk Ghazi bin Haji Ramli:** Ya?

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ada yang minta laluan, dijemput.

**Datuk Ghazi bin Haji Ramli:** Saya jadi panjang lagi hendak bahas kalau macam ini. Okay.

**Puan Jamilah binti Ibrahim:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Datuk Ghazi. Saya melihat dalam waktu yang terdekat, saya nampak Datuk Ghazi ini seorang yang sentiasa terbuka, boleh berbincang, berlapang dada. Dengan ikhlas saya katakan dan Datuk Ghazi sedang membincangkan soal peruntukan kepada Ahli Dewan Negara yang telah diberi oleh pihak kerajaan, maka tidak bolehkah Datuk Ghazi merayu bagi pihak kami, 4 orang Senator di Dewan Negara ini untuk mendapat peruntukan yang sama kerana kami juga mempunyai rakyat yang perlu dibantu di merata-rata. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Dijemput Datuk Ghazi untuk menjawab soalan

**Datuk Ghazi bin Haji Ramli:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Atas sifat dalam bulan puasa, bulan Ramadhan Al-Mubarak ini, saya turut merayu. Keputusannya adalah di pihak kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, perkara lain yang saya ingin bangkitkan ialah mengenai k-ekonomi yang kita cakap banyak ini, tetapi saya tidak mahu hurai dengan panjang lebar sebab dalam perbahasan-perbahasan yang lain yang saya telah pun menyebutnya. Yang saya hendak kaitkan ialah dengan sedikit pendapat yang dikeluarkan oleh Yang Berhormat Dato' Dr. Chin hari itu, beliau menyebut bahawa beliau dengan seorang sahabat yang lain iaitu Yang Berhormat Dato' Hamzah berkesempatan diberi penghormatan untuk hadir pada persidangan WTO di Qatar baru-baru ini dan manfaatnya begitu amat baik sekali.

Saya, oleh kerana Dato' Dr. Chin sudah mula beritahu tentang aktiviti dia bersama dengan Ahli Dewan Negara yang lain di Qatar dalam bidang perdagangan, mungkin saya juga ingin mencelah dengan berkongsi sedikit pengalaman mengenai dunia Komanwel yang saya agak terlibat dan ini patut diketahui oleh Ahli-ahli Dewan Negara juga kerana tidak ramai juga Ahli-ahli Dewan yang aktif dalam Persatuan Ahli-ahli Komanwel yang kita wujudkan cawangannya di Malaysia dan wujudkan kawasannya ialah South East Asia dan kemudian ada keseluruhannya di peringkat *international*, ada 54 buah negara Komanwel yang kita sebenarnya amat besar keluarga seramai 1.7 bilion penduduk. 1.7 bilion penduduk dunia ini merupakan hampir 30% daripada penduduk dunia.

Oleh kerana itu, saya ingin mengajak dan merayu kepada rakan-rakan Ahli Dewan Negara ini untuk sama-sama berkecimpung dalam persatuan ini kerana

persatuan ini mempunyai banyak erti kepada masa depan Malaysia kerana melalui persatuan ini, saya melihat adalah satu peluang untuk kita menyusuli dan membantu kerja cemerlang oleh kerajaan kita, oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri, umpamanya.

Di peringkat CHOGM, kalau Komanwel kita cakap dunianya CHOGM. Commonwealth Head of Government, dengan izin. Kita Ahli Parlimen peringkat CPA (Commonwealth Parliamentary Association). Macam mana main hebat pun penyerang utama, kapten kita tetapi kalau pembantu dan ahli-ahli lain tidak menyokong dan mengcomplimentkan, maka kesannya mungkin agak berkurangan, tetapi kalau kita lipatgandakan dan complimentkan, saya rasa ini amat berjaya sekali.

Saya ingin merujuk kepada, saya tidak berani hendak tunjuk apa yang kita ada dalam tangan kerana belum lagi dilancarkan dengan rasmi, tetapi sedikit boleh saya sebut mengatakan bahawa di bawah pimpinan Dato' Hajah Sharizat Jalil binti Abdul Jalil. CPA cawangan Malaysia ini di bawah pimpinan Dato' Hajah Sharizat Jalil binti Abdul Jalil, Menteri Pembangunan Wanita dan Keluarga yang begitu amat prihatin setelah dia mengambil alih tugas menjadi Pengerusi ini, aktiviti begitu banyak dan meyakinkan dan oleh kerana itulah, kita akan lancarkan satu buletin khas yang dipanggil – yang tidak mahu panggil lagi sebab dia yang hendak sebut ini. Tetapi yang saya hendak tekankan ialah segala isinya ini akan menampakkan apakah bidang-bidang, ruang, peranan kita dalam dunia Komanwel dan yang paling relevan yang saya hendak sebut dengan keekonomi yang saya sebut tadi, yang lain saya tidak hendak sebut. Yang paling relevan ini dengan dunia Komanwel ialah mengenai satu projek, saya hendak pilih muka surat yang betul. Minta maaf.

Mengenai satu projek yang kita katakan, CPA ICT Project in South East Asia Project akan ditubuhkan satu *study group* serata Komanwel, dicadangkan akan diadakan di Malaysia di Pulau Langkawi kerana Pulau Langkawi, kita tahu sejarah 6 tahun dahulu, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri melancarkan Langkawi International Dialogue. Jadi, saya rasa ada kaitannya dengan yang kita buat *study group* ini di Pulau Langkawi atas tajuk, ha ini dengan izin, saya ingin baca tajuk ini. Tajuknya "Development of Professional Knowledge Based Parliamentarian To Meet Challenges of the 21<sup>st</sup> Century".

Jadi, kita sedang bercakap merancang untuk mewujudkan satu program pembangunan untuk menjadikan Ahli-ahli Parlimen Komanwel khususnya, sebagai Ahli Parlimen yang profesional dan bukan setakat profesional, Ahli Parlimen yang berteraskan ilmu dan apabila kita bercakap berteraskan ilmu, datanglah teknologi yang kita tahu teknologi ICT, maka relevanlah Koridor Raya Multimedia yang kita telah wujudkan dengan begitu jaya, maka relevanlah segala undang-undang cyber law yang kita luluskan dalam Dewan yang mulia ini.

Jadi, melalui projek ini secara contoh, seluruh dunia Komanwel melihat Malaysia sebagai pemimpin dalam dunia teknologi. Negara-negara membangun cukup ramai di sini. Yang sudah bangun, kecil, hanya setakat UK, Kanada, Australia dan New Zealand. Kita di antara yang terhandal dan kalau dunia membangun ini kita sudah menunjukkan bahawa kita menyusuli usaha baik oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di peringkat Ahli-ahli Parlimen Komanwel ini. Jadi saya harap insyaAllah, perkara ini akan diadakan pada pertengahan pertama tahun hadapan dan akan mendapat sambutan dan penglibatan Ahli-ahli Parlimen tempatan supaya ahli-ahli yang datang dari luar negara akan melihat bahawa kita mendapat sokongan yang baik dan rapi daripada keseluruhan anggota di Malaysia ini sendiri.

Dan di sinilah peluangnya. Apabila kita bercakap tentang projek-projek sekolah bestari umpamanya, projek-projek membina komuniti masyarakat ICT dan projek-projek lain, Info Desa dan sebagainya yang banyak-banyak yang kita tahu itu, di sinilah baiknya kalau sekiranya kita dapat mengenal pasti khususnya projek-projek komuniti yang berjaya, maka bolehlah diberitahu kepada pihak Persatuan Parlimen Malaysia ataupun South East Asian Region dan hasil-hasil kejayaan inilah yang hendak kita tonjolkan lagi apabila mereka ini datang bersidang di Pulau Langkawi nanti dan insya-Allah kalau kita mempunyai banyak contoh yang hendak ditunjukkan, kita boleh juga mengatur program-program baik supaya mereka yang hadir di luar negara ini akan turut melihat contoh-contoh teladan kita

Dan inilah pada saya, yang dikehendaki oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk kita menyusuli cara kita di peringkat kita dan kalau ini kita boleh buat,

ertinya dunia melihat kegagahan dan keistimewaan Malaysia ialah bukan hanya pemimpin di peringkat atasan yang bercakap tentang tajuk ini tetapi di peringkat pertengahan di mana kita ada *leverage* di atas platform kita sendiri boleh juga kita mengambil bahagian dan dengan itu, sekali gus kita meminta masyarakat di Malaysia supaya terus aktif berusaha menjayakan projek-projek perintis ini, projek-projek yang diusahakan oleh MIMOS yang begitu baik hendaknya, hendaklah diberi pengkhususan dan diberi sokongan yang begitu kuat oleh masyarakat supaya dijadikan hasil kejayaan yang boleh ditonjolkan.

Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan ICT. Memada i saya bercakap tentang k-ekonomi begitu dan saya harap bila ini diedarkan nanti, kita akan teliti isinya dan akan boleh dimanfaatkan bersama. Bila kita bercakap tentang ICT, tadi saya bercakap banyak tentang Malaysia dengan dunia Komanwel. Kita menekankan kekuatan kita dalam dunia teknologi ICT dalam dunia Komanwel. Tetapi kalau kita melihat dunia Islam yang diwakili oleh OIC, yang sebanyak lebih kurang 54 buah negara itu, yang kalau jumlah penduduknya ialah hampir 21% daripada penduduk dunia. Jadi, dunia Islam 21%. Dunia Islam pun melihat kekuatan kita dalam bidang ICT. Oleh kerana itu, apa yang saya cakap untuk dunia Komanwel, begitulah juga relevannya dengan dunia Islam. Lebih-lebih lagi bila kita sekarang mengatakan bahawa kita adalah sebuah negara Islam yang berjaya. Berjaya sejak dahulu hingga sekarang, bukan hanya berjaya dengan Tabung Hajinya yang kita tahu berjaya, tetapi juga berjaya dalam bidang teknologi baru.

Oleh kerana itu, saya baru-baru ini sebagai persediaan untuk perbincangan ini melihat....

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Datuk Ghazi, Yang Berhormat Tuan Hassan.

**Tuan Hassan bin Haji Shukri:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mendapat penjelasan, apakah sebabnya Yang Berhormat Menteri Kewangan ketika membentangkan ucapan belanjawan tidak menyebut sedikit pun tentang Putrajaya, MSC dan juga Cyberjaya serta E-village? Tidak ada disebut langsung. Apa sebabnya? Apa agak-agak Yang Berhormat fikir perkara ini tidak dimasukkan dalam ucapan belanjawan kerana Yang Berhormat selalu menyebut hal-hal yang begini? Jadi, kalau Yang Berhormat boleh bacalah sebab-sebab kenapa tidak disebut langsung di dalam ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan tentang perkara tersebut?

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Dato' Ghazi, sebelum menjawab, saya hendak mencelah sedikit.

Ahli-ahli Yang Berhormat, perbincangan mengenai Rang Undang-undang Belanjawan 2002 ini akan kita akhiri pada petang ini. Jadi, oleh itu kita kena secara bijaksana memberi peluang kepada rakan-rakan yang mungkin ada yang hendak berucap. Dan esok, kementerian-kementerian akan menjawab.

Dengan ini saya jemput Yang Berhormat Dato' Ghazi untuk meneruskan.

**Datuk Ghazi bin Haji Ramli:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Haji Hassan yang bertanya tadi. Soalan ini sebenarnya kalau kita melihat pada penyampaian Yang Berhormat Menteri Kewangan, katanya diberi penekanan kepada *domestic-led growth* iaitu pertumbuhan yang berasaskan dalam negara, yang memberi banyak wang kepada pengguna, yang menggalakkan pengguna membelanjakan wang untuk menghebatkan lagi proses ekonomi. Ini secara ringkaslah, satu.

Kedua, jawapan saya ringkas, ialah benda-benda pokok yang ini telah pun ditekankan dahulu. Oleh kerana itu dalam belanjawan ini yang diserapkan ialah bidang ICT itu sendiri, penekanan ICT itu banyak - saya tidak mahu ulang itu semua - sudah sebut selalu. Tetapi ada banyak, bila sebut sahaja ICT, itulah relevannya. Bila sebut k-ekonomi, bila sebut hendak rangsang ekonomi berteraskan pengguna dalam negeri, maka datanglah ICTnya dan segala cabang-cabangnya. Pada saya penekanan beliau adalah menuju ke arah itu. Jadi, itulah pemahaman saya yang agak selaras dengan apa yang telah saya katakan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, saya telah secara dengan cepatlah, mungkin saya akan skip oleh kerana masa, tetapi saya hendak sebut yang JAKIM ini. Saya telah melihat

*website* JAKIM. Saya ingin mengucapkan tahniah kepada JAKIM kerana bila melihat *websitenya* begitu menarik. Jarang yang kita tengok yang agak begitu menarik yang seperti ini.

Dan, lebih-lebih tertarik saya bila saya cakap tentang kita negara Islam tadi, yang terhenti sekejap, bila saya melihat dalam *website* Jabatan Agama Islam Malaysia ini, dia tulis [www.Islam.com.my](http://www.Islam.com.my), di bawah itu dalam inverted commas, dengan izin, "*Islamic portal, Islamic model for the world*" Satu *portal Islam*, satu model Islam untuk dunia. Ini pada saya satu benda yang cukup menarik dan selaras dengan pengiktirafan dunia bahawa negara kita adalah negara Islam yang termaju dan berjaya. Syabas!

Oleh kerana itu saya rasa kalau kita melihat seterusnya, saya melihat JAKIM mempunyai satu peranan yang begitu strategik untuk mengembangkan ini. Mungkin ada ruang lagi untuk memperhebatkan lagi JAKIM dalam bidang-bidang yang telah dibuat, sebab bila saya melihat kepada bidang yang di bawah struktur organisasi JAKIM – Pembangunan Keluarga Sosial dan Pengurusan Masjid, Dakwah, Pembangunan Pendidikan Islam, Penyelidikan, Latihan, semuanya hebat dan baik, dan fokus juga bawah pentadbiran, kepada media elektronik dan penyiaran.

Perkhidmatan ICT pun ada. Jadi, bila sebut ICT kita tidak payah lagi sebut Koridor Raya Multimedia kerana itu prasarana, itu kawasan ICT, *application* atau *tools* dan bidang penerbitan. Jadi, pada saya JAKIM mempunyai satu struktur organisasi yang begitu baik dan pada saya inilah masa mungkin kita boleh menggunakan perkataan ICT. ICT itu sendiri menjadi satu projek besar JAKIM. Malah saya boleh mengatakan bahawa baru-baru ini secara kebetulan saya bercakap, saya berkesempatan berbincang setelah saya melihat *website* ini dengan seorang pegawai kanan JAKIM, pegawai tertinggi di antara yang tertinggi JAKIM dan bincang sedikit tentang hal ini, saya melafazkan apa yang saya baru lafaz tadi. Dan lebih berbincang dari arah ICT yang saya melihat.

Kemudian saya melihat pada satu ungkapan ICT yang saya pernah guna di UiTM, saya katakan ICT juga boleh disebut atau dilihat selain daripada yang biasa *information communication technology*, boleh dilihat sebagai Ilmu, C-Cemerlang dan T-Takwa. Ilmu, Cemerlang, Takwa. Ilmu kita tahu daripada surah Al-Alaq, Tuhan menyuruh kita membaca dan mendapat ilmu. Cemerlang, kita boleh kaitkan dengan meritokrasi, kaedah merit yang selalu kita bercakap. Dan, kalau kita lihat usaha baik Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dari segi meritokrasi, saya melihat ini merupakan satu provokasi kepada rakyat, pada masyarakat Melayu khususnya dalam bidang kecemerlangan.

Provokasi untuk apa? Untuk realisasi supaya rakyat sedar. Kalau sudah sedar, adakah sedar sahaja? Tidak! Untuk memberi motivasi supaya rakyat rasa teringin dan suka untuk mencari kecemerlangan itu. Dan, akhirnya kalau sudah merupakan motivasi, ia patut merupakan satu aksi. Ibu bapa, kanak-kanak patut bertindak selaras dengan apa yang telah kita hajat sebagai cemerlang tadi.

Dan, yang ketiga, T-Takwa. Takwa ialah takut dan taat kepada Tuhan dan itu dalam bidang agama. Itu tidak payah saya huraikan. Oleh kerana perbincangan ini menuju ke arah itu, pegawai kanan yang berkenaan begitu amat tertarik, bersetuju dan sedang memikirkan untuk bagaimana hendak memanfaatkan lagi. Pada saya secara ringkas program ini bolehlah dijadikan satu program kebangsaan yang boleh kita namakan sebagai mempromosi dan menggalakkan satu budaya. Budaya apa? Budaya 2 ICT. *Two*, dua. Kenapa dua? Dua *track*, Satu ICT *information communication technology*. Lagi satu budaya mencari ilmu kecemerlangan dan takwa. Nah, di hadapan kita sekarang sudah ada satu projek besar kebangsaan, umpamanya.

Yang boleh kita kaitkan Islam, takwa itu tadi, takut kepada Tuhan, taat kepada perintah Allah, buat yang baik, tinggal yang tidak baik. Itu disalutkan dengan teknologi ke arah mencapai kecemerlangan. Pada saya kalau kita simpulkan ini dan membuat *program-program spin-off* yang berkaitan di mana-mana peringkat - peringkat kebangsaan, peringkat negeri, peringkat daerah dan sebagainya - saya rasa perkara ini akan dapat dimanfaatkan. Lebih-lebih lagi sekarang ini sudah ada program untuk mengadakan komputer di rumah. Dewan-dewan orang ramai pun dilengkapi dengan komputer. Yang kita hendak cuba cari jalan ialah satu projek yang boleh dipakejkan dengan baik dan saya rasa perkara ini bolehlah dipelopori oleh JAKIM sebagai contoh kerana pegawai yang berkenaan juga amat tertarik dengan kaedah ini.

Tuan Yang di-Pertua, perkara lain yang saya hendak bangkitkan ialah tentang Kementerian Pendidikan. Sudah banyak saya sentuh semasa perbincangan dalam rang undang-undang yang lepas, cuma saya hendak sebut di sini ialah pengkhususan tentang universiti. Semasa perbincangan yang dibentangkan oleh salah seorang Yang Berhormat, saya cuba mencelah dan bertanya soalan, khas dari segi peranan Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar. Sekarang saya hendak mengkhususkan bahawa patut dijadikan sebagai satu tanggungjawab utama HAP - maksud saya TNCHAP - patut dijadikan tanggungjawab utama untuk memikirkan projek-projek besar mengenai siasah pelajar bukan siasah negara, politik pelajar dan kepentingan pelajar dalam universiti.

Kita pun pernah jadi pemimpin pelajar semasa muda dahulu, tidak begitu lama dululah. Jadi, kita tidak terdedah dengan yang ini. Kalau begitu, suasana itu hendak diwujudkan. Siapa yang ada control, ada kuasa suasana? Pengurusan. Siapa pengurusan yang paling relevan? Ialah TNCHAP. Sebagai contoh, saya hendak kaitkan dengan program CPA umpamanya, kita hendak keluarkan website juga. Di antara website itu sebagai contoh adalah satu bidang khas, "*Youths and Parliament*". Pada saya kalaulah CPA Malaysia akan menganjurkan program "*Youths and Parliament*", yang akhirnya kita ada program di Manchester, UK, tahun lepas, bawa semua wakil Pemuda ini di seluruh Commonwealth, pergi Manchester, buat Parlimen, bincang dan sebagainya.

Pada pendapat saya dan ingin saya ketengahkan melalui CPA dan saya harap mungkin Kelab Senator Malaysia patut juga mengambil iktibar tentang hal ini ialah, dengan mewujudkan program ini, kita mempunyai modul, tidaklah kita kata modul kita ini perfect. Saya ada bag besar ini, dengan *video tape*, dengan CD rom, semuanya ada. Yang kita hendak halusi ialah mari kita ambil, *adopt and adept*, dengan izin, kita ambil alih ini dan cuba persesuaian dengan keadaan dan kaedah kita.

Saya ingin memberi cabaran kepada pihak pengurusan universiti umpamanya, mari kita sama-sama mewujudkan program "*Youths and Parliament*" ini sebagai contoh dengan semua IPTA, IPTS. Kerana tajuk ini besar, tajuk ini sebenarnya untuk menentukan yang pelajar-pelajar memahami mengenai perlembagaan Malaysia, memahami dari segi *parliamentary practice, democratic practice* dan sebagainya. Apa sahaja yang dibincang dalam dunia CPA, itu juga yang hendak kita bincang dalam bentuk yang agak lebih senang dengan pelajar-pelajar. Dengan cara ini, pada saya, oleh kerana ada dunia yang dia boleh mengutarakan pendapat maka pelajar-pelajar akan menjadi sibuk dengan dunia politik pelajar ini.

Saya tahu di antara program yang pernah dibuat oleh negara lain di dalam Parlimen, sebagai contoh, kita selalu melihat pelajar datang melawat, kita boleh ubahsuaikan Dewan seperti setengah itu tutup dengan gelas. Kita bawa pelajar-pelajar melawat, kita boleh buat *briefing*. Jadi, dia tidak dengar. Kadang-kadang dia pertama kali masuk dalam Dewan ini, dia tidak tahu struktur, ini siapa, ini siapa dan sebagainya, dan apa peraturan-peraturannya. Saya pun dahulu sebelum menjadi Ahli Dewan Negara tidak begitu faham sangat. Saya tahu sikit-sikit, tetapi bila sudah masuk dapat tengok *lay-out*, diberi pendidikan, separuh yang pernah dibuat. Kemudian umpamanya, kalau dalam berbincang kita hendak memperkemaskinikan Dewan Negara ini, kalau dahulu kita bercakap pasal hendak pindah ke Putrajaya, tidak ada program pindah, tidak apa. Sekarang program ubahsuai.

Mungkin cari tempat yang kosong, kita ambil ini, meja asal ini bawa ke tempat yang lain, dijadikan sebagai satu *mock* Parlimen, satu Parlimen yang sengaja digunapakai untuk program-program yang menuju ke arah memberi pengkhususan kepada pemuda di IPTA, IPTS. Yang sekolah punya nanti sekejap. Kenapa saya kata ambil pakai yang ini, yang lama ini? Sebab kita hendak ingat yang lama. Yang lama tidak boleh hanya dibuang sahaja, lebih baik cari ruang gunakan, manfaatkan dengan youths *Parliament*.

Jadi, yang kosong bagaimana?. Ha! Yang kosong kita berpeluang untuk meletakkan peralatan baru dengan teknologi canggih, dengan *gender sensitized*, umpamanya, dengan hanya dua kerusi, macam yang lain-lain supaya senang masuk dan ada kemudahan-kemudahan alat-alat teknologi terkini. Dan, seterusnya di pihak Parlimen pula bolehlah diperengkapkan dengan *connections*, hendak *connect* dengan internet supaya semua ahli-ahli Dewan Negara diberi sebuah *laptop* seorang. Bukan mahal sangat. Kerajaan patut bagi kerana bila sudah ada tempat, kita boleh letakkan, masuk, jab, *connect* sahaja.

Jadi, apabila kita buat kajian buat apa pun kita hanya pegang, tengok dan bercakap dan boleh berurusan kalau hendak berurusan kerana kalau hendak menggalakkan *e-mail* sebagai contoh. Ada Yang Berhormat ada sebut kata hendak galak *e-mail*. Saya hendak galak *e-mail* kena bagi alat ini, alat yang paling senang pakai cuba berkomunikasi di antara kita dengan kita. Jadi, pada saya ini satu langkah yang positif yang sekali gus menunjukkan bahawa kita juga maju seperti mana yang kita bercakap. Saya teringat yang ini bukan kerana apa. Saya dalam ....

**Dato' Dr. Chin Fook Weng:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Dato' Dr. Chin minta laluan. Boleh Dato' Dr. Chin.

**Dato' Dr. Chin Fook Weng:** Terima kasih kerana diberi laluan. Saya hendak tahu apakah pendapat Yang Berhormat Dato' Ghazi tentang dicadangkan kalau kita merujuk kepada keadaan di Westminster iaitu satu Parlimen yang begitu lama tetapi kalau kita lihat di Parlimen itu kita dapati kerusi dan sebagainya pun daripada zaman dahulu. Sungguh pun mereka mempunyai teknologi yang begitu canggih tetapi dari segi itu masih kekalkan meja-meja, kerusi-kerusi semua itu ialah dari satu zaman warisan. Dan itu merupakan satu kekuatan kepada pihak mereka itu dan mereka tidaklah memakai ICT, tidak ada telefon ataupun *line* seperti yang diguna untuk Internet dan sebagainya. Sungguhpun ada teknologi tetapi tidak diguna semata-mata untuk tidak mahu ubah apa yang sudah menjadi satu tradisi begitu penting bagi mereka. Jadi, kalau kita ubah di Malaysia sama ada kita boleh kekalkan satu tradisi yang sudah wujud sejak kita ada Parlimen di Malaysia ini. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Jemput Dato' Ghazi.

**Datuk Ghazi bin Haji Ramli:** Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Dato' Dr. Chin. Soalannya itu baik. Saya hendak jawab begini. Mereka mempunyai sebab-sebab yang tertentu kenapa mereka tidak tukar. Saya boleh bagi contoh di Australia umpamanya di Canberra, set baru ada Parlimen lama ditinggalkan, Parlimen lama dibina satu buah bangunan Parlimen baru dan dikemas kini dengan teknologi terkini. Jadi, kaedah model Australia yang saya ambil sebagai contoh - ada yang lain, sebut satu sahaja. Pada saya dalam kepala terbayang kita begini. Walaupun saya kata kita hanya pilih tempat lain untuk letakkan ini untuk mengiktiraf yang lama. Saya bukan hendak buang yang lama. Saya hanya kata hendak memanfaatkan yang lama ini digunakan bukan jadi usang tetapi digunakan. Kalau pelajar sekolah rendah, sekolah menengah dia jalan tengok buat program dialah tetapi kalau setakat IPTA bakal pemimpin kita hendak latih cara tersusun. Dan kaedah melatih tersusun ini dalam dunia sukan pun kalau tidak latih tidak menang. Jadi, kalau .....

**Puan Jamilah binti Ibrahim:** *[Bangun]*

**Datuk Ghazi bin Haji Ramli:** Nanti, saya bagi ayat saya habis. Jadi, pada saya kalau pemimpin ini dilatih dalam bidang ini dan diberi ruang melalui program *used Parliament* pada saya amat tepat dan sekali gus sebelum saya lupa saya ingin membuat cadangan terus kepada Kelab Senator Malaysia yang saya jadi ahlinya - saya bukan dalam exco, supaya diberi pengkhususan pada tajuk ini boleh bekerjasama dengan CPA sebab tidak semua CPA ini boleh buat. Kita pun banyak program yang hendak buat. Dalam masa saya membentang satu kertas kerja di Australia yang lepas perkara ini telah dihujah dengan begitu banyak dan kita tahu banyak boleh buat. Cuma hendakkan anggota dan badan yang berlainan untuk mengimplementasinya. Oleh kerana itu pada saya di antara CPA menuju satu arah, Kelab Senator Malaysia juga boleh aktif dalam hal ini kalau sekiranya ia lihat peluang yang ada kerana manfaat ini adalah manfaat untuk generasi masa depan. Silakan Yang Berhormat.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Jemput.

**Puan Jamilah binti Ibrahim:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Dato' Ghazi. Saya mengucapkan syabaslah. Satu gambaran imaginasi yang digambarkan oleh Dato' Ghazi saya bayang-bayangkan seolah saya berada di dalam *space center* dalam gambaran bayangan. Saya di pembangkang pun pernah pergi melawat ke Parlimen di Canberra, Australia melihat persekitaran dan adalah perubahan canggih dan saya mendengar juga pandangan Dato' Dr. Chin tadi.

Saya hendak tanya pandangan Dato' Ghazi kalau kita apply dulu – Dato' Ghazi memberi satu gambaran di Parlimen Great Britain contohnya. Saya merayu empat tahun yang lalu tidak berasa lemah semangat meminta supaya siaran terus *livekan* dua Dewan ini dulu kepada rakyat, bagi rakyat menilai di mana penghuni-penghuni warga Dewan Negara sebelum kita hendak *apply* alat-alat canggih yang terkini.

Saya bukan tidak boleh terima benda-benda hendak operasi itu kita belajar [*Membaca sepotong ayat al-Quran*]. Ini adalah gambaran al-Quran yang Allah beritahu kepada kita bahawa keilmuan yang Allah curahkan kepada manusia hanya cebisan sedikit sahaja. Bahkan apa yang dicakap mengenai ICT tadi adalah dalam surah Iqra' yang penuh lengkap, suatu gambaran jangka jauh yang panjang untuk kehidupan di *here after*. Tetapi saya menyokong pandangan ini tetapi operasinya sejauh mana dan saya mintalah Dato' Ghazi merayu melalui suara Dato' Ghazi yang ada bisa-bisanya supaya *livekan* dulu Dewan Rakyat dan Dewan Negara supaya ditonton oleh masyarakat dan rakyat 20 ribu juta di luar sana. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** 20 ribu juta?

**Dat o' Ghazi bin Haji Ramli:** 20 juta.

**Puan Jamilah binti Ibrahim:** Minta maaf. Betulkan. Terima kasih.

**Dat o' Ghazi bin Haji Ramli:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih di atas komen Yang Berhormat Puan Jamilah tadi. Dalam sistem pendidikan ada *kindergartemya*, ada sekolah rendahnya, ada sekolah menengahnya, ada kolejnya, ada IPTA nya. Jadi, dalam kita hendak mengamalkan teknologi pun begitulah. Pada saya peringkatnya ialah mari kita ada prasarana dan alat-alatnya kemudian kita fikir aplikasinya. Saya terbayangkan kalau yang *direct telecast* sudah tinggi sudah jauh. Banyak negara tidak ada *direct telecast* seratus peratus. Tetapi kalau turun ke bawah *web casting* kita boleh pancarkan melalui *web (Internet)* tentang perjalanan perbincangan ini. Kalau ke bawah lagi peringkat-peringkat yang berlainan saya boleh buat.

Jadi, oleh kerana itulah dalam masa kita bercakap saya cadangkan bagi ada benda ini sebab kita sudah ada yang senang, secara relatif senang ialah letakkan kamera itu dan tangkap video. Itu senanglah pada saya, paling senang walaupun harga mahal, saya tidak kata paling murah, saya kata paling senang. Tetapi yang ini agak melibatkan banyak usaha, banyak wang dan banyak perubahan. Oleh kerana itulah saya kata biarlah kita *step by step*. Kita memang menuju ke arah itu. Dan negara maju sekalipun tidak *live telecast hundred percent*. Kadang-kadang dia pilih masa dan ketikanya. Ada banyak model. Saya tidak bercadang untuk mengupas satu per satu tetapi dalam pemikiran saya, saya nampak *the stages of development*, dengan izin, peringkat-peringkat di mana kita boleh *progress* maju dan ada masa dan ketika mungkin kita maju lebih cepat. Kita lompat kijang sikit *leap frog* untuk ke tahap yang lain. Walau bagaimanapun, pendapat itu amat boleh diterima pada pokoknya.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak sebut saya sudah lompat untuk memberi ruang kepada rakan-rakan yang lain. Sebenarnya saya ada 18 *point* untuk bercakap. Tetapi oleh kerana meringkas ini saya terus pergi ke harta intelek walaupun sudah banyak diperbincangkan semasa Yang Berhormat Menteri membentangkan Rang Undang-Undang Harta Intelek. Saya rasa semasa itu saya tidak bersedia. Dalam soalan kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian saya sudah guna pakai maklumat ini. Saya mendapati dalam kajian ini asam peria pun jadi sasaran paten saintis Amerika Syarikat. Oleh kerana itulah saya jadikan soalan.

Dan ini lebih hebat kerana tindakan US Patent Office ini telah mengeluarkan paten 5663484 bagi beras Basmathi yang dipelopori oleh orang-orang India dan diberi kepada syarikat dia sendiri iaitu Syarikat Rice Tax Incorporated yang beribu pejabat di California pada tahun 1997 lagi. Maka sedih merayu lemah longlailah orang-orang India kerana beribu-ribu tahun dia telah berusaha untuk memperbaiki mutu beras Basmathi ini dan akhirnya hanya dcedok pakai oleh syarikat dari Amerika Syarikat.

Begitu juga sebagai contoh apa yang berlaku dengan pencurian benih beras wangi di Thailand – Jasmin. Berlandaskan masalah yang dihadapi ini saya memberi pengkhususan kepada Jabatan Pertanian. MARDI sudah bertahun-tahun kita buat *research*. Itulah soalan saya tidak terjawab tadi sama ada semua yang sudah dapat kajian itu dipaten atau tidak. Satu pihak kerajaan mengajak masyarakat untuk menyedar tentang soal paten. Patenkan semua, bagus. Tetapi pada tangan yang

sama dalam keluarga yang sama saya harap akan juga ada tindakan inisiatif ini khususnya MARDI.

Oleh kerana itu soalan Yang Berhormat tadi yang tidak dijawab saya harap akan dapat jawapan sekarang. Paten atau tidak? Kalau tidak kata tidak dan kita mulakan sekarang. Cepat-cepat buat. *After all* ini dalam keluarga supaya dapat diproseskan cepat supaya kita boleh *protect* di antara niat dan hajat Rang Undang-Undang Harta Intelek ialah untuk membuat perlindungan kepada harta yang begini amat mahal yang telah pun dibelanja beratus juta ringgit oleh Kerajaan Malaysia. Oleh kerana itu, kalau kita paten, kalaulah ahli penyelidik kita juga hendak guna pakai itu kita bolehlah ada perkongsian strategik dalam apa bentuk sekalipun supaya dapat dimanfaatkan di merata dunia. Dan saya harap sekali gus saya juga ingin mengetahui sama ada kejayaan kita dalam MARDI ini yang telah berjaya dikomersialkan pada skala yang besar supaya kita boleh merasakan sama ada idaman kita untuk menjadi negara yang kuat dengan pertanian ini berjaya atau tidak.

Saya ingin mengulangi sedikit tentang pertanian ini. Ada Yang Berhormat yang juga menyebut semasa perbahasan saya dengar hari itu tentang mengapa graduan tidak minat hendak menceburkan diri dalam bidang pertanian. Saya sengaja diam sebab saya hendak masukkan ini dalam perbahasan saya sendiri sebagai jawapannya. Di antaranya ialah masalah yang telah saya sebutkan dahulu dalam perbahasan saya ialah persepsi. Graduan melihat pertanian ini *low class*, tidak baik, tidak elok. Oleh kerana itulah saya hendak mempertahankan lagi cadangan saya dahulu, di antara usaha membaik pulih imej persepsi ini ialah dengan menamakan semula Universiti Putra Malaysia itu Universiti Pertanian. Kawan-kawan bagi tahu masuk dalam radio dan televisyen tentang cadangan saya untuk menukar nama. Pengkhususan diberi kepada tukar nama.

Sebenarnya rasionalnya ialah hendak beri pengkhususan kepada pertanian. Hendak menaikkan pertanian ini sebagai satu fesyen yang boleh diikuti oleh anak-anak muda khususnya graduan. Kalau mereka rasa *fashionable* kalaulah digayakan dalam *advertisement* kereta *sport*, baju cantik dan sebagainya sebagai daya tarikan orang muda kepada orang "mudi" kalaulah itu agak sayalah rasional *advertisement* itu mengapa tidak *advertisement* yang akan datang menunjukkan pak tani graduan yang hebat, canggi dan cun. Dan oleh kerana itu menjadikan satu *expectation* imaginasi orang-orang muda bahawa, oh, masuk bidang pertanian begini, begini, begini. Dan kalau selaraskan dengan usaha MARDI dipromosikan semua bahan-bahan yang telah direkabentuk, diselidik dengan susah itu pada satu tahap. Kadang-kadang *it is the last, the final touch, the last smile*, dengan izin, yang kadang-kadang membolehkan ia jadi satu yang berjaya dan begitu besar.

Samalah dengan kaedah *research* penyelidikan yang dahulu kala. Kadang-kadang bertahun-tahun dia buat. Tidak dapat, tidak dapat tiba-tiba *the last one by accident*, dengan izin Allah Subhanahu wataala diizinkan makhluk Einstein umpamanya, makhluk Graham Bell umpamanya yang dapat mewujudkan sesuatu yang baru. Sudah pasti semua yang berlaku pada barang-barang peralatan yang kita pakai adalah hasil dari manusia yang saya tunjuk alat perakam suara digital tidak payah pakai *tape* ini umpamanya adalah hasil pemikiran manusia. Dia ambil kaset (*tape*) yang lama dia tanya, kaset (*tape*) setengah jam, sejam kena tukar. Apa lagi aku hendak buat tidak bagi tukar hendak bagi senang. Hendak bagi Ahli Parlimen kalau bercakap tidak payah ubah *tape*. Dia kata oh senang *digitize* Masukkan *chip*. Hendak masuk berapa lama. Empat jam? Oh! Tidak cukup. Lapan jam. Ini empat jam. Yang dahulu lapan jam. Cukuplah itu.

Sebagai contoh inilah kalau sekiranya ada suasana di mana hasil MARDI ditonjolkan dihebatkan dan anak graduan muda yang ada *background* yang tidak semestinya pertanian mempunyai keusahawanan bidang perniagaan dan sebagainya yang dilatih tubi dalam bidang pemikiran kreatif boleh menukar hasil penyelidikan MARDI itu kepada sesuatu yang baik. Pada saya dunia pertanian yang sekarang ini macam yang saya sebut dahulu di bawah pimpinan Yang Berhormat Datuk Effendi ini mempunyai masa depan yang cerah yang saya rasa kalau dilipatgandakan pasti insya Allah pada suatu hari ia akan berjaya.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin untuk memberi manfaat kepada rakan-rakan lain, saya tinggalkanlah tajuk-tajuk lain saya cuma pilih tajuk yang besar yang saya ada, satu dalam MITI..... [*menyelak-nyelak kertas-kertas rujukan*]...dalam satu Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri. Kita selalu bercakap tentang WTO, AFTA,

APEC dan sebagainya, kita selalu melihat kemasukan negara China. Kita mempunyai persepsi yang tertentu dan umum mengatakan bahawa akan membawa manfaat bersama. Itu tidak apalah selalu bercakap tapi saya tertarik dengan satu penulisan oleh penulis yang interviewkan seorang peniaga dari Singapura dalam *Magazine Fox Global*, yang memberi pengkhususan kepada satu aspek lain tentang negara China ini dan saya rasa pandangan ini patut diberi perhatian yang berat kerana potensi untuk mewujudkan persaingan oleh negeri China ini mungkin lebih hebat dari yang kita sedar.

Mungkin dalam bidang-bidang tertentu kalaulah dalam bidang ..... atau ubi kayu, kanji ubi kayu, satu bidang yang mereka lemah dan kita tidak boleh berjaya dengan lebih panjang lagi tetapi dalam bidang-bidang yang lain menjadi satu permasalahan, mungkin dalam bidang pelancongan negeri China tidak boleh hebat segagah negara-negara di Asia khususnya di Malaysia sendiri tapi dalam bidang-bidang yang lain di mana pemerintahan mereka sendiri sedang membuat perubahan yang bersesuaian dengan teknologi terkini dan keseluruhan syarikat-syarikat besar luar negara sedang memberi penumpuan kepada negara China.

Saya rasa negara kita juga patut mencari ruang atau niche yang tertentu di mana kita boleh masih bekerjasama dengan China dan memanfaatkan dengan kekuatan kita sendiri. Soal mencari niche dan ruang kecil untuk kekuatan ini, disebutnya senang mungkin hendak dicarinya susah tetapi inilah yang saya cuba bangkitkan sebagai perkara yang patut diberi pertimbangan.

Selain daripada itu Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh Kementerian Sumber Manusia yang begitu hebat sekarang dengan usaha untuk memberi latihan kepada pekerja-pekerja yang berhenti kerja dan juga graduan yang tidak ada kerja dan saya amat berpuas hati dan mengucap tahniah kepada kementerian ini kerana memberi pengkhususan untuk dengan izin, saya kod Yang Berhormat Menteri dengan izin, *All of us need to be innovative, knowledgeable, creative and highly skill to enhance our productivity and competitiveness so that our economy can be sustain during the current slow down*, saya rasa pengkhususan untuk menggunakan ilmu untuk inovasi dan kreativiti ini kalaulah dapat dilanjutkan kepada semua peringkat pekerja sehingga pada graduan yang masih teraba-raba untuk apa hendak dibuat ini, pada saya adalah pengkhususan yang begitu amat baik dan usaha pihak Kementerian Sumber Manusia, lebih-lebih lagi bila saya membuat soalan susulan baru-baru ini kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, jawapannya juga begitu amat meyakinkan. Dan oleh kerana Yang Berhormat Timbalan Menteri sendiri menyebut bahawa kalau ada projek-projek, cadangan-cadangan tertentu yang boleh dimanfaatkan di luar bandar, apa yang telah mereka buat sekarang ini di dalam bandar dan sudah pasti apa yang telah saya usahakan di dalam sebuah tempat sebagai projek komuniti akan disampaikan kepada pihak kementerian untuk pertimbangan supaya dapat dimanfaatkan.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali secara ringkas saya ingin berkongsi tentang satu buku yang berada di tangan saya ini bertajuk *The Learning Revolution Your 21st Century Passport*, for families – untuk keluarga, students – pelajar, teachers – guru, managers – pengurus and trainers – pelatih.

Saya amat tertarik dengan buku ini kerana begitu amat berjaya dalam jualan di merata dunia khasnya di Australia, New Zealand, Sweeden, Britain, Canada dan sebagainya dan pendekatannya begitu amat meyakinkan sehinggakan saya ingin berkongsi tentang satu *chapter*, satu bab, satu bahagian yang menyebut *how any country can lead the learning revolution, so can you*, pada saya ini adalah amat bertepatan dengan usaha kerajaan dalam keseluruhannya ini kesimpulan sayalah. Kerana dalam usaha mencari ilmu begitu dan begini samalah dengan *agriculture revolution*, revolusi pertanian, kemudian revolusi industri, kemudian revolusi maklumat, kemudian yang akan datang bio-teknologi saya melihat selepas revolusi teknologi maklumat, dia kena bercabang dua. Satu bio-teknologi, lagi satu pada pendapat saya ialah *learning revolution* itu sendiri, revolusi pembelajaran, ini yang mustahak, sungguh menyeluruh pendekatan buku ini sehingga saya tertarik dan secara ringkas saya hendak share, saya hendak berkongsi di sini tentang model-model yang telah diusaha, dibuat oleh dua penulis ini.

Dua penulis telah membuat usaha, mewujudkan sebanyak 12 model yang saya percaya mana-mana badan pihak kementerian ataupun pihak persatuan PIBG atau pihak-pihak badan-badan NGO atau sebagainya apa sahaja boleh memberi fokus kepada 12 model ini dan akhirnya bertanya kalau 12 model ini dah baik, apakah model

Malaysia, model Malaysia yang terbaik di antara yang terbaik. Apa lagi saya tidak tahulah. 12 ini sudah baik, ini maksud saya.

Saya ingin membaca kedua belas ini sebagai tajuk, tajuknya sebagai contoh;

- *The Singapore Centralize Leadership Model*;
- keduanya ialah *The Decentralize New Zealand Model* tadi *centralize*, berpusat semuanya tengah, New Zealand pula terbalik *decentralize* semuanya sampai turun ke bawah, ada contoh-contoh terbaik;
- ketiganya *The New Swedish Model, Swedish innovators are sacking to blend the skill of entrepreneurs with the best elements over decentralized welfare state* dengan izin. Jadi usaha ke arah macam mana hendak menyatupadukan dan memanfaatkan usahawan-usahawan dengan elemen-elemen tertentu dalam satu negara yang *decentralize*;
- keempat *The Certification Model*, ini pun Sweden .;
- kelima *Corporate Leadership Model*, dalam bentuk ala korporat;
- keenam *The Giving Away Model*, kita memberi sahaja, ini cara *netscape* dia bagi dulu benda-benda orang pakai *free*, kemudian pada akhirnya dah lepas sedap, kita lemak pakai *free*, barulah dikenakan bayaran, mungkin usaha untuk hendak mempercepatkan penggunaan ICT ke seluruh luar bandar umpamanya bagi *free* dulu. *The Free Bees Approach*, apa yang dipanggil *The giving away model* dengan izin;
- ketujuh *The Internet Selling Model*, sebab dia kata internet ini bukan hanya baik untuk menukar maklumat dia juga sebagai satu potensi untuk menjual barang-barang;
- kelapan *The Business Teacher Multimedia Model*, tidak ada *barrier*, tidak ada sekatan di antara perniagaan dan pendidikan yang sekarang ini masih terpaksa kena bersatu;
- kesembilan ialah *The Foundation Model*, menunjukkan bagaimana badan seperti Ford dan ..... Foundation menjalankan usaha mereka di dalam Amerika Syarikat;
- kesepuluh *The International Conference Model* menggunakan kaedah untuk pembelajaran sebagai satu cara untuk masa depan ;
- *The Learning Organisation Model* supaya semua badan-badan, syarikat dan organisasi menjadi sebuah syarikat yang senantiasa belajar dari segi anggota masyarakatnya
- dan akhirnya ialah *The Cluster Model, one of the best model of all for any small country or state to profit from the learning revolution is the cluster model*, mewujudkan cluster.

Pada saya usaha ke arah ini badan-badan pihak kementerian sendiri dan anggota NGO yang berkepentingan dalam bidang pendidikan patut mengkaji pada yang dah ada.

Saya melihat kadang-kadang kita cuba *reinvent the wheel*, ini yang maksud saya sekarang ini. Kadang-kadang kita pergi menghadiri satu seminar dan penyampaian oleh pensyarah penceramah ataupun pembentang kertas kerja yang mungkin datang dari universiti tetapi kadang-kadang dia menyampaikan sesuatu yang dengan izin agak *obvious*, yang kita juga pernah dengar dalam pembacaan yang lain.

Pada saya kita ingin melihat kalau 12 model ini tiap-tiap satunya diambil sebagai satu tanggungjawab oleh satu badan yang khusus dan dikaji selidik dengan terperinci dan dipelajari dan dilihat pula sebagai perbandingan, pelan pembangunan

pendidikan dalam 10 tahun. On one hand, tangan sebelah tengok satu model dan cuba kaitkan supaya dibaiki model yang kita ada di sini.

Pada saya ini satu pendekatan yang saya sendiri kalau ada program forum, seminar saya sendiri akan turut mengikuti untuk mendapat ilmu ini. Kerana kita hanya tertarik dengan pembentangan 12 model, tahu sikit tapi kita hendak ahli penyelidik yang mempunyai masa kewangan, tenaga, kebolehan dan sebagainya untuk menyelidik ini dengan lebih hebat. Kalau ini dapat dijual satu juta copy dalam dunia, ia tidak dapat dijual hanya dengan buta tuli mestilah nilainya tinggi malah pendekatan ini setiap dua muka dia ada page untuk poster. Tengok poster sahaja sudah ada nilainya. Dengan harga beli poster yang ditulis pada *every second page* sudah pada saya boleh balik modal buku ini. Tidak payah baca yang model lagi.

Jadi pada saya ini ingin saya simpulkan. Kalau saya mulakan dengan bercakap dengan senario am, saya juga ingin menyimpulkan perbincangan ini dengan mengatakan bahawa kalau kita hebat sekarang dalam dunia berteraskan ilmu, kita akan lebih memantapkan lagi kalau kita juga mendukung revolusi pembelajaran. Kerana soal pembelajaran ini adalah merupakan satu pendekatan yang jangan dipandang enteng, jangan dipandang ringan. Kerana dunia berjalan dengan cepat, kita hendak mengetahui jalan terbaik untuk mencapai yang dikehendaki dengan mudah cepat dan berkesan.

Tuan Yang di-Pertua, saya turut menyokong. Terima kasih.

**Timbalan Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tan Sri Dato' Seri (Dr.) Abdullah bin Ayub.

**Yang Berhormat Tan Sri Dato' Seri (Dr.) Abdullah bin Ayub:** Bismillahir Rahmaanir Rahim. Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan berbilang terima kasih kerana diberi peluang untuk bersama-sama dengan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian membahaskan Belanjawan Persekutuan bagi tahun 2002 yang dimajukan melalui rang undang-undang bernama suatu akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Yang Disatukan untuk perkhidmatan bagi tahun 2002 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk perkhidmatan bagi tahun itu.

Bagi permulaannya, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Kementerian Kewangan terutama kepada Menteri yang juga Perdana Menteri kita, Yang Amat Berhormat Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad kerana berjaya membentuk suatu belanjawan yang lengkap dan bermutu tinggi yang diharapkan dapat mengurus dan melaksanakan aktiviti-aktiviti negara kita dalam tahun 2002 dengan berkesan agar rakyat negara ini dapat hidup di dalam keadaan yang sempurna. Ini bukanlah satu tugas yang senang dilaksanakan di dalam suasana di mana seluruh dunia termasuk negara kita sedang menghadapi keadaan ekonomi yang menurun.

Dalam keadaan yang normal sekalipun, manakala ekonomi sedang berkembang pesat, tugas menyediakan belanjawan adalah suatu cabaran kepada Kementerian Kewangan untuk menimbangakan tuntutan-tuntutan yang dibuat oleh berbagai-bagai kepentingan dari segi perbelanjaan dan dari segi cukai supaya mereka mendapat layanan yang terbaik. Saya percaya adalah menjadi harapan semua menteri kewangan supaya belanjawan tahunan berada dalam keadaan berlebihan atau *surplus* atau sekurang-kurangnya seimbang di antara hasil dan perbelanjaan. Tetapi ini tidak mungkin berlaku di dalam semua keadaan.

Di dalam keadaan di mana ekonomi kita sedang menghadapi masalah, kita terpaksa berbelanja berlebihan sedikit dan menurunkan cukai untuk merangsang pertumbuhan ekonomi negara. Strategi ini yang dipanggil langkah fiskal telah digunakan oleh kerajaan dan ini telah menimbulkan belanjawan yang defisit bagi tahun 2002. Akan tetapi defisit ini boleh diterima kerana perbelanjaan mengurus dapat ditampung oleh hasil semasa bagi tahun 2002. Hanya perbelanjaan pembangunan sahaja yang terpaksa ditampung melalui wang lebihan tahunan yang lalu dan pinjaman-pinjaman yang diperolehi dari dalam negeri daripada institusi-institusi yang mempunyai dana yang banyak dan sedikit sebanyak dari luar negeri. Saya percaya kaedah yang digunakan oleh kerajaan adalah berpatutan dan tidak akan menimbulkan masalah kewangan pada masa akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya pergi kepada perkara-perkara lain yang disebutkan dalam belanjawan berkenaan dengan belanjawan ini, saya sebagai seorang Ahli Dewan ini yang dilantik daripada golongan pesara kerajaan, ingin mengucapkan

bagi pihak pesara-pesara berbilang-banyak terima kasih kepada kerajaan yang telah bermurah hati memberi imbuhan dan beberapa kemudahan kepada pesara kerajaan untuk membolehkan mereka menumpang apa yang dinikmati oleh rakyat lain hasil daripada pembangunan negara kita yang pesat yang mereka sendiri telah mengambil bahagian untuk melaksanakannya semasa mereka berkhidmat dahulu. Kemudahan-kemudahan ini ialah:-

- (i) kenaikan pencen sebanyak 10% seperti yang dinikmati oleh pegawai kerajaan;
- (ii) bonus sebanyak RM200 bagi semua pesara bagi tahun ini. Ini adalah pemberian luar dari budget, maknanya tidak termasuk dalam budget;
- (iii) melayakkan seseorang balu pesara yang berkahwin semula mendapat balik pencen terbitan suaminya yang telah meninggal dunia;
- (iv) bon-bon akan dikeluarkan oleh Bank Negara untuk membolehkan pesara dan juga warga tua lain yang mempunyai wang lebih membelinya dan mendapat faedah 5% iaitu suatu kadar yang lebih tinggi daripada kadar faedah simpanan di bank-bank.

Mengenai kenaikan pencen 10%, pemberian itu adalah mengikut peraturan penyelarasan pencen apabila pegawai awam mendapat perubahan gaji. Mengenai bonus yang RM200 bagi tahun ini, saya berharap kerajaan akan dapat menimbangkan menaikannya kepada RM500 iaitu separuh daripada minimum yang diberi kepada pegawai kerajaan. Mengenai pencen terbitan balu yang berkahwin semula, saya harap *arrears* dengan izin, atau tunggakan akan dibayar kepada mereka mulai tarikh balu itu ditamatkan pencen terbitannya. Mengenai bon-bon yang akan ditawarkan yang berjumlah RM1 bilion, saya harap kerajaan akan menambahkannya sekiranya ia tidak mencukupi.

Tuan Yang di-Pertua, saya sangat bersetuju dengan pakej rangsangan sebanyak RM7.3 bilion yang diperuntukkan oleh kerajaan bagi tahun ini dan tahun 2002. Peruntukan ini adalah sangat besar dan saya harap peruntukan itu akan mencapai matlamatnya dan setiap ringgit yang digunakan akan mencetuskan hasil bernilai RM1 atau lebih. Dari pengalaman saya semasa berkhidmat di Perbendaharaan dahulu, sekiranya peruntukan wang itu diperolehi dengan senangnya, penyelewengan mudah berlaku. Oleh itu, pengawasan yang rapi hendaklah dilakukan supaya wang itu tidak disalahgunakan oleh pihak-pihak yang berkenaan. Kita tidak mahu lagi melihat gambar-gambar pegawai kanan kerajaan di dalam surat khabar dan juga televisyen digari oleh polis biarpun kesalahan mereka masih belum diputuskan. Ini bukan sahaja menjatuhkan maruah perkhidmatan awam, bahkan imej negara kita juga.

Tuan Yang di-Pertua, saya perhatikan peruntukan perbelanjaan yang terbesar sekali dalam belanjawan yang berjumlah RM100.5 bilion ialah peruntukan bagi Kementerian Pendidikan. Iaitu maksud B. 26 sebanyak RM20.7 bilion atau lebih kurang 20% daripada semua peruntukan. Ini adalah suatu peruntukan yang sangat besar dan mencerminkan betapa pentingnya peranan pendidikan dalam ikhtiar kerajaan untuk meninggikan mutu hidup rakyat negara ini. Ini tidak termasuk wang yang dibelanjakan oleh pihak swasta untuk tujuan pendidikan yang saya anggarkan melebihi RM2 bilion tiap-tiap tahun. Peruntukan yang besar untuk pendidikan ini jarang-jarang berlaku di negara-negara yang sedang membangun kerana mereka memberi lebih keutamaan atau tekanan kepada perbelanjaan pertahanan dan keselamatan dalam negeri. Saya bersetuju dengan dasar yang dilaksanakan oleh kerajaan itu dan saya berharap kita mempunyai cukup sumber kewangan untuk meneruskannya.

Saya perhatikan bahawa universiti-universiti akan memperolehi lebih kurang RM2.5 juta bilion daripada peruntukan kementerian itu, iaitu hampir 15% daripada peruntukan kementerian. Pada masa kita mencapai kemerdekaan dahulu, kita tidak mempunyai sebuah universiti pun sehingga tahun 1961 apabila Universiti Malaya ditubuhkan. Semenjak itu, beberapa buah universiti telah ditubuhkan dengan *enrollment* penuntut mencapai lebih daripada 300,000 orang. Dalam tempoh yang terdekat ini beberapa buah universiti telah ditubuhkan dengan begitu kerapnya.

Sekarang kita sudah ada 13 universiti yang dibiayai oleh kerajaan sepenuhnya dan 4 buah universiti yang ditubuhkan oleh agensi-agensi kerajaan.

Saya bersetuju kita patut ada universiti atau institusi pengajian tinggi awan (IPTA) dan institusi pengajian tinggi swasta (IPTS) yang banyak supaya anak-anak kita mendapat pelajaran yang tinggi. Tetapi saya tidak berapa yakin bahawa penubuhan universiti yang begitu kerap tidak akan menimbulkan masalah. Pertama, dari segi kos. Penubuhan universiti yang baru memerlukan wang yang sangat banyak baik dari segi modal pembangunannya dan kos pengurusannya. Oleh kerana universiti-universiti atau IPTA ini dibiayai oleh kerajaan hampir 100%, kemungkinan universiti tidak mendapat bantuan yang penuh kerana *commitment*, dengan izin, kerajaan yang lebih penting akan timbul. Ini boleh menjejaskan prestasi universiti-universiti itu.

Kedua, tenaga pengajar yang bermutu tinggi akan sukar dicari dan kita terpaksa berpuas hati dengan apa yang kita boleh dapati. Ini boleh menjatuhkan mutu pendidikan universiti itu. Oleh yang demikian, saya mengesyorkan supaya Kementerian Pendidikan mengkaji semula kedudukan dan peranan universiti-universiti di negara ini supaya mereka dapat memberi faedah yang maksimum kepada negara. Oleh kerana sumber kewangan kita adalah terhad tiap-tiap universiti perlulah mempunyai *specialization* dengan izin, masing-masing, yang tertentu dan menitikberatkan ilmu pengetahuan yang sangat penting dan relevan, dengan izin, kepada negara kita pada masa ini.

Perubatan, kejuruteraan, teknologi komunikasi maklumat atau ICT, pertanian, ekonomi, perguruan, pengurusan manusia adalah contoh-contoh ilmu yang patut diberi keutamaan. Dan sepatutnya tidak ada pertindihan subjek berlaku di antara satu universiti dengan universiti yang lain.

Oleh kerana universiti memerlukan tenaga pengajar yang bermutu tinggi, kita hendaklah membuka dengan lebih luas lagi pintu jawatan tenaga pengajar di universiti kepada rakyat kita yang berkelayakan cemerlang.

Kelayakan masuk calon-calon penuntut di universiti-universiti itu hendaklah sentiasa tinggi supaya calon-calon yang masuk ke universiti benar-benar layak dan boleh mendapat manfaat dari pendidikan universiti. Kuota mengikut kaum boleh dikekalkan. Bagi mereka yang tidak cukup kelayakan, kolej-kolej teknik atau politeknik hendaklah diperbanyakkan lagi kerana graduan daripada institusi-institusi inilah yang sangat diperlukan oleh negara kita pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh pertindihan tugas dan tanggungjawab di antara Kementerian Pengangkutan iaitu Bekalan atau B.38 dan Kementerian Pembangunan Usahawan, Bekalan atau B.39 mengenai pengangkutan jalan.

Kedua-dua kementerian itu adalah menjalankan tugas mengenai pengangkutan jalan. Satu Kementerian Pengangkutan untuk pendaftaran kereta, motor, mengeluarkan lesen memandu, mengutip cukai jalan dan mengawal hal ehwal pengangkutan jalan raya. Satu lagi, Kementerian Pembangunan Usahawan pula, mengeluarkan lesen untuk bas, lori dan teksi dan menetapkan tambang bas dan teksi. Dalam warta berita pada malam 8 Disember, di TV3 yang baru lepas, kedua-dua menteri kementerian yang berkenaan telah bercakap mengenai perkara yang sama di tempat yang berlainan. Seorang menyatakan bahawa kenaikan tol yang baru ini adalah berpatutan dan seorang lagi menyatakan beliau tidak akan membenarkan tambang bas dinaikkan kerana tol dinaikkan.

Saya berpendapat tugas ini hendaklah di *rationalize* kan, dengan izin, dan dilaksanakan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan di bawah Kementerian Pengangkutan. Di negara-negara yang maju pengangkutan jalan raya adalah diselia oleh satu agensi sahaja dan ini termasuklah pembinaan lebuhraya dan *highway patrol*.

Tuan Yang di-Pertua, kita selalu mendengar aktiviti-aktiviti yang dilakukan oleh Petronas, terutama mengenai pelaburannya di dalam industri motor dan perlombongan di luar negara dan baru-baru ini penglibatannya dalam *Formula 1* dan penglibatan hendak membeli litar motor Sepang.

Tertarik saya hendak tahu, apakah kedudukan Petronas yang sebenarnya kerana saya adalah antara seorang yang terlibat menubuhkan Petronas itu dahulu.

Untuk tujuan itu saya telah pergi berjumpa Pegawai Perpustakaan Parlimen kita bertanyakan sama ada Perpustakaan ada menyimpan laporan tahunan Petronas.

Beliau menyatakan selain daripada suatu naskhah yang nipis, dia tidak ada laporan tahunan Petronas yang lengkap sungguh pun beliau telah beberapa kali minta kepada ibu pejabat Petronas. Jawabnya, Petronas tidak perlu menghantar laporan tahunan ke Parlimen kerana tidak dikehendaki oleh undang-undang.

Petronas adalah sebuah agensi yang sangat penting dan dipunyai oleh kerajaan 100%, yang amanahkan untuk mengendalikan sumber petroleum di negara kita. Oleh itu badan itu bertanggungjawab memberitahu Parlimen mengenai kemajuannya seperti mana agensi-agensi lain seperti KWSP dan semua badan yang melaksanakan tugas-tugas yang diamanahkan oleh kerajaan kepada mereka. Saya berharap Jabatan Perdana Menteri akan mengambil ingatan mengenai perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong Rang Undang-undang Perbekalan bagi tahun 2002. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Dijemput, To' Puan Wan Asiah.

**12.51 tgh.**

**To' Puan Seri Wan Asiah binti Ahmad:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh* Saya turut menyokong atas Rang Undang-undang Perbekalan 2000 yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 6 Disember 2001, yang lepas. Semoga belanjawan yang dibentangkan dapat dilaksanakan dengan sebaik mungkin.

Dengan itu saya juga turut sama bersama menyokong dan seterusnya membahaskan atas Rang Undang-undang Perbekalan 2000 yang telah dibentangkan pada minggu lepas dan terima kasih dan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang begitu prihatin dan bersungguh-sungguh kerana memikul tanggungjawab yang diamanahkan kepada beliau supaya *Ulu-Amri*.

Saya kira ini adalah menepati kehendak Islam. Belanjawan mesra rakyat ini diterima oleh kebanyakan rakyat yang bersyukur dan berterima kasih kepada kerajaan dengan rasa senang hati. Dengan belanjawan yang dibentangkan itu, kita bersama-sama berharap supaya dapat dilaksanakan dengan sebaik mungkin dengan izin Allah, dan berdoa kepada Allah S.W.T semoga diberi hidayat kepada yang dipertanggungjawabkan melaksanakan tanggungjawab yang berat, yang diamanahkan kepada kita semua termasuk Ahli-ahli Dewan Negara, Dewan Rakyat telah meluluskan Rang Undang-undang Perbekalan 2000 ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh B.1 Parlimen. Saya amat tertarik hati dengan apa yang telah diutarakan oleh Yang Berhormat Senator Datu Gazi sebentar tadi bahawa asasnya Parlimen kita ini, saya kira sejak tahun 1957, sudah hampir 45 tahun lebih dibangunkan. Dan sampailah masa dengan peruntukan yang ada hari ini, dengan teknologi yang begitu canggih dapat diubahsuaikan kalau tidak semua pun, kerusi-kerusi dalam Dewan ini kerana kalau kita tengok dalam mesyuarat pada sesi ini, ada juga dua tiga orang yang terjatuh. Saya tidak tahu oleh sebab bulan puasa tetapi tidaklah sebegitu, agaknya kerusi ini beratkah, apakah. Jadi dengan peruntukan itu sesuaihlah kerajaan memberi perhatian untuk mengubahsuaikan kerusi-kerusi dan persekitaran yang ada terutama dalam Dewan ini supaya nampak lebih ceria dan selesa.

Dan juga di luar Dewan ini, kita tengok terutamanya di bilik-bilik tandas nampaknya begitu tidak memuaskan dengan keadaan paipnya yang bocor dan serba serbinya, saya rasa tidak sesuai lagi dengan keadaan sekarang.

Kalau kanak-kanak murid-murid sekolah datang pun nampaknya tidak begitu memberi pandangan yang sesuai kepada mereka dan sekali gus imejnya jatuh, tidak sesuai dengan keadaan Parlimen maka saya berharap keadaan ini diberi perhatian yang serius.

Yang kedua saya menyentuh B4, Suruhanjaya Pilihan Raya. Ramai yang telah menyuarakan bahawasanya Suruhanjaya Pilihan Raya ini sudah meningkat prestasinya dengan kemenangan pilihan raya di Sabah tetapi dalam kajian daftar pemilih masih lagi tahapnya tidak begitu cergas, tidak begitu efisien kerana banyak lagi

penduduk di negara ini terutamanya di luar-luar bandar bahkan di dalam bandar juga tidak begitu mengambil berat untuk mendaftar sebagai seorang pemilih.

Kempen-kempen terhadap ini hendaklah dimulakan. Kesedaran-kesedaran kepada rakyat Malaysia mengenai pentingnya menjadi seorang pemilih itu adalah mustahak dan ada lagi iaitu pengundi-pengundi yang telah meninggal dunia masih lagi tercatat nama dalam Buku Daftar Pemilih.

Tidakkah boleh Suruhanjaya Pilihan Raya bersama dengan Jabatan Pendaftaran, kelahiran dan kematian diselaraskan dengan Buku Daftar Pemilih.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh Jabatan Perdana Menteri. Pertama mengenai Tabung Haji yang telah diminati oleh kebanyakan Ahli-ahli Dewan kita semasa perbahasan yang telah dibahaskan. Tabung Haji menjadi riuh dan kecoh dengan kehilangan RM8 juta baru-baru ini. Tetapi tidak boleh dinafikan semasa kegemilangan Tabung Haji 20 tahun yang lepas, hampir ke seluruh negara Tabung Haji mempunyai aset harta dan juga bangunan-bangunan pejabat di seluruh negara dan daerah di Malaysia ini.

Hanya yang saya ingin menyentuh ialah mengenai pengeluaran wang pendeposit Tabung Haji iaitu pengeluaran harian. Tidakkah kerajaan ingin mengkaji balik keperluan Tabung Haji ini kepada pendeposit. Sebabnya saya kira Tabung Haji tidak begitu ada kemahiran dan kepakaran dalam soal perbankan dan kakitangannya tidak mencukupi. Maka saya kira, tidak sesuai untuk Tabung Haji memberi kemudahan kepada pendeposit mengeluarkan wang hari-hari. Dari dahulu saya katakan, saya bimbang takut terjadi penyelewengan yang tidak disedari. Kalau kiranya Tabung Haji akan meneruskan pengeluaran ini, apakah langkah-langkah yang diambil selain daripada menyediakan buku pengeluaran dan menandakan cap ibu jari pemohon-pemohon yang akan mengeluarkan wang di dalam Tabung Haji.

Saya kira itu tidak mencukupi dan saya ingin bertanya apakah langkah-langkah yang lebih praktikal bagi menyelamatkan pendeposit-pendeposit Tabung Haji. Maka saya mohon supaya perkara ini dikaji dengan lebih mendalam dan lebih teliti. Saya ingin bertanya pada Menteri yang bertanggungjawab.....

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat To' Puan, oleh kerana masa rehat sudah tiba, To' Puan boleh sambung perbahasan lepas rehat.

**To' Puan Seri Wan Asiah binti Ahmad:** Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, dengan ini Majlis Mesyuarat Dewan ini ditangguhkan hingga jam 2.30 petang ini

***Mesyuarat ditempohkan pada pukul 1.00 tengahari.***

***Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.***

[Tuan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Mesyuarat***]

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat To' Puan Seri Asiah, sudah habiskah berucap? Belum habis lagi? Sila cari Yang Berhormat To' Puan Seri. Saya minta Yang Berhormat To' Puan Seri menyambung ucapan.

**2.32 ptg.**

**To' Puan Seri Wan Asiah binti Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, minta maaf. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyambung balik mengenai Tabung Haji. Saya ingin tahu apakah pelaburan-pelaburan Tabung Haji buat masa sekarang dan saya juga ingin tahu bagaimanakah pelaburan-pelaburan yang telah dijalankan semasa dahulu seperti apakah perkembangan dengan TH Technology dan apakah perkembangan dengan pelaburan kita di luar negara seperti estet di Riau? Apakah ia mendapat keuntungan atau sebaliknya?

Dan saya berharap supaya pelaburan-pelaburan Tabung Haji hendaklah dikaji dengan mendalam sebelum dibuat keputusan supaya dapat menjamin pendeposit-pendeposit yang menyimpan di Tabung Haji. Dan juga apa-apa perubahan yang hendak dibuat hendaklah dibincang dengan secara mendalam dan matang untuk memberi faedah kepada penyimpan-pemimpan Tabung Haji kerana Tabung Haji adalah satu tabung yang dipunyai oleh penyimpan-pemimpan seluruh umat Islam di

negara ini, maka sewajibnyalah dijaga dengan begitu teliti dan baik supaya tidak menjejaskan imej Tabung Haji dan tidak menjejaskan dan memberi kerugian kepada penyimpan-penyimpannya.

Saya kira selama ini Tabung Haji telah membuat banyak kejayaan kepada umat-umat Islam, terutamanya dari segi mengerjakan ibadat haji dan kemudahan-kemudahan kepada jemaah haji semasa menunaikan fardu haji sama ada perjalanan dari kampung hingga ke terminal airport dan juga ke terminal Saudi. Bukan senang untuk menjaga jemaah-jemaah yang satu ketikanya begitu ramai. Pernah Tabung Haji mengendalikannya seramai 45,000 jemaah, dan ini bukanlah suatu perkara yang senang. Tetapi kejayaan Tabung Haji ketika itu amat terserlah. Walaupun kebenaran diberi kepada Tabung Haji hanya dalam masa tidak sampai sebulan, tetapi Tabung Haji telah dapat mengendalikan urusan haji dan menjaga jemaah mencari penginapan dengan begitu baik. Ini adalah satu kejayaan dan satu semangat kerjasama yang sepadu ketika itu oleh pekerja-pekerja dan kakitangan Tabung Haji.

Saya tidak syak lagi bahawa kejayaan Tabung Haji adalah sebab sokongan dan juga ketulusikhas seluruh kakitangan Tabung Haji yang memberi sumbangan dan bekerja dengan penuh semangat, penuh dedikasi terutamanya ketika menjaga jemaah haji di luar negara. Maka saya berharap sekali lagi supaya pihak kerajaan dan Tabung Haji dapat membetulkan balik segala kepincangan dan segala apa jua yang berlaku hari ini supaya imej Tabung Haji dapat dipertingkatkan.

Dalam B.7 ini juga saya ingin menyarankan iaitu Jabatan Perdana Menteri seperti JAKIM dan juga Majlis-majlis Agama Islam di seluruh Malaysia. Saya berharap supaya JAKIM akan menjadi satu tempat rujukan mengenai hal ehwal agama Islam dan menjadi satu jentera yang menjadi rujukan kepada seluruh kementerian-kementerian supaya tidaklah dalam sesuatu perkara mengenai agama ditafsirkan mengikut kefahaman masing-masing. Dan kita hendaklah seragamkan kerana kita tubuh JAKIM iaitu Jabatan Kemajuan Islam, maka sayugialah kita sepadukan segala apa juga bentuk mengenai agama melalui JAKIM.

Dan saya ingin menyentuh mengenai Mahkamah Syariah supaya dapat diwujudkan Unit Kaunseling di Mahkamah Syariah. Dahulu semasa tidak wujud Mahkamah Syariah ini ada bahagian kaunseling di Jabatan Agama Islam dan pegawai-pegawainya terlatih, maka saya kira Unit Kaunseling ini amat penting untuk pertamanya, bagi keluarga-keluarga yang menghadapi masalah dalam rumah tangga, maka perlu Mahkamah-mahkamah Syariah ini diwujudkan bahagian atau Unit Kaunseling.

Saya ingin menyentuh sedikit,....Ya, sila.

**Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih, minta penjelasan sedikit daripada Yang Berhormat To' Puan. Terima kasih. Berkenaan dengan Mahkamah Syariah dan juga Enakmen Hal Ehwal Islam ini di negeri-negeri, sekarang ini mungkin dari segi aturan dan peraturannya masih belum seragam. Dan saya hendak tahu dari Yang Berhormat To' Puan berkenaan saya terbaca di dalam *Harakah* baru-baru ini bahawa apa yang dipinda dalam enam enakmen baru-baru ini adalah satu pindaan yang agak besar, yang katanya lahir daripada kepimpinan PAS Terengganu.

Jadi, saya hendak taulah sama ada enakmen itu dengan bidang-bidang kuasa yang dibuat itu berlainan dengan negeri-negeri lain ataupun tidak. Terima kasih.

**To' Puan Seri Wan Asiah binti Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya ini bukan salah seorang daripada penggubal undang-undang PAS, tetapi saya ada sedikit maklumat bahawasanya enakmen pentadbiran undang-undang Islam Negeri Terengganu yang diluluskan baru-baru ini adalah undang-undang yang telah dilulus dan diguna pakai oleh Kerajaan Barisan Nasional pada masa dahulu. Boleh dikatakan 99% diguna pakai oleh enakmen yang baru dilulus ini. Hanya satu sahaja iaitu dalam masalah pentadbiran ditukarkan supaya membolehkan Menteri Besar ditukar menjadi Ketua Agama atau yang bertanggungjawab di atas pentadbiran agama Islam di Terengganu yang mana sejak kita merdeka, kuasa agama ini terletak di tangan Raja-raja Melayu negeri yang beraja.

Tetapi enakmen yang baru dilulus ini menghakiskan kuasa Raja di negeri Terengganu. Saya sebagai rakyat negeri Terengganu amat berasa terhina dengan undang-undang yang baru diluluskan ini. Dan dalam enakmen pentadbiran undang-

undang Islam Negeri Terengganu mengenai tata cara MAL, tujuh wording yang salah pun diambil kira, dicopyright juga menjadikan undang-undang. Ini yang saya katakan undang-undang yang diluluskan baru-baru ini adalah undang-undang yang divedok dari Kerajaan Barisan Nasional dan dilulus digunapakai pada hari ini. Undang-undang yang sama, tetapi diluluskan.

Saya tertarik hati dengan perbincangan cucu saya Yang Berhormat Senator Puan Jamilah. Saya kata kepada dia dalam lif tadi, saya ini berjalan lambat daripada tempat sembahyang hendak sampai ke sini, maklumlah nenek kerana saya berumur 63 tahun. Dia baru 30 tahun lebih barangkali agak saya.

Dan alhamdulillah syukur cucu saya ini dibesarkan oleh Kerajaan Barisan Nasional dan mendapat pendidikan dari usaha UMNO dan Barisan Nasional. Inilah dia UMNO, inilah dia Barisan Nasional. Alhamdulillah syukur kita tidak payah ungu-ungkit, ini tugas kerajaan, tugas umat Islam menjaga tidak kira apa fahaman politik pun. Ilmu adalah wajib dituntut, dan menyediakan tempat belajar itu adalah tugas kerajaan. Soal yang lain itu soal masing-masing kefahaman masing-masing kerana orang kata kubur asing-asing. Jadi apa kefahaman negara kita ini negara demokrasi, kita tidak boleh sekat dan tidak boleh tahan.

Saya tertarik hati dengan keadilan dan amanah. Rasulullah s.a.w. pernah bersabda [*membaca sepotong hadis*] ketika Rasulullah s.a.w. pulang daripada suatu peperangan beliau bersabda kepada umat-umatnya, sahabat-sahabatnya, bahawasanya kita selamat kembali kepada peperangan yang kecil dan akan menghadapi peperangan lebih besar iaitu peperangan melawan hawa nafsu. Maka sebab itulah dalam suatu hadis Rasulullah s.a.w. mengingatkan umat-umatnya, bahawasanya aku bimbang kepada umat-umatku di masa akan datang kerana umat-umatku akan mengikut hawa nafsu dan bercita-cita untuk hidup lama menguasai dunia ini.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh tentang keadilan dan amanah, saya inginlah menyuara di Dewan yang mulia ini, apa yang berlaku mengenai keadilan di Terengganu sejak kerajaan di kuasai oleh pemimpin Islam yang bernama Parti Islam Tanah Melayu. Rakyat Terengganu tidak begitu rasa sangat hampa dan kecewa kerana yang menggantikan itu ialah pengamal-pengamal agama Islam tetapi tak sampai satu hari, pada 29.11.1999, petang, malam itu setelah diumumkan kejatuhan Kerajaan Barisan Nasional Terengganu dan kemenangan PAS di Terengganu. Pada keesokan harinya sebahagian daripada wakil rakyat, bekas wakil rakyat Negeri Terengganu yang tewas yang kebetulan menjadi EXCO pada Kerajaan Negeri Terengganu datanglah ke Wisma Darul Iman untuk mengambil segala apa yang ada kepunyaannya yang tertinggal di Wisma Darul Iman kerana mungkin mereka tidak sangka akan kalah, jadi semua fail, semua apa, ada yang tinggal duit, ada semualah ada di dalam bilik masing-masing, tetapi malangnya Wisma Darul Iman tidak dibenar masuk di kunci terus menerus. Ini suatu keadilan yang pertama oleh Kerajaan PAS.

Yang kedua belum sampai seminggu masing-masing tengah pening, belum lagi hilang penat, belum lagi hilang terkejut mungkin orang bertanding bila kalah terkejut Tuan Yang di-Pertua, maka mereka belumlah lagi sempat menghantar kereta rasmi masing-masing tetapi malangnya bila ternampak kereta EXCO, kereta rasmi kerajaan Negeri Terengganu di pakai oleh EXCO atau drebarnya ditahan di tengah jalan supaya diperintah di hantar balik. Ini kisah benar, pelik tapi benar. Ini Keadilan.

Peristiwa hari ini, saya jarang mengungkit benda-benda macam ini tetapi di Dewan yang mulia ini saya kira, saya boleh menumpang segala sebab di dada, bukan kerana saya tetapi kasihan kepada rakyat-rakyat Terengganu yang ingin menumpang, tak menumpang kasih pun, menumpang diberi layanan tetapi malangnya, malangnya kerajaan bertindak; yang pertama segala pegawai-pegawai yang dikira pro kepada Kerajaan Barisan Nasional dulu setengahnya di beku, *difreez*, tidak di bagi apa-apa kerja. Tukarlah daripada Kemaman ke Dungun, dari Dungun ke Setiu dok gilir sana, *state servant* ini dia tak boleh pergi keluar dari Terengganu. TCS ini tidak boleh keluar dari Terengganu dia hanya elok tak elok tukar sama-sama daerah sahaja, ini keadaannya.

Segala kelas-kelas tadika, Kemas yang senantiasa beroperasi di balai-balai raya di arah supaya tutup, pindah ke tempat lain. Ada setengah balai raya itu kepunyaan tanahnya individu maka mereka berdegil tidak keluar, tetapi malangnya setelah petang dikunci maka kunci itu ditukar oleh siapa saya kurang maklum. Inilah

berlaku di Negeri Terengganu. Mungkin perkara ini kita rasa pelik tetapi inilah hakikat rakyat Terengganu sebahagiannya merasainya.

Kelas-kelas Quran, guru-guru Quran semuanya diberhentikan sekiranya mereka ini penyokong Barisan Nasional sehingga kepada penghafaz-penghafaz Al-Quran pun yang cacat penglihatan pun dipotong elaun dan diberhentikan. Walaupun saya kira peruntukan-peruntukan ini adalah sumbangan Kerajaan Pusat daripada Jabatan Hal Ehwal Islam (JAKIM), melalui kelas KAFA yang disalurkan ketika itu melalui Yayasan Islam Terengganu. Maka keadaan ini berterusan hingga sekarang.

Untuk keadilan baru-baru ini setelah mendapat peruntukan RM4.4 juta daripada Kerajaan Pusat melalui program KAFA yang diberi melalui JAKIM maka diadakan temuduga, semua guru-guru kelas KAFA panggil temuduga untuk diberi tawaran mengajar balik. Tetapi malangnya apabila ditemuduga akhirnya mereka ini gagal kerana mereka bukan penyokong PAS Berlainan dengan apa yang saya tahu masa Kerajaan Barisan Nasional dulu, kita tahu ada penyokong PAS tapi Kerajaan Barisan Nasional tidak pernah menolak orang-orang macam ini walaupun mereka berkata dia UMNO tetapi kita tahu dia PAS itu hak dia. Kita tak pernah tolak dan mereka ini dapat habuan, bukannya banyak, RM50 satu bulan, bukannya banyak. Guru-guru kelas Quran di kampung ini RM50 sebulan dibagi dua bulan sekali iaitu RM100. Tapi bagi orang kampung besar dan beberapa guru Quran kampung ini mengadu kepada saya. Saya pergi temuduga tapi orang yang temuduga itu tanya saya aw ak nak apa, nak bulan lah, nak daging lagi? Saya tak tergamak dia kata, nak kata PAS saya bukan PAS saya UMNO pun tidak nak sokong sangat, saya tidak pergi kempen-kempen – orang Terengganu cakap macam itulah.

Saya tak pergi kempen pun tapi dia bagi saya mengajar dapatlah RM50 sebulan. RM50 sebulan...kalau cakap bersyaddah itu maknanya besarlah tu. Kalau kita RM50 *nothing* tak ada apa-apa tapi bagi orang kampung saya, masyarakat Terengganu RM50 itu besar. Saya tak tergamak nak kata saya PAS, saya kata saya sokong juga UMNO dari dulu-dulu, dah duduk senang tak ada apa-apa, duit pun dapat RM50 sebulan jadi saya sokonglah tu. Baru ini mengundi mana. Mengundi yang tulah yang daging tu. Maka keputusannya gagal. Ini keadilan. *[Membaca sepotong ayat quran]* semua orang boleh baca al-Quran kita hafaz kita baca tafsir tetapi tidak di hati kita *[Membaca sepotong ayat al-Quran]* di mana keadilan?

Di mana keadilan kepada rakyat-rakyat yang tidak pernah mengenal apa itu politik. Orang kampung dia tidak bermain politik, tak reti apa itu politik, jadi saya minta supaya kita janganlah mengajak orang kampung ini lalai dan leka dengan politik. Kita menyediakan kepada mereka kemudahan-kemudahan tempat tinggal kemudahan beribadat, kemudahan mendapat rezeki, inilah cara Islam mengajar kita.

Saya malu, kadang-kadang saya malu pada bangsa-bangsa lain, agama lain, kita bertikam lidah dalam perkara yang sama, dalam perkara yang kita sentiasa semua menikmati sejak kita kecil hingga sekarang ini yang disediakan oleh Kerajaan Barisan Nasional, saya tidak menafikan. Kita pertikaikan mengenai negara Islam. Bagi saya Perlembagaan Malaysia telah termaktub tetapi kebanyakan kita tidak membaca dan tidak menghayati perlembagaan yang kita pakai selama ini.

Antara lain termaktub di dalamnya Islam adalah agama rasmi bagi Persekutuan dan setelah dinamakan Malaysia ia menjadi agama rasmi kepada negara Malaysia dan diterima oleh semua kaum, semua agama dalam negara ini dan kita mengamalkan agama Islam ini dengan segala kemudahan yang disediakan oleh kerajaan baik dari segi pendidikan, ekonomi, ibadah dan sebagainya.

Saya kira saya mengamalkan apa yang sederhana, saya kira selama ini saya bersyukur kerana sejak Kerajaan Perikatan atau sekarang ini dikenal sebagai Barisan Nasional memerintah negara ini kita dapat mengamalkan 100% Islam yang kita anuti bagaimana susah semasa zaman penjajah dahulu. Mungkin generasi yang merdeka hari ini ia tidak mengenal apa erti susah. Dulu, saya tak tahu Datuk Ghazi lebih muda dari saya, masa saya kecil dulu kalau nak pergi mengaji belajar Quran, di Terengganu di negeri lain dia moden sikit. Di Terengganu kalau nak pergi menganji Quran pergi rumah tok guru di kampung kena basuh lantai, kena isi air dalam tempayan, bawa damar kalau malam nak belajar, susahnyanya nak belajar agama. Tak belajar agama lagi itu belajar hanya nak belajar muqaddam atau Quran sahaja. Fardu ain itu sikit-sikit. Masa saya dahulu tahun 52 setelah tamat belajar di sekolah Melayu selama 5 tahun ditawarkan oleh masa itu Britishlah, ditawarkan jadi cikgu, kawan-kawan semuanya jadi cikgu

gajinya RM50 tapi saya memilih untuk menyambung pelajaran di Sekolah Arab Sultan Zainal Abidin yang kebetulan pada tahun itu dibuka untuk pelajar-pelajar wanita tetapi susahnyanya Tuan Yang di-Pertua, lepas sebulan belajar di situ guru tidak ada, guru sambilan saja, tapi tak apalah kita nak belajar, kita belajar dalam hukum-hukum Islam dalam bahasa Arab. Ditahan oleh Pejabat Pelajaran semasa ketika itu, tak boleh orang perempuan tak boleh belajar Arab, tak boleh belajar masa itu. Susah Datuk Ghazi semasa penjajah dahulu. Sehingga tidak diberi satu kurikulum, buku, guru dan saya dua tiga empat orang ini keras kepala sikit pergi menghadap Tuan Reed dahulu, panjang tinggi orangnya beberapa orang pegawai-pegawai melayu ketika itu. Dia kata tak usah belajarlah lebih baik jadi guru RM50 you nak buat apa. Belajar sini pas pun gaji RM20.00. Tak usah belajar tapi kita berkeras untuk belajar.

Macam mana nak tarik perhatian Mat Salleh yang menjajah kita ini. Habis daya, habis cara saya menyanyi lagu Arab, tapi tak nyanyi di sini Dewan Negara [Disampuk] tak payah, sebab tak tahu apa yang hendak dipujuk, dirayu tidak termakan akhirnya – saya menyanyilah sikit [menyanyi dalam bahasa Arab] [tepuk]. Bila kita macam itu dia kata cuba you terjemah sikit ni..ini...Tak apalah you balik belajar kita bagi guru satu. Saya kata Alhamdulillah syukur. Saya tak kata kuat-kuatlah dalam hati. Alhamdulillah syukur, inilah susahnyanya anak muda di zaman penjajah - untuk mendapat pendidikan agama pun susah.

Maka marilah kita bersyukur dengan kerajaan pada hari ini, bukan sekadar menyediakan tempat belajar bahkan dengan kecekapan dan usaha Biro Agama UMNO Malaysia memohon kepada kerajaan Perikatan ketika itu sehingga diiktiraf semua pelajar-pelajar lulusan agama mendapat gred yang sama dengan pelajar-pelajar dari Barat. Inilah pengiktirafan Kerajaan Barisan Nasional kepada pelajar-pelajar agama.

Maka hari ini kita pertikai lagi mengenai negara Islam - satu lagi tamparan kepada umat Islam. Kita macam teraba-raba di dalam terang. Kenapa kita jadi macam itu? Kenapa kita persoalkan perkara yang sudah menjadi kenyataan. Selama lebih 45 tahun Kerajaan Barisan Nasional memerintah, tidak sekuit pun terjejas. Rukun Islam yang lima perkara – mengucap, sembahyang, puasa, zakat, fitrah dan haji, tidak pernah terusik, bahkan masih terserlah dan terus terserlah dengan segala kemudahan, baik dari segi ibadat sembahyang, baik dari segi ibadat puasa, baik dari segi ibadat zakat, haji dan sebagainya. Kenapa kita tidak berfikir sejenak perkara-perkara yang seumpama ini.

Saya tidak marah, saya tidak terasa apa kecaman PAS hendak buat atas Kerajaan Barisan Nasional. Saya tidak hairan benda ini kerana kita ini manusia – tak akan ada semua baiknya, tak akan ada semua buruknya. Dalam dunia akhir zaman ini saya tidak pernah menganggap orang UMNO itu alim semua dan saya tidak pernah menganggap orang UMNO jahil semua dan saya tidak pernah menganggap orang PAS itu tidak elok semuanya, orang PAS tidak alim semua kerana kalau kita hendak bandingkan iman kita dengan iman umat zaman Rasulullah dan sahabat-sahabatnya, tabi'in-tabi'in jauh dengan iman kita sekarang ini, jauh. Maka iman yang kita amal sedikit itu janganlah kita rosak dengan sebab politik. Jangan kita rosakkan segala amal kita dengan kuasa politik yang kita hendak kejarkan.

Saya suka untuk memetik sedikit-sebanyak apa yang diijtihadkan oleh para ulama kita mengenai definisi negara Islam. Istilah negara Islam tidak tercatat secara langsung dalam Al-Quran. Hanya yang ada dalam Quran ialah negara "*Baldatur-toiyibah warabbun Ghafur*". Maka ahli-ahli ijtihad yang membuat ijtihad masing-masing. Ia dibuat bertujuan untuk menentukan kategori sesuatu negara atau tempat yang didiami oleh umat-umat Islam, sama ada bertaraf kampung-halaman Islam atau hak umat Islam itu sendiri atau kampung-halaman kafir harbi yang memerangi umat Islam. Maka negaranegara di dunia ini mengikut penilai hukum fikah terbahagi kepada tiga kategori:

1. negara Islam;
2. negara kafir yang berperang dengan Islam; dan
3. negara kafir yang tidak memerangi umat Islam

Maka definisi negara Islam ada beberapa definisi negara Islam yang telah dirumuskan oleh ulama dan cerdik-pandai Islam seperti berikut:

Muhammad bin Abu Hassan Asy-syaibani – menurut beliau negara Islam ialah negara yang berada di bawah kuasa pemerintahan orang Islam dan orang Islam menikmati keamanan dan keselesaan di dalamnya; ini definisi yang pertama.

Yang kedua, mengikut fahaman Muhammad Abu Zuhrah – negara Islam ialah negara yang berada di bawah kuasa pemerintahan Islam, kekuatan dan pertahanan dikuasai oleh orang Islam. Negara sedemikian wajib dipertahankan oleh setiap individu Muslim.

Yang ketiga, pendapat Imam Asy-syarkhasi - menurutnya negara Islam ialah tempat terletak kekuasaannya di tangan orang Islam. Tandanya negara itu Islam ialah orang-orang Islam dapat hidup dalam aman dan damai mengamalkan segala hukum-hukum yang diperintahkan oleh Allah subhanahu wataala.

Yang keempat, pendapat Iman Rofi menurut beliau tidak menjadi syarat negara Islam itu hanya bagi penduduk terdiri daripada orang Islam sahaja tetapi memadailah negara itu terletak kekuasaannya di bawah tangan ketua negara yang beragama Islam. Untuk renungan kita marilah kita bersama.

**Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff :** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada nenda saya. Saya sebenarnya sengaja saya tidak bangun awal sebab saya hendak mendengar penjelasan daripada nenda berkenaan dengan negara Islam dan apa yang dituduh kepada kami daripada PAS. Berkenaan dengan takrif ini memang kita tidak menafikan ini ialah takrif yang telah diberikan oleh ulama-ulama muktabar tentang takrif negara Islam. Tetapi persoalan yang ada di depan kita sekarang ini, kekuasaan yang ada pada ketua orang Islam itu adakah hukum Islam itu didaulatkan. Sebab sebagaimana yang kita tahu perlembagaan negara kita tidak berteraskan Al Quran dan sunnah, perlembagaan digubal oleh Suruhanjaya Reed, peninggalan British lagi. Jadi, dalam keadaan ini apa yang kita lihat dalam negara kita ini adakah boleh kita katakan negara Islam, kalau riba masih diteruskan, kalau judi masih diberi lesen, dalam keadaan kita lihat suasana kemungkaran tidak ditegah. Jadi inilah yang menjadi persoalan rakyat, seolah-olah rakyat ragu adakah negara Islam yang hendak diwujudkan oleh Kerajaan Barisan Nasional ini negara Islam yang tulen atau negara Islam tiruan. Itu yang menjadi persoalan rakyat.

Tentang tuduhan yang mengatakan apabila PAS tidak ada keadilan memerintah Terengganu apabila merampas balik kuasa di Terengganu. Saya cuba mencelah berkenaan dengan masalah fail yang ditutup tadi di pejabat, mengambil fail dan sebagainya.

Benda ini kita mengambil iktibar bagaimana kemenangan PAS di Kelantan. Apabila kita menang di Kelantan, kita tidak terus mengambil fail-fail, akibatnya banyak fail-fail yang menjadi maklumat kepada kerajaan telah diseludup dan dibakar. Kita ada bukti, mungkin Yang Berhormat Tan Sri pun mengetahui cerita ini, sebab dia yang menerajui kerajaan sebelum ini. Jadi, maknanya di antara fail di Kelantan di Perdana Resort, ada baki fail. Ini yang di Kelantan bukan di Terengganu. Jadi, disebabkan kita mengambil iktibar, mengambil pengajaran sekiranya fail-fail ini kita tidak pegang awal, rahsia dokumen rasmi kerajaan mungkin ada sesuatu yang kita hendak tahu mungkin akan disembunyikan, ini mungkin.

Begitu juga berkenaan dengan tuduhan yang mengatakan kita yang mengakibatkan KAFA guru KEMAS. KAFA, KEMAS bukan milik PAS, KAFA bukan di bawah kuasa kerajaan negeri, begitu juga guru KEMAS. Jadi, perkara ini jangan difitnah dan sebenarnya saya juga difahamkan bagaimana guru-guru KAFA di interview di negeri Kelantan dan syarat untuk menjadi guru KAFA mesti borang UMNO. Saya ada bukti, dua tiga orang yang datang mengadu kepada saya dan perkara ini jangan difitnah kepada kami sahaja. Jadi, sebab itulah kami mengharap sesuatu keadilan keadilan itu jangan kita nampak hanya dari segi pembangunan material tetapi keadilan sebagaimana yang dikehendaki oleh Allah S.W.T. Terima kasih.

**To' Puan Seri Wan Asiah binti Ahmad:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Beri Tan Sri menjawab dahulu.

**Tan Sri Dato' Haji Mohamed bin Ya'acob:** Sedikit sahaja. Bahawa saya tidak benar membakar fail-fail di negeri Kelantan selepas kami kalah, kami tinggalkan bahkan kami diminta undur daripada bilik ataupun pejabat dengan serta merta selepas kekalahan. Itu adalah perkarayang benar saya bercakap dan terima kasih.

**Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff:** *[Ketawa]* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih penjelasan Tan Sri. Bukan kita menuduh Tan Sri yang membakar, tetapi maknanya kita mendapat bukti bagaimana banyak maklumat yang sebelumnya kita hendak tahu tetapi tidak ada maklumat dalam pejabat. Jadi, apabila dibuat penyelidikan perkara itu telah disembunyikan dan ada pegawai kita yang mendapat baki kaki. Benda ini kalau rasa hendak penjelasan mungkin boleh berhubung dengan Kerajaan Negeri Kelantan. Sebab itu diketahui dengan jelas, saya bukan berbohong, ini bulan Ramadan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Puan Hajah Melati binti Ali:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin sedikit membuat pembetulan berhubung dengan tentang KEMAS. Sebenarnya apa yang dipersoalkan oleh To' Puan tadi adalah berhubung dengan kelas-kelas KEMAS. Beliau tidak mengatakan bahawa tentang guru KEMAS. Guru KEMAS tidak terjejas daripada dahulu lagi. Saya ingat soalan yang kita buat semalam atau kelmarin. Jadi, sebenarnya tentang bangunan KEMAS kalau tidak silap sayalah bangunan yang telah digunakan oleh kakitangan KEMAS, Jabatan KEMAS untuk mengadakan kelas-kelas tabika yang telah ditutup dan dikunci oleh Parti PAS bukannya tanggungjawab kakitangan KEMAS. Memang kita tahu KEMAS di bawah Kerajaan Barisan Nasional yang telah diuruskan oleh Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar. Saya hendak perbetulkan sedikit itu sahaja Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

**To' Puan Seri Wan Asiah binti Ahmad:** Kalau kita pakai ikut kita kata kita betul, tetapi kita persoalkan negara Islam ini adalah perkara pokok. Perkara pokok adakah terjejas umat Islam dengan Rukun Islam yang lima perkara boleh diamalkan atau tidak dan adakah Rukun Iman yang enam perkara terjejas, sebab dalam hadis Rasulullah S.A.W. *[membaca ayat berbahasa Arab]* ini perkara asas. Perkara pokok itu macam tafsir negara Islamlah. Dia tengok *'mukhtadhahal,'* iaitu tengok keliling. Negara kita ini walau pun kita kata orang Islam itu kita dapat mempertahankan agama Islam sebagai agama rasmi dan mengisytiharkan negara ini sebagai negara Islam, alhamdulillah syukur, kerana ada pakatan muafakat daripada penduduk-penduduk yang majmuk dalam negara ini, tidak membantah untuk menerima Islam sebagai agama rasmi. Maka sebab saya katakan *'mukhtadhahal,'* tengok keliling kita. Dalam Islam, muslihat orang-orang lain pun kita kena beri kesempatan dan kita selalu menyebutkan bahawasanya adanya lesen arak, adanya lesen judi, adanya itu, ini.

Bagi saya, saya mempersoalkan perkara pokok supaya umat Islam dapat mendirikan, mengerjakan ibadat yang diperintah oleh Allah S.W.T dengan senang dan selesa. Kalau kita duduk mempertikaikan sepanjang masa maka saya rasa perkara ini tidak selesai. Kita bersyukur dengan apa yang ada sekarang ini dan kita orang UMNO pun bukannya semua sekali berpuas hati tetapi kita berperingkat-peringkat. Dahulu kita ada masjid tidak ada jemaah, maka kita ramai-ramai PAS, UMNO jangan berebut hendak menjadi Imam sahaja, biar jemaah itu ramai, kita berkewajipan, saya tidak mahu menuduh, saya sudah berumur 63 tahun, sisa baki umur sedikit sahaja lagi. Buat apa hendak menuduh-nuduh, sedikit sahaja masanya, Allah beri, entah petang ini, entah petang besok bermakna sudah beralih daripada umur nanti.

Kalau kira hijrah 65 sebenarnya, maka sedarlah diri kita jangan memandang kepada bangunan ini tinggi hendak naik sampai 17 tingkat. Kita berada di tingkat yang pertama ini pun syukur alhamdulillah, senantiasa bersyukur dan sentiasa meminta ampun kepada Allah S.W.T. sebab itulah Siti Aisyah pernah mengingatkan kita apa yang diajarkan oleh Rasulullah kepada beliau, umat Islam hendaklah sentiasa berdoa *[Allahumma innaka afuwun karim tuhlibbul afwa fakfuanni]* jangan kita ikut nafsu panas, jangan! Itulah saya kata kalau bagi sayalah, kalau tidak boleh menerima pengisytiharan negara Islam dan Islam sebagai agama rasmi, maka saya ingin bertanya kepada Menteri Undang-undang di Jabatan Perdana Menteri bolehkah sesebuah negeri yang diperintah oleh kerajaan Islam iaitu Kelantan dan Terengganu boleh membuat perlembagaan negeri masing-masing dan saya tidak mencabar, saya ingin supaya bagi pihak PAS dapat menggariskan apa dia definisi negara Islam yang dikehendaki itu dan saya akan meneliti dan kita *compare* dengan negara Islam dan perlembagaan yang ada pada hari ini.

Sekiranya yang PAS buat itu lebih baik, maka saya tidak ragu lagi akan menyokong untuk menjadikan itu sebahagian daripada Perlembagaan Islam. Kalau tidak, kita teraba-raba hendak tengok mana. Yang ini tidak molek, yang molek mana dia? Mana dia? Tunjuk yang molek. Jangan kita bercakap sahaja. Kita tengok contoh

dalam Al-Quran, Allah tidak akan menghapuskan satu-satu ayat itu melainkan digantikan dengan ayat yang lain, [*Membaca sepotong ayat Al-Quran*]....

**Puan Jaya Partiban:** [*Bangun*]

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat.

**To' Puan Seri Wan Asiah binti Ahmad:** "Tidak Aku mansuhkan satu-satu ayat melainkan Aku ganti dengan ayat yang lebih elok daripada itu atau seumpamanya". Maka, mana yang lebih elok daripada apa yang ada sekarang? Kalau tidak, kita hendak tengok macam mana? Hendak buat baju macam mana, kita kena berpakat. Jangan ikut hati, ikut nafsu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat.

**To' Puan Seri Wan Asiah binti Ahmad:** Ya?

**Beberapa Ahli:** Di belakang, belakang.

**To' Puan Seri Wan Asiah binti Ahmad:** Oh, bagus.

**Puan Jaya Partiban:** Terima kasih To' Puan, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sejak sepanjang sesi ini, saya telah banyak mempelajari tentang agama Islam. Saya mengucapkan terima kasih kepada ahli-ahli UMNO dan juga ahli-ahli PAS tetapi jangan lupa kita pun warganegara Malaysia. Kita duduk sahaja dan dengar sahaja siapa yang lebih Islam, [*Ketawa*] yang Islam baik kah., tidak baik kah. Tetapi apa yang saya kuarir, Islam sehingga sekarang di negara ini bukanlah satu yang menjadi agama ekstrem - tidak ada ekstremisme - tetapi baru sekarang saya kuarir. Mungkin jika PAS selalu membentangkan bahawa ini bukan negara Islam, kita bukan mengamalkan undang-undang Islam, oleh kerana itu pengisytiharan itu tidak sah, saya pun kuarir juga

Sehingga sekarang, sebagai seorang warganegara Malaysia Yang Berhormat bukan Islam, saya tidak kuarir, saya selesa. Saya pun tidak rasa takut. Islam itu adalah satu agama yang *moderate*, tetapi apabila perbincangan macam ini berlaku di mana-mana sahaja, kami yang warganegara sudah 3 generasi – nenek saya, emak saya, saya, anak saya - 4 generasi sudah menjadi warganegara Malaysia ini. Kita duduk bersama, pergi ke sekolah dan ramai yang beragama Islam menjadi kawan-kawan saya. Sebelum ini mereka banyak datang ke rumah dan juga makan bersama tetapi sekarang tidak sebab ada satu unsur ekstremisme yang telah memasuki agama Islam.

Pasal itu di bangku sekolah sekarang, anak-anak yang bukan Melayu atau bukan Islam, mereka ini tidak ada banyak kawan-kawan yang terdiri daripada agama Islam yang melawat, tidak ada kunjung-mengunjungi rumah mereka sebab mereka kuarir. Makan di rumah kami pun kuarir. Macam mana ini boleh berlaku? Mungkin kerana di kalangan mereka yang beragama Islam, mereka hendak menunjukkan siapa lebih Islam. Saya berharap warganegara Malaysia yang terdiri daripada berbilang kaum....

**Datuk Long bin Jidin:** [*Bangun*]

**Puan Jaya Partiban:** Satu minit sahaja, saya akan habis.

**Datuk Long bin Jidin:** Minta laluan untuk bagi Yang Berhormat terangkan lebih lanjut lagi untuk Yang Berhormat. Boleh?

**Puan Jaya Partiban:** Apa?

**Datuk Long bin Jidin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Semasa Yang Berhormat mengikuti rombongan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ke Yaman dan Hadramaut, apakah pandangan Yang Berhormat tentang negara Islam di Yaman berbanding dengan negara Islam yang ada di negara ini? Silakan. Terima kasih Yang Berhormat.

**Puan Jaya Partiban:** Memang di Yaman saya tidak rasa selesa. Saya tidak rasa macam saya dialu-alukan, ataupun respons mereka terhadap saya bukanlah seperti di Malaysia. Di Malaysia, bila saya bergaul dengan mereka yang beragama Islam, saya rasa selesa, saya rasa macam satu keluarga. Kalau saya tidak silap, semua warganegara yang bukan Islam akan turut bersama saya dan berkongsi pendapat saya bahawa kita ingin meneruskan suasana ini di mana kita semua bergaul

mesra, kunjung-mengunjungi, tolong-menolong dan juga semangat bahawa Malaysia ini adalah negara kita semua dan akan berterusan dan bukan macam yang beragama Islam di satu pihak dan yang beragama bukan Islam di satu pihak sehingga satu ketegangan wujud walaupun bukan begitu ketara tetapi wujud.

Kita tidak mahu satu suasana begitu dan berharap semua yang Islam, kita telah terima negara ini adalah negara Islam [*Tepuk*] dan Islam adalah agama rasmi negara ini, tetapi elemen yang ekstremisme itu biarlah ia dicirikan, dilupakan atau apa sahajalah [*Tepuk*] dan kita boleh hidup dalam aman dan damai. Terima kasih.

**To' Puan Seri Wan Asiah binti Ahmad:** Terima kasih Yang Berhormat kerana memberi pengakuan yang begitu rasa memilukan hati kita. Maka, dengan itu, sesuailah bagi kita umat Islam sua Ramadhan, saya ucapkan berbetulan dengan ayat yang Allah mengingatkan kita, [*Membaca beberapa potong ayat Al-Quran*] "Wahai manusia, Aku jadikan kamu ini ada lelaki dan ada perempuan dan Aku jadikan kamu berpuak-puak supaya kamu bertaaruf, mengenal antara satu sama lain, berbaik-baik antara satu sama lain". Tetapi Allah mengingatkan juga "...semulia-mulia makhluk di sisiKu ialah orang yang taat kepada Allah".

Maka, inilah tujuan Kerajaan Barisan Nasional untuk menjadikan kalau boleh, seluruh warga rakyat Malaysia ini menjadi rakyat yang diterima oleh Allah S.W.T. inilah usaha-usaha kerajaan ke arah itu. Saya amat sedih bila memandang wajah Perdana Menteri Malaysia - saya tidak sebut saya kasih - sebab beliau adalah seorang Perdana Menteri sejak saya duduk dalam UMNO ini daripada zaman Tunku sampai Allahyarham Tun Razak, dan Allahyarham Tun Hussein.

Allahyarham Tunku, saya kira mudah memerintah ketika itu kerana menyediakan prasarana untuk rakyat. Rakyat tidak tahu apa masa itu. Suruh belajar, belajar, buat kelas dewasa, buat itu, buat ini, tidak ada sesiapa yang membantah. Tidak ada siapa yang akan membantah, bahkan menerima kerana mereka itu dalam kesusahan.

Mari zaman Allahyarham Tun Razak ada sedikit kacau-bilau kerana orang sudah mula nampak, "Oh, jadi kerajaan ini begini-begini, senang begini-begini". Ini yang dok nampak muka manusia. Tidak nampak akan tanggungjawab. Tanggungjawab itu kita taruh ke belakang. Kita nampak apa yang boleh kita dapat, faedah daripada menjadi wakil rakyat kah, menjadi Senator kah, menjadi menteri kah, memerintah sesebuah negeri kah, itu yang dipandang. Tidak memandang akan tanggungjawab dan amanah yang mereka pikul, yang akan mereka hadapi di hadapan Rabbul Jalil esok. Mereka tidak nampak!

Mari kepada Tun Hussein, Allahyarham Tun Hussein naik dengan air mata sebab selepas kembalinya Allahyarham Tun Abdul Razak, Tun Hussein naik dengan linangan air mata kesedihan kerana kehilangan Bapa Pembangunan. Maka pergi Tun Hussein naik Perdana Menteri yang ada sekarang iaitu Dato Sri Dr Mahathir Mohamad.

Allah bagikan kepadanya cukup dugaan, keliling pinggang, luar dan dalam, menikam, menyusuk, menggeletek, mencubit, menampar, tempeleng, cukup. Baik dalam keluarga UMNO ataupun di luar tetapi apa yang saya bersyukur kalaulah saya jadi Perdana Menteri macam itu, Tuan Yang di-Pertua, saya letak jawatan sudah. Sebab kalau letak pun saya tidak terjejas, pencen tetap ada kemudahan tetap ada, kemudahan segala-galanya tetap ada, buat apa hendak jadi orang dok maki sampai itu. Saya letak jawatan, duduk senang lenang dengan anak buah, apa hendak buat lagi. Pencen ada, semua ada, cukup lengkap tetapi beliau adalah seorang insan yang bertanggungjawab, yang tidak mudah patah semangat. Ini kurniaan Allah. Kurniaan Allah yang jarang dibagi kepada insan-insan yang lain melainkan insan yang Allah hendak bagi sahaja.

Walaupun di tampar, ditempeleng, dimaki, dihamun tetap dengan pendiriannya membela rakyat. Tetap bersuara, tetap memikir untuk kemudahan kesenangan rakyat, tetap memikir untuk pembangunan negara dan meninggalkan syiar Islam sehingga diterima oleh seluruh dunia Islam, negara ini sebagai negara Islam. Memang benar pun kalau kita ke Arab Saudi pun masa dululah, tidak ada masjid pun antara Mekah dan Madinah, kita sembahyang di atas padang pasir. Betul tidak?

Dan sekarang pun kalau kita pergi di Jeddah, hendak sembahyang tengah hari di masjid-masjid tidak dibenarkan wanita masuk, tidak ada tempat untuk wanita hendak sembahyang di masjid di Jeddah melainkan di Mekah dan Madinah. Maka saya dok

nampak ketahanan yang diberi oleh Allah S.W.T. kepada Perdana Menteri kita saya amat kagumi. Dihujani dengan bermacam-macam tuduhan, dihujani dengan bermacam-macam tohmahan tetapi beliau tetap dengan pendiriannya dan Allah tetap memberi hidayah kepadanya. Saya bermohon kepada Allah S.W.T. supaya Allah sentiasa memberi hidayah kepada Yang Amat Berhormat Dato Sri Dr Mahathir untuk membimbing dan membangun negara Islam ini dan dimanfaati oleh orang Islam dan juga masyarakat majmuk di negara ini.

Saya hendak memperbetul apa yang diucapkan oleh Yang Berhormat Siti sebentar tadi iaitu beliau kata saya menuduh. Saya minta maaf, tuduhan bukan perangai saya, saya tidak diajar oleh emak, bapa saya untuk menuduh orang. Apalah sangat saya ini. Saya sebagai insan kerdil yang dikurniakan Allah lanjut umurnya dapat bersama di Dewan ini bersama dengan anak muda. Saya tidak menuduh, saya menceritakan tentang keadaan sebenar yang berlaku. Mudah-mudahan menjadi renungan dan kalau kita silap sebagai seorang Islam kita perbetulkan, itu sahaja. Saya tidak lebih daripada itu. Hendak menuduh tu saya ini siapa? Tidak ada apa pada saya.

Yang Berhormat Siti pernah mengatakan [*Membaca sepotong ayat Quran*], kita bercakap hari ini semuanya jadi saksi. Carpet, songkok, selain daripada pancaindera kita, semuanya menjadi saksi. Apa hendak hebat sangat, dapatlah pujian, Oh! Bagus awak bercakap, apa ada pada puji kalau rakyat menderita. Apa guna sorakkan orang, syok dengar kita bercakap tetapi kita dimakan oleh cakap-cakap kita, apa ada, tidak ada apa. Biarlah kita bercakap, biarlah kita buat, orang marah tetapi ia memberi manfaat kepada sebahagian besar umat Islam dan penduduk negara ini.

Islam - ia tidak dengan perkataan, dengan bercakap tetapi Islam dengan perbuatan. Contoh Imam Syafie r.a., setiap hari selepas sembahyang Subuh, beliau menyidaikan sejadahnya di pagar. Datang Yahudi, ambil sejadah itu dikencing di atas sejadah. Imam Shafie tidak berkata apa-apa, hanya mengambil sejadah basuh ...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat...

**To' Puan Seri Wan Asiah binti Ahmad:** Sikit lagi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sikit ya, okay.

**To' Puan Seri Wan Asiah binti Ahmad:** Dan, akhirnya Yahudi menyembah kaki Imam Shafie dan terus memeluk agama Islam. Inilah Islam. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Saya hendak menyentuh B.14 – Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Sekali lagi saya membawa perkara ini ke Dewan yang mulia ini, iaitu supaya Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan memikir kembali syarat-syarat untuk mendapat rumah kos rendah kerajaan dan rumah kos sederhana kepada warga-warga wanita yang tidak berkahwin yang ada tanggungan. Banyak rungutan-rungutan dan banyak kita tengok wanita-wanita yang berpendapatan rendah tetapi tidak berkahwin, tetapi tidak berupaya untuk mendapatkan rumah kerana syaratnya ialah yang berkahwin. Maka ini minta diberi perhatian.

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna – Saya mengucapkan tahniah kepada Menterinya Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin yang begitu rajin dan peka dengan tugas-tugasnya. Cuma saya hendak minta satu sahaja, perkaranya kecil iaitu barang-barang di supermarket. Barang-barang yang dijual di pasar-pasar lambak ini, kita nampak okay tetapi barang-barang yang dijual di supermarket ini umpamanya susu, fresh milk, barang tinnya kadang-kadang ditaruh tarikh luputnya katalah 15 Disember tetapi bila sesetengah orang beli, bila balik itu, susu sudah tidak boleh guna lagi.

Ini kerja-kerja orang tempat mewah, menipu dalam baik. Menipu dengan keadaan macam itu, ini minta Menteri yang berkenaan, tolong juga tengok tempat yang besar ini. Jangan khuatirlah tempat-tempat yang ini pun tengok juga tetapi tempat yang besar ini pun kena juga diberi perhatian.

Satu lagi ialah B.26, Kementerian Pendidikan. Saya kira kebanyakan sekolah bertambah bangunannya dalam situasi begini. Ingin saya bertanya bila lagi sekolah satu sesi ini akan dimulakan dan buat masa kini berapakah jemaah nazir-nazir sekolah di sebuah negeri. Saya kira amat berkurangan jemaah nazir ini untuk menolong

membantu memberi pemantauan kepada sekolah-sekolah, kalau kiranya tidak cukup dengan peruntukan yang sebegitu besar patut ditambahkan lagi.

Yang ketiganya, saya minta kalau dapat Kementerian Pendidikan menambahkan satu sama ada aktiviti atau pelajaran pertanian sebab pertanian ini adalah satu perkara yang penting bagi kita. Kebanyakannya bila sudah habis sekolah menengah SPM, baru diberi pilihan sama ada hendak masuk Universiti Pertanian atau sebaliknya. Tetapi budak-budak ini tidak dapat pendedahan pertanian dari awal. Kalau masa-masa dahulu ada pertanian di sekolah. Satu pasukan tanam jagung, satu pasukan tanam kacang, satu tanam cili. Maka saya kira kalau mudahlah, kalau fikir sesuailah oleh kementerian elok juga latihan begini diberi daripada peringkat kanak-kanak di peringkat awal supaya sekurang-kurangnya guru dapat menentukan budak ini minat apa, budak ini minat pertukangkankah atau minat apa. Itu sebagai cadangan dan syor saya Yang Berhormat.

Mengenai tadika - tadika dan tabika sekarang ini bermacam-macam tadika yang diwujudkan. Saya kira kalau boleh dapat disatukan tadika dan tabika ini di bawah Kementerian Pendidikan. Sekarang ini ada yang di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan ada yang di bawah Kementerian Perpaduan. Sebab saya fikir kanak-kanak ini di peringkat awal biarlah kita jaga sendiri di bawah pendidikan. Jadi, daripada peringkat prasekolah sampai universiti maka dia tidak dipisahkan dengan Kementerian Pendidikan kerana saya kira ini lebih mudah dan lebih praktikal.

Akhir sekali ialah Kementerian Pembangunan Luar Bandar. Kita kira soal kemiskinan ini walaupun ada program PPRT tetapi nampaknya macam pengagihannya tidak begitu sama rata dan tidak begitu tepat. Maka, saya minta kesejahteraan rakyat kampung luar bandar ini amat penting kerana mereka tidak ada apa lagi yang hendak dibantu melainkan bila dengar program PPRT mereka amat gembira, tetapi tidak kena sasaran. Ada yang betul-betul daif, tidak dapat bantuan. Maka saya minta supaya ada ketua kampung, ada penghulu kita gunakan kemudahan ini untuk membanci betul-betul rakyat yang miskin dan kena pada sasarannya. Kalau tidak, kita belanja lebih tetapi yang daif masih daif. Ini saya minta dikaji dan dibuat pemantauan yang lebih cermat dan lebih mendalam supaya apa yang kita belanja itu dapat di manfaat dan mereka yang dapat manfaat itu akan mendoakan supaya kita dalam keadaan selamat. Maka saya kira setakat itulah sahaja. Saya sudahi dengan menyokong Rang Undang-undang Perbekalan 2002. Terima kasih. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Yew Teong Look. Bagi dia chance sikitlah, ini ucapan pertama.

**3.45 ptg.**

**Tuan Yew Teong Look:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana sudi memberi saya peluang untuk turut sama dalam perbahasan pertama dengan tajuk Rang Undang-undang Perbekalan 2002 dalam Dewan yang mulia ini. Pada keseluruhannya saya berpendapat bahawa Belanjawan 2002 adalah amat baik untuk membolehkan dan menolong perkembangan ekonomi negara. Setelah kerajaan dua kali membelanjakan sebanyak RM6.3 bilion untuk menggiatkan ekonomi negara maka dapatlah kita lihat kesannya. Akan tetapi pertumbuhan ekonomi bukan sahaja bergantung kepada pihak kerajaan, malah pihak swasta juga adalah penting untuk menolong kerajaan terus memperkukuhkan ekonomi negara. Oleh yang demikian, saya berasa gembira belanjawan ini memberi perhatian kepada pihak swasta seperti berkurangan kadar cukai pendapatan individu dan koperasi tentu akan memanfaatkan golongan berpendapatan rendah, memanjangkan elauan pelaburan semula tentu ada sesuatu insentif baik kepada peniaga swasta. Dan begitu juga dengan langkah-langkah lain yang akan merangsangkan usaha kerajaan dalam pemulihan ekonomi.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil kesempatan ini menyentuh satu masalah yang selalu dihadapi oleh para peniaga iaitu berhubung dengan soal anggaran cukai pendapatan yang perlu dibayar bagi setiap tahun di bawah seksyen 107C(3) ditetapkan bahawa amaun anggaran cukai pendapatan untuk sesuatu tahun tafsiran hendaklah tidak kurang daripada anggaran cukai tahun sebelumnya iaitu jika seseorang pembayar cukai pendapatan RM1 juta untuk tahun ini, maka ia juga sekurang-kurangnya hendak membuat bayaran dan bayaran cukai pendapatan RM1 juta untuk tahun depan. Peruntukan ini telah menimbulkan banyak masalah kepada pembayar cukai sama ada syarikat atau individu terutamanya dari segi kewangan.

Misalnya satu kisah benar. Ada sebuah syarikat yang menjalankan perniagaan jual beli kenderaan terpakai telah menganggar keuntungannya sebanyak RM700,000 dan membuat bayaran ansuran cukai sebanyak RM196,000 dalam tahun 2001. Akan tetapi syarikat ini telah menjangkakan keuntungan dalam tahun 2002 akan jatuh kepada RM400,000 dan membuat anggaran cukai perlu dibayar sebanyak RM112,000 sahaja. Ini telah melaporkan kepada Jabatan Hasil Dalam Negeri. Tetapi malangnya anggaran tersebut tidak di lulus oleh Jabatan Hasil Dalam Negeri. Di bawah seksyen 107C pertimbangan asas kurang anggaran boleh dibuat oleh Jabatan Hasil Dalam Negeri dengan asas-asas yang kukuh. Maka syarikat ini pun mengemukakan tiga sebab utama iaitu;

- (i) masalah ekonomi yang merosot telah mempengaruhi daya beli pengguna;
- (ii) harga kereta terpakai yang menurun menyebabkan keuntungan syarikat kekurangan;
- (iii) persaingan daripada kereta baru terutamanya kereta buatan negara yang membanggakan .

Tetapi alasan ini tidak dapat dipersetujui oleh Jabatan Hasil Dalam Negeri dan terus memaksa syarikat membayar cukai berlebihan iaitu RM196,000.

Tuan Yang di-Pertua, dalam kisah benar ini saya sangat bersimpati dengan syarikat ini kerana jikalau mereka hendak bayar cukai mereka akan menghadapi masalah kewangan yang boleh menjejaskan perjalanan perniagaannya dan jikalau mereka enggan membayar maka mereka akan menghadapi penalti sekurang-kurangnya 10%. Dari segi pembayar cukai pula, jika terlebih bayar tentu tiada *interest* dengan izin, faedah dan kurang bayar cukai akan di penalti. Ini adalah satu keadaan yang pembayar memikir tidak adil langsung dan selalu membuat bantahan kepada Jabatan Hasil Dalam Negeri dan ini juga akan memburukkan imej kerajaan.

Dengan ini saya berharap kementerian kewangan dapat mengkaji semula dan mengambil tindakan yang sepatutnya untuk melicinkan pungutan cukai pendapatan dan juga mengelakkan aduan seperti ini dari pembayar cukai.

Tuan Yang di-Pertua, dalam bidang pendidikan, dari segi ekonomi negara adalah penting untuk menjimatkan dan mengurangkan pengagihan wang ringgit Malaysia ke luar negara oleh pelajar-pelajar yang menuntut di luar negara dan juga mengatasi masalah kekurangan tempat yang disediakan oleh kerajaan di institusi pengajian tinggi awam iaitu IPTA maka kerajaan telah pun memirata akta untuk mengadakan perkembangan institusi pengajian tinggi swasta atau IPTS supaya mereka dapat memainkan peranan yang penting bersama kerajaan demi melahirkan tenaga kerja yang mahir dan berpengetahuan. Ini memang hasrat negara kita untuk mencapai matlamat wawasan 2020 menjadi sebuah negara yang maju dan berindustri Oleh itu dalam IPTS adalah penting dalam menyediakan program pengajian tinggi yang selaras dengan dasar kerajaan untuk mencapai status negara industri maju menjelang tahun 2020.

Tuan Yang di-Pertua, satu kajian telah dijalankan oleh sekumpulan profesional pemuda MCA Wilayah Persekutuan. Untuk menilai dan memberi pandangan pada sektor pendidikan swasta dalam usaha membangunkan negara. Kajian ini telah memilih 90 buah institusi dan kolej pengajian tinggi yang utamanya berada di Lembah Klang. Pengkajian ini dibahagikan kepada tiga kategori yang terdiri daripada kategori kursus persijilan, kategori kursus diploma dan kategori kursus ijazah.

Dari keputusan kajian kita dapati kursus yang ditawarkan oleh IPTS membentuk peratusan seperti berikut, kategori persijilan kursus yang ditawarkan hanya terdapat 11% sahaja dalam bidang kejuruteraan manakala dapat 89% dalam bidang bukan kejuruteraan. Kategori diploma, kursus yang ditawarkan terdapat 21% sahaja manakala 79% dalam bidang bukan kejuruteraan. Kategori ijazah, kursus yang ditawarkan hanya dapat 21% sahaja dalam bidang kejuruteraan dan 79% dalam bidang bukan kejuruteraan. Dalam angka keputusan tersebut pada keseluruhannya maka jelaslah kursus yang ditawarkan oleh IPTS lebih banyak mementingkan bidang bukan kejuruteraan.

Tuan Yang di-Pertua, untuk mencapai wawasan kami Kementerian Pendidikan telah pun mengisytiharkan bahawa kita mesti menghasilkan 60% tenaga manusia

dalam bidang kejuruteraan dan 40% dalam bidang bukan kejuruteraan, akan tetapi IPTS telah mencerminkan satu gambaran yang tidak selaras dengan matlamat kerajaan, ini mungkin sebab IPTS yang menawarkan kursus bukan kejuruteraan lebih beruntung dan kos lebih rendah. Akan tetapi IPTS juga ada tanggungjawab sosial, mengadakan lebih kursus kejuruteraan untuk kepentingan negara. Tuan Yang di-Pertua, jika situasi ini berterusan ianya akan memberikan kesan yang tidak seimbang dengan usaha kerajaan, oleh yang demikian saya berpendapat bahawa Kementerian Pendidikan dapat memerhati dan menitikberatkan perkembangan IPTS dan demi menjaga matlamat kerajaan. Dengan kata-kata sedemikian saya menyokong penuh Rang undang-undang Perbekalan 2002.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Dato' Hamzah.

**Dato' Hamzah bin Zainudin:** Terima kasih Dato' Yang di-Pertua, saya juga mengambil kesempatan ini untuk membahas ucapan Belanjawan tahun 2002 yang dibacakan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir, Perdana Menteri kita. Oleh kerana saya faham dan saya sedar ramai lagi rakan-rakan hendak membahaskan ucapan Belanjawan ini jadi saya hendak memendekkan beberapa *point* yang saya ada, pertamanya tentang pertumbuhan ekonomi yang telah pun dibacakan oleh Yang Amat Berhormat minggu lepas yang menyatakan ekonomi mesti di dorong oleh kegiatan perdagangan dan aktiviti ekonomi dalam negeri. Pakej rangsangan bertujuan menjadikan aktiviti perniagaan menambah peluang pendapatan kepada usahawan kecil dan perniagaan runcit dan kontraktor kelas F dan berbagai-bagai lagi usahawan-usahawan kecil untuk kita rangsangkan pertumbuhan ekonomi di dalam negara. Kuasa diberikan lebih bermakna tanggungjawabnya lebih. Jadi saya mintalah kepada jabatan atau Kementerian Kewangan untuk mengkaji ini tentang cara mana untuk bila kita berikan rangsangan seperti ini rakan-rakan saya sebelum ini telah pun membangkitkan isu ini, saya hendak bertanya kepada kementerian kalaulah kita telah kita rancang supaya belanja RM7 billion dalam masa sehingga tempoh yang diberikan kalau boleh kita belanjaulah RM7 billion, walaupun tanggungjawabnya lebih tetapi oleh kerana kita hendak rangsangkan ekonomi saya mintalah supaya kementerian ini benar-benar mengambil dan mengkaji ini semula sebab saya diberitahu kadang-kadang kata projek itu sudah hendak beri, nama sudah hendak diberi tetapi surat belum sampai kepada kontraktor kelas F.

Kadang-kadang projek sudah diberi, surat sudah sampai tetapi pembayarannya lambat, kadang-kadang sampai kontraktor kelas F ini sudah tidak tahu lagi mana tempat hendak menambahkan lagi wang untuk meneruskan projek-projek yang telah pun diberikan. Jadi dengan sebab itulah saya minta supaya walaupun Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kata, atau Menteri Kewangan kita kata kuasa yang lebih mestilah diiringi dengan tanggungjawab yang lebih jadi saya mintalah kepada seluruh mereka yang bertanggungjawab untuk menjalankan ini menentukan bahawa, ayat ini tanggungjawab yang lebih ini benar-benar diambil perhatian secara ikhlas dan jujur bagi semua pihak yang bertanggungjawab termasuklah menteri-menteri, timbalan-timbalan menteri, ahli-ahli yang terhormat dan semua mereka yang bertanggungjawab dan begitulah kakitangan-kakitangan awam rakan-rakan kita yang saya rasa juga bertanggungjawab dalam isu ini.

Kedua tentang sektor pertanian, kita juga telah membangkitkan tentang tidak mahu terlalu bergantung dengan import makanan. Tahun lepas kita belanja RM11 billion untuk kita importkan makanan, bahan-bahan makanan dalam negara. Jadi saya minta – beberapa galakan telah pun kementerian buat, tapi kali ini saya minta kalau boleh, oleh kerana saya hendak pendek-pendekkan ini, saya minta kementerian meninjau isu ini. Dalam beberapa galakan dan insentif yang kita berikan kepada syarikat-syarikat mengapa tidak kita berikan galakan kepada individu-individu yang pendapatan mereka agak tinggi. Ramai ahli-ahli profesional dalam negara kita yang berpendapatan tinggi seperti akauntan, peguam-peguam, doktor-doktor yang mempunyai pendapatan yang tinggi.

Bagi mereka yang mempunyai pendapatan yang tinggi, ahli-ahli profesional yang pendapatan tinggi ini diberikan juga galakan kepada mereka, insentif kepada mereka, jika sekiranya mereka melaburkan wang pendapatan yang mereka terima itu diberikan insentif, *tax deductible* daripada *income* mereka bagaimanakah cara hendak supaya ini juga lagi dapat memberikan peluang kepada individu-individu masuk di dalam sektor pertanian untuk menambahkan lagi macam kalau bolehlah rakan-rakan yang banyak duit, rakan-rakan yang pendapatan tinggi seperti Yang Berhormat Dato'

Ghazi, Dato' Long Jidin mereka yang bayar *tax* banyak-banyak ini diberikan insentif supaya wang mereka ini dapat dikumpulkan dibuatkan *unit trust* di dalam Kementerian Pertanian sebagai contohnya dan wang yang mereka laburkan ini diberikan *tax* insentif kepada mereka supaya wang-wang seperti inilah dapat kita majukan sektor pertanian melalui individu-individu bukan hanya syarikat-syarikat yang telah pun kita berikan.

Jadi tahun-tahun yang akan datang, lembu-lembu yang kita bela, mungkin wang daripada Datuk Long, daripada Dato' Ghazi, daripada Yang Berhormat Yang Berhormat yang ada, kerana duit yang kita laburkan, bela lembu, bela kambing ini ada insentifnya. Itu permintaan saya kepada Kementerian Pertanian.

Lagi saya hendak cerita tentang menggalakkan penggunaan, meningkatkan perbelanjaan dalam negeri. Ramai rakan-rakan telah pun bercakap. Jadi saya hendak memendekkan, saya hendak beritahu cadangan saya, supaya strategi untuk membelanjakan wang dalam negeri ini, kita juga berikan insentif. Cuba kita lihat secara lebih mendalam tentang tax incentive kepada individu-individu. Sekali lagi saya hendak beri – cukai pendapatan. Insurans sebagai satu contoh. Tahap maksimum yang diberikan kepada tiap-tiap seorang individu yang beli insurans - *life insurance* hanya RM5,000. Saya ingat kecil sangat. Mengapa tidak kita tambahkan angka RM5,000 ini mungkin menjadi RM20,000, RM30,000 tiap-tiap individu, maka wang ini boleh digunakan oleh kerajaan, boleh dilaburkan dalam negara sendiri melalui strategi-strategi lain. Ini boleh kita gunakan sebagai *long term*, dana masa panjang boleh digunakan dalam negeri kita sendiri.

Jadi saya minta supaya Kementerian Kewangan mengkaji ini semula supaya kalau boleh diberikan cara ini supaya wang ini dapat dilaburkan dalam sektor-sektor lain yang boleh dilaburkan dalam mungkin bidang pendidikan, bidang pertanian dan beberapa bidang yang saya rasa mungkin boleh kita kaji dan boleh kita buat rancangan sama-sama.

Kemudian saya hendak masuk agihkan kekayaan menjadi lebih saksama antara bandar dan luar bandar, negeri maju dengan kurang maju. Saya dengar semalam ada Ahli Yang Berhormat mengatakan bersetuju antara bandar dan luar bandar, kita agihkan kekayaan yang kita ada diberikan bukan hanya di peringkat di dalam bandar tetapi juga di luar bandar. Begitu juga dengan negeri-negeri yang maju diagihkan juga kepada negeri-negeri yang kurang maju. Cuma saya hendak menasihati kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita sendiri. Dalam negara kita ini, bukan semua kerajaannya dipimpin oleh Kerajaan Barisan Nasional, pemimpinnya seperti Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita sendiri. Jadi walaupun kita hendak agihkan kekayaan ini, agihlah kepada negeri-negeri yang pemimpinnya mampu untuk menggunakan segala kekayaannya, untuk membangunkan negaranya, untuk menentukan bahawa rakyat yang ada di dalam negeri itu dapat menikmati apa sahaja yang dirancang, yang dibuat oleh kerajaan seperti Kerajaan Barisan Nasional.

Jadi kalau ada kerajaan-kerajaan lain di dalam negara kita, negeri-negeri lain yang mungkin miskin, buatlah cara bagaimana caranya supaya wang ini digunakan melalui Kerajaan Barisan Nasional, melalui apa-apa cara sekalipun dan tidak melalui Kerajaan Negeri yang mungkin tidak tahu untuk merancang dengan lebih baik lagi daripada apa yang mereka boleh buat.

Saya hendak masuk bab lain - tentang keselesaan tempat tinggal guru-guru. Dalam Belanjawan ini ada mengatakan 7,800 unit akan dibina dengan jumlah RM215 juta. Belanjawan untuk kita buat rumah-rumah guru. Saya hendak buat satu saranan kepada Menteri Pendidikan. Rumah kita boleh buat, rumah boleh kita rancang dan buat untuk guru-guru tetapi yang saya minta supaya bukan kuantitinya yang kita heboh-hebohkan sehingga mencapai matlamat 40,000 unit rumah-rumah untuk diberikan kepada guru-guru. Yang saya mintalah kalau boleh kepada Kementerian Pendidikan untuk mengkaji semula, kurangkan jumlah unit rumah yang hendak dibuat tetapi ditambahkan kualiti rumah-rumah itu supaya rumah-rumah yang hendak kita berikan ini boleh bertahan dengan lebih lama lagi.

Cuba kita tengok sebelum kita merdeka, rumah-rumah yang kita berikan, kuarters, rumah-rumah untuk kakitangan awam boleh digunakan sehingga zaman sekarang, zaman moden yang kita maju ini. Kuarters-kuarters guru-guru yang dahulu masih boleh sesuai dalam keadaannya sehingga hari ini. Tetapi rumah-rumah kuarters yang sekarang ini dibina oleh kerajaan kadang-kadang kalau saya merasakan

kualitinya tidak sesuai langsung. Sebab itu mungkin ramai guru-guru yang tidak sanggup duduk di rumah yang disediakan tetapi mencari rumah-rumah luar kerana mungkin lebih sesuai daripada rumah yang disediakan. Jadi fikirkanlah. Saya minta kalau boleh, Kementerian membuat kajian semula, Kementerian Pendidikan membuat kajian semula supaya kualiti rumah ini lebih baik dan boleh digunakan dari masa ke semasa. Kalau boleh biarlah ia memakan masa 50 atau 100 tahun daripada sekarang.

Lagi satu saya hendak cerita tentang pengagihan wang untuk rakyat-rakyat, usahawan-usahawan kecil ini. Ada tabung daripada Kementerian Pembangunan Usahawan yang dinamakan TEKUN. Untuk usahawan-usahawan kecil sebanyak RM150 juta telah pun diberikan. Saya ucapkan tahniah kepada kementerian ini tetapi saya hendak bertanya kepada kementerian ini, bila kita berhubung dengan pegawai-pegawai yang ada di kementerian ini, agak kadang-kadang kalau mereka merasa diri mereka sempit kerana tidak dapat turun memberi taklimat dan sebagainya ke bawah, kerana saya difahamkan langsung tidak ada anggaran belanjawan yang diberikan, peruntukan diberikan untuk kos pengurusan dalam tabung ini untuk pegawai-pegawai tadi.

Jadi, saya mencadangkan kepada kementerian ini supaya kalau boleh, minta kepada Kementerian Kewangan diberikan peruntukan dari segi kos pengurusan bagi menjalankan urusan Yayasan TEKUN ini. Jadi saya mencadangkan ini kalau bolehlah Kementerian Kewangan berhubung dengan Kementerian Pembangunan Usahawan ini bagaimana caranya supaya tabung sejumlah RM150 juta ini juga diberikan kos pengurusan kepada kakitangan yang menjalankannya.

Lagi satu bab yang saya tunggu-tunggu sangat adalah tentang sektor perkhidmatan awam. Saya dan juga Yang Berhormat Datuk Chin pergi ke Qatar baru baru ini ke Doha, untuk bersama-sama di dalam Ministry of Conference WTO di Doha. Saya hendak beritahulah, buat pertama kalinya saya bersama-sama dengan pegawai-pegawai dari negara kita bermesyuarat di luar negara. Saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada mereka. Pegawai-pegawai kita, pegawai-pegawai kerajaan kita, yang bersama-sama bersidang di sana itu menunjukkan satu komitmen yang paling tinggi, menunjukkan satu tanggungjawab yang paling tinggi dan saya ucapkan syabas dan tahniahlah kepada mereka.

Barulah saya tahu yang sebenarnya, pegawai-pegawai kita yang ada adalah pegawai-pegawai yang begitu baik sekali. Sebabnya itulah belanjawan yang hari ini kita buat hendak beri bonus sebanyak setengah bulan ini, boleh kita berikan dua bulan pun tidak apa kalau beginilah sikap pegawai-pegawai kerajaan kita yang ada. Bukan setengah bulan, dua bulan pun tidak apa. Tambah pula apabila kita berikan belanjawan yang begitu besar, rangsangan untuk kita majukan negara kita ini, hendak kita belanjakan RM7 bilion. Saya mintalah kalau semua ini boleh kita jalankan, RM7 bilion kita boleh belanjakan, Semua rancangan kita boleh buat melalui pegawai-pegawai kita yang ada, saya minta kepada Kementerian Kewangan ditambahkan lagi bonus ini bukan setengah bulan, dua bulan pada tahun hadapan. Ini permintaan saya bagi pihak pegawai-pegawai kita yang ada. Tambah-tambah hari raya ini, berikan lagi.

Cuma kadangkala adalah segelintir pegawai yang mungkin terkeluar daripada landasan. Mereka ini terkeluar dari landasan kerana telah pun dibom dengan bermacam-macam isu di kepala mereka oleh parti-parti pembangkang. Mereka sebenarnya tidak tahu. Mereka hanya tahu untuk menjalankan tugas sahaja yang lainnya hanyalah isu-isu yang telah pun diusahakan oleh pihak-pihak pembangkang yang merosakkan pemikiran mereka.

Tuan Yang di-Pertua, jadi sebab itulah, hari ini saya difahamkan ramai daripada pegawai-pegawai kerajaan yang ada semuanya bekerja baik. Semuanya yang baik-baik belaka, tambah-tambah mereka yang saya jumpa bersama-sama di Doha, baru-baru ini, saya mintalah supaya mereka ini diberikan perhatian.

Sebab itu saya minta juga kalau boleh pihak polis mengkaji semula bagaimana caranya, walaupun ada pegawai-pegawai kerajaan yang kita menganggapkan ada yang tergelincir, yang membuat kesilapan sedikit sebanyak seperti baru-baru ini, dua tiga hari baru-baru lepas ini isu-isu pegawai-pegawai, bekas pegawai kakitangan kerajaan yang kena tangkap sebagai contohnya, bagaimana caranya kalau boleh mereka ini ditangkap kena tahan reman sebagai contoh, janganlah digari.

Mintalah kepada pihak polis, Kementerian Dalam Negeri kaji ini.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Dato' Hamzah nampak ada polis bangun ini. Yang Berhormat, jemput Dato' Mansor.

**Datuk Mansor bin Haji Md. Jaafar:** Sedikit sahaja. Terima kasih Dato'. Sedikit sahaja supaya menjadi satu pengetahuan kepada semua. Sebenarnya polis ini pun manusia biasa. Bukan dia suka hendak gari orang pun. Saya bekas polis. Tetapi oleh kerana *standard procedure* sudah ditetapkan apabila kita menangkap seseorang *suspect* itu jika dibawa ke mana-mana, mesti digari. Ini *standard procedure*. Kalau dia tidak menggarinya jika pegawai atasannya nampak, dia yang membawa *suspect* itu akan kena tuduh.

Dalam hal ini kalau kiranya satu perkara itu nampak keterlaluan tetapi kiranya ada pertimbangan, boleh dibincangkan untuk mengubah *standard procedure* ini. Ini perkara undang-undang, manusia yang buat. Dalam hal ini selagi *standard procedure* itu ada, dengan izin, kita terpaksa menggunakannya. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ok Dato', sambung.

**Dato' Hamzah bin Zainudin:** Terima kasih Datuk Mansor. Ini yang saya nyatakan. Ini hanya *standard procedure* sebab itulah saya minta supaya pihak polis mengkaji semua prosedur ini.

Saya minta dalam Dewan ini, saya rasa ramai ahli-ahli Dewan ini yang menyokong permintaan saya ini supaya pegawai-pegawai seperti ini tidak dianggap sebagai pesalah pada hari pertama mereka ditangkap reman. Kerana kalau tidak, tidak guna. Selama mana mereka bertanggungjawab untuk membangunkan negara, untuk memajukan negara, untuk menentukan rakyat hidup dalam keadaan aman sentosa tetapi bila ada, mungkin adalah rasa seolah-olah di *suspect* sebagai pesalah, mereka ini terus digari begitu sahaja.

Jadi saya bagi pihak pegawai-pegawai, kakitangan kerajaan yang saya sayang sangat ini, saya mintalah, kalau boleh pihak Kementerian Dalam Negeri mengkaji semua prosedur ini bersama dengan polis, supaya tidak lagi mereka ini apabila ditangkap reman digari begitu sahaja.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Jadi ini cinta yang berputih di Doha. Cinta pada kakitangan kerajaan...

**Dato' Hamzah bin Zainudin:** Jadi tak kenal, maka tak cinta.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ha, itu dia.

**Dato' Hamzah bin Zainudin:** Sebelum ini saya tak pernah kenal dengan kakitangan awam kerana saya tak pernah bekerja dengan mereka tetapi apabila rapat dengan mereka, barulah saya tahu bahawa sebenarnya semua kakitangan awam yang ada ini adalah mereka yang bertanggungjawab, yang mempunyai amanah yang begitu tinggi sekali. Syabas kepada mereka.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Untuk makluman Yang Berhormat, kalau tak ada mereka ini tak makmur negeri bertuah ini.

**Dato' Hamzah bin Zainudin:** Terima kasih. Begitulah Dato' Timbalan Yang di-Pertua. Jika tidak ada mereka, tak gunalah kita di sini. Kalau saya perhatikan, kalau mereka tak ada dalam ini, apa yang kita cakap pun tidak gunanya. Jadi apa yang saya cakap hari ini oleh kerana mereka ada di sini adalah gunanya. Insya-Allah. Saya tengok semuanya senyum-senyum belaka.

Insya-Allah Hari Raya ini kita sama-sama bermaaf-maafan di antara kakitangan-kakitangan awam dan juga pemimpin-pemimpin Barisan Nasional, pemimpin-pemimpin kerajaan negeri kita, insya-Allah. Kalau kita sama-sama dapat menunjukkan rasa persefahaman, bertanggungjawab untuk menentukan negara kita maju, dapat sama-sama membangunkannya, insya-Allah parti pembangkang akhirnya akan makin lama makin kurangnya *influence* mereka kerana mereka hanya bdeh merosakkan pemikiran kakitangan yang ada sahaja.

Saya bukan hendak buka untuk kita bahas sama ada pembangkang baik atau pemimpin Barisan Nasional yang baik tetapi oleh kerana Ustaz Hassan orang yang baik, saya sedia berikan.

**Tuan Hassan bin Haji Shukri:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya terasa tersentuh hati apabila Yang Berhormat menyebut tentang pembangkang, seakan-akan kerja kami ini meracuni pemikiran pegawai-pegawai sedangkan kami pun di mana sahaja kami berada, kami bersama-sama berusaha untuk membangunkan negara. Cuma barangkali caranya berbeza. Kami mungkin berbeza sedikit dengan pemerintah. Tetapi apabila sekarang ini sebagai pembangkang, maka kerja yang kita buat untuk membangunkan negara ini kita lihat dari aspek sebagai pembangkang itu, bukan kita bangkang semua, tidak!.

Ada perkara-perkara yang baik, kita sokong. Ada perkara-perkara yang boleh membina umat ini kita akan berikan kerjasama. Kita tidak pernah perang dengan Barisan Nasional. Belum pernah lagi sejak 50 tahun sudah parti PAS sebagai parti pembangkang, tak ada lagi kita angkat senjata dengan Barisan Nasional. Kalau ada sila buktikan. Datuk Mansor bekas polis. Datuk Mansor boleh buktikan. Saya sudah 50 tahun dalam Parti Islam SeMalaysia – PAS ini, saya tidak pernah berniat untuk lawan Barisan Nasional, angkat senjata dan buat kacau, tak pernah saya lakukan.

Tetapi oleh kerana pada waktu ini nasib kami ini, kalah sahaja, termasuk saya, empat atau lima kali dah kalah tetapi saya tidak pernah kecewa. Saya tidak pernah mengadu hal fasal kalah dan tadi puan, seakan-akan merayu-rayu, fasal apa yang dia kalah. Saya tahu sebab-sebab kerana To' Puan itu dia merayu. Saya tahu, saya pun pernah dahulu dengan suami beliau. Minta maaf, suami beliau, Almarhum Dato' Wan Kadir, pernah saya duduk dalam sebuah jawatankuasa bersama untuk membincangkan tentang bagaimana memajukan sekolah-sekolah di Wilayah Persekutuan ini apabila semua sekolah agama di Wilayah Persekutuan diserahkan oleh Kerajaan Negeri Selangor kepada Wilayah. Kebetulan Almarhum Dato', bekerja bersama-sama dengan saya, cukup baik. Pergi sana, pergi sini, itu *style* lama orang tua-tua. Saya orang muda-muda ini saya tak tahu.

Jadi oleh kerana seakan-akan.., saya sangat sedihlah kerana kalau itu merupakan tuduhan, mudah-mudahan bukan tuduhan. Tetapi maknanya seakan-akan menuduh kerja kami ini meracuni pegawai-pegawai kerajaan. Ini yang saya bimbang ini. Padahal kita kerjasama di mana sahaja dengan pegawai kerajaan ini kita kerjasama. Cuma itulah, pegawai-pegawai kerajaan ini dia pun tidak munasabah pegawai-pegawai kerajaan yang lulus universiti, ada Ph.D, ada profesor, profesor madya, dia boleh tiba-tiba begitu sahaja memberikan sokongan membabi buta kepada parti pembangkang.

Dalam parti pembangkang misalnya, bekas, Tun Salleh Abas. Takkan Tun Salleh Abas ini kita anggap dia tak boleh berfikir atau apa. Kemudian dia jadi ahli PAS misalnya, itu satu perkara yang tidak munasabah dan tidak masuk akal. Saya minta supaya *slow* sedikit bulan puasa ini [*Ketawa*] Menuduh terhadap PAS Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Dijemput Yang Berhormat.

**Dato' Hamzah bin Zainudin:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih dan Ustaz Hasan, suruh saya *slow* sedikit tentang ini. Saya hendak beritahu, tadi lagi saya telah katakan, ada pihak-pihak parti pembangkang yang meracuni pemikiran kakitangan-kakitangan awam kita, saya tidak kata Ustaz Hasan, Ustaz Hasan ini memang saya tahu tidak pernah angkat senjata pun, tak akan angkat senjata sebagai mana pihak-pihak militan itu, tidak akan dibuatnya.

Cuma ada orang dari parti-parti pembangkang yang cuba merosak pemikiran kakitangan awam kita yang ada. Walau bagaimana tinggi pun, pelajaran, pendidikan yang kita ada tetapi kalau kita telah diracuni dengan bermacam-macam isu, akhirnya kita juga boleh terpesong. Sebab itu dalam bulan Ramadan ini, saya hendak lembut sedikit, saya mintalah kepada pihak parti-parti pembangkang, supaya lembut-lembutlah sedikit. Cerita benda yang baik-baik, jangan buat cerita yang bukan-bukan.

Kalau datang buat khutbah dalam hari Jumaat, sembahyang Jumaat buatlah khutbah untuk menyatupadukan seluruh umat yang ada dalam negara kita. Janganlah kita merosakkan pemikiran mereka, melalui sembahyang Jumaat. Khutbah sembahyang Jumaat sebagai contoh kerana ada di dalam sebuah negeri dalam negara kita hari ini, seorang ahli EXCO, dalam khutbah sembahyang Jumaat menghentam pemimpin kita, buat fitnah macam-macam, akhirnya bila menjadi imam, surah Al-Fatihah pun dia lupa untuk membacanya. Ini kadangkala menyebabkan orang terfikir apa sebab perkara-perkara ini boleh terjadi.

Oleh sebab itulah, dalam bulan puasa ini saya lembut, Ustaz Hasan pun lembut, rakan-rakan parti pembangkang di seluruh negara kalau boleh berlembut supaya kakitangan-kakitangan perkhidmatan awam yang saya sayangi ini tidak dapat diracuni oleh mana-mana pihak. Biarlah mereka menjalankan tugas mereka, biarlah mereka membuat tugas-tugas mereka dengan tanggungjawab yang diberikan secara ikhlas dan jujur tanpa isu-isu yang boleh merosakkan pemikiran semua manusia yang ada di muka bumi kita yang kita sayangi ini.

Dengan itu, seperti yang saya janjikan tadi kepada Tuan Yang di-Pertua tadi, saya menyokong ucapan belanjawan ini, saya menyokong Belanjawan 2002 ini dan saya minta kalau boleh, apa yang saya sampaikan tadi adalah untuk kepentingan kita bersama.

Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Dijemput Yang Berhormat Datuk Dayang Mahani.

#### 4.24 ptg.

**Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pengiran Haji Ahmad Raffae:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberikan peluang untuk saya membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan 2002.

Mengurus belanjawan negara selepas berlakunya serangan terhadap mata wang negara Malaysia pada tahun 1997 dan meletakkan kembali asas ekonomi selepas serangan terhadap World Trade Center di Amerika pada 11 September, di samping bersiap sedia menghadapi cabaran AFTA dan WTO, bukanlah satu perkara yang mudah. Ini adalah kerana *geopolitics* dan peta ekonomi dunia, kini telah berubah.

Malaysia yang pada mulanya dikritik di forum kewangan antarabangsa kerana kawalan kewangan kita, kini ternyata berjaya membebaskan diri daripada cengkaman krisis kewangan tahun 1997 dan 1998. Ekonomi negara kembali kepada keadaan yang meyakinkan.

Apa pun tuduhan pengkritik terhadap Kerajaan Malaysia dan Yang Amat Berhormat Dato Seri Dr. Mahathir yang harus mendapat, dengan izin, *credit* dan pujian kerana memahami keadaan sebenarnya isu-isu yang bersangkutan dengan masalah mata wang dan kesannya kepada ekonomi negara kita dan kawasan serantau.

Dengan izin, ada yang mengatakan, *what if Mahathir's is right*, begitulah bisikan-bisikan yang terdengar di forum-forum antarabangsa kerana ketika dunia bercelaru dengan kefahaman serangan mata wang, ada yang melihat tindakan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita sebagai pilihan yang baik untuk melindungi ekonomi negara-negara yang menerima ancaman yang serupa. Sekali gus nasib rakyat dan maruah negara kita telah dibela.

Bank Dunia dan IMF mengakui keupayaan Malaysia menangani krisis kewangan antarabangsa dengan begitu berkesan. Dalam keadaan gawat dan mendesak, kerajaan telah berjaya menentukan, pertama; bekalan makanan kita cukup. Sumbangan guna tenaga manusia seimbang dengan sistem perkhidmatan, berjalan tanpa gangguan dan kehidupan seharian kita dalam keadaan selesa seperti sedia kala.

Sementara dunia mengakui kebolehan kita, sebagai rakyat pula, kita harus menerima hakikat bahawa nasib kita telah dibela dan kita berjaya melalui saat-saat yang genting untuk keselamatan dan dengan izin, untuk *survival* negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam ekonomi era moden, kerajaan mempelopori penjualan rumah, penjualan kereta, penjualan aneka barang dengan dasar kewangan dan pinjaman yang begitu mudah diwujudkan oleh kerajaan. Struktur ekonomi kita diperbaiki dan kini rancangan untuk meningkatkan keluaran dalam negara kasar (KDNK) dengan dua pakej rangsangan yang berjumlah RM7.3 bilion berada di hadapan kita sebagai satu tumpuan, *focus point*, yang harus diberi tumpuan oleh semua lapisan masyarakat.

Insentif atau kewangan yang besar kini telah diturunkan ke bawah untuk meningkatkan kuasa membeli, lebih ramai yang ikut membeli ataupun lebih ramai orang berbelanja, maka wang akan bertukar tangan, ekonomi akan bergerak, peniaga dapat menjalankan perniagaan secara berterusan dan pekerja mampu mendapat upah sementara peluang pekerjaan dapat dipertahankan. Mesejnya begitu mudah, *simple* sahaja – berbelanja.

Walau bagaimanapun, langkah-langkah fizikal yang dirancang memerlukan masa untuk menampakkan kesan positif kepada ekonomi melalui *multiplying effect* ataupun kesan gandaan. Inilah sebenarnya *target* kerajaan.

Oleh itu, saya merayu kepada semua pihak yang terlibat, yang membuat keputusan supaya mengurangkan kerenah birokrasi dan menyelesaikan prosedur dengan segera mengikut cadangan yang dibuat oleh Menteri Kewangan supaya projek projek yang sudah atau sedang dikenal pasti tidak terjejas dari segi pelaksanaan kerana ia terlalu penting dalam merencanakan kegiatan ekonomi.

Saya sama-sama turut mengalu-alukan cadangan Yang Amat Berhormat seperti apa yang telah diterangkan oleh Yang Berhormat Dato' Hamzah tadi di mana sesuai dengan apa yang disampaikan oleh Yang Berhormat, kuasa yang lebih disusuli dengan tanggungjawab yang lebih dan permudahkanlah cara supaya projek-projek yang telah dikenal pasti dapat dilaksanakan dengan secepat mungkin.

Selanjutnya, saya juga ingin mencadangkan supaya kewangan yang disuntik ke dalam ekonomi yang dibuat dalam tahun ini diperpanjang kepada tahun hadapan supaya kesan daripada keputusan ini dapat dirasai secara menyeluruh dan memenuhi matlamat yang dikehendaki.

Perbelanjaan yang berpandukan kepada fizikal semata-mata akan menghalang sesuatu program itu berkembang rancak sekiranya ia tidak mampu disiapkan dalam masa yang telah ditetapkan.

Jadi, sia-sialah kerajaan memberikan peruntukan yang begitu besar kalau sekiranya ia tidak dapat dilaksanakan dalam tempoh yang telah ditentukan dan oleh kerana ia satu yang *physically*, bermakna kita memerlukan satu tahun sebelum kita tahu apa dia kesannya maka perlu ia dipanjangkan dan dalam kesempatan ini, saya juga ingin menyokong kepada cadangan yang dibuat oleh Yang Berhormat Senator Dato' Dr. T. Marimuthu yang mencadangkan bagi pihak kita semua, supaya peruntukan tambahan diberikan kepada Senator, bukanlah untuk secara peribadi, yang ini nanti dipersoalkan lagi ya, apabila Yang Berhormat Datuk Ghazi menyebut pun dibetulkan dan saya mahu membetulkan sebelum ditegur.

Permintaan ini ialah untuk dibelanjakan kepada rakyat oleh Wakil Rakyat ataupun oleh Senator kerana peruntukan sebelum ini hanyalah sekadar RM30,000 setahun iaitu lebih kurang RM100,000 dalam masa tiga tahun, kalaulah MPs semua, Wakil-wakil Rakyat ditambah untuk peruntukan tambahan, untuk membantu rakyat di kampung, maka ini juga adalah satu tambahan susulan kepada usaha yang dibuat oleh MPs, oleh Wakil-wakil Rakyat dan kita bolehlah menumpukan kepada mereka yang mungkin tercicir yang tidak dapat dipenuhi oleh Wakil-wakil Rakyat yang lain. Jadi saya ingin memberi sokongan kepada permintaan dan terima kasih kepada Yang Berhormat yang telah mencadangkan perkara ini.

Untuk mewujudkan *global supply chain network* dengan menggunakan modul *Rosetta Net* secara *online* dan *real time* adalah satu cadangan yang begitu baik. *Rosetta Net* yang hanya bermula dalam tahun 1998 sahaja, kini telah mengendalikan USD600 bilion nilai perniagaan dan dalam jangka yang begitu singkat dan ia adalah dijangka menjadi satu *trading house* gergasi dengan izin, *very powerful trading house* dan yang terbesar di dunia melalui hubungan Internet kalau itulah yang dimaksudkan yang boleh digunakan sebagai modul, yang boleh digunakan di Malaysia.

Jika modul ini dapat dilaksanakan dengan segera, kemungkinan besar syarikat-syarikat Malaysia, sama ada yang kecil mahu pun besar bukan sahaja mendapat kemudahan *network*, bahkan boleh menembusi pasaran dunia tanpa menghadapi batasan dan dapat bersaing dengan paras yang sama, dengan syarikat-syarikat antarabangsa. Saya harap kerajaan akan dapat memberi penerangan dan kefahaman yang cukup serta memberi pendidikan dan galakan kepada syarikat-syarikat kita kerana ini amat penting untuk melengkapkan peniaga-peniaga negara kita, supaya mereka turut sama-sama hebat, sama-sama berjaya apabila mereka memasuki era WTO dan selepas AFTA.

Tuan Yang di-Pertua keputusan kerajaan untuk meletakkan Labuan sebagai pusat IOFC, kewangan luar persisiran pantai adalah satu langkah yang bijak sungguhpun kita juga menerokai berbagai-bagai instrumen kewangan, kita juga kita harus mencari jalan untuk membudayakan secara berkesan dengan memaksimumkan peluang yang terdapat melalui konsep kewangan persisiran pantai.

Jika perhatian yang lebih meluas dapat dijalankan, saya percaya kaedah untuk memaksimumkan apa yang ada di dalam tangan sedikit sebanyak boleh membantu sebagai penahan krisis kewangan, kerana jumlah dana yang terkumpul di dalam buku yang melalui sistem persisiran, mungkin boleh membantu mempertingkatkan lagi kepercayaan terhadap kekuatan modal negara. Kekuatan modal negara kerap kali dipengaruhi oleh keadaan luar dan ini tidak dapat dielakkan.

Bila saja ada malapetaka, pihak penggunalah membayar harga keselamatan dan perlindungan. Pengalaman krisis mata wang dan 11 September harus membuka mata tentang dengan izin *vulnerable*, kita begitu *vulnerable*, ekonomi dunia bukan sahaja kita *vulnerable* kepada keadaan ini tetapi ekonomi dunia juga begitu *vulnerable*....

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat kebal, maksud *vulnerable* itu kebal ya.

**Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pg. Haji Ahmad Raffae:** Ya, tidak mudah terjejas. Dan betapa perlunya kita membuat tindakan yang dianggap tidak konvensional tetapi rasional bagi kepentingan dan keperluan negara kita. Kita harus mewujudkan segala perlindungan bukan sahaja di dalam negara kita, bahkan menggunakan *network* di mana-mana sahaja supaya ekonomi dan politik negara kita tidak diletakkan di bawah ancaman mana-mana krisis.

Cara kita menjalankan perlindungan insurans di negara kita haruslah diperhebatkan dengan menggalakkan sumbangan kewangan kepada *captive insurance* yang berada di IOFC dengan membawa semua syarikat-syarikat insurans, badan-badan kewangan, pengguna-pengguna insurans terbesar di negara ini supaya membuat sumbangan jangka panjang supaya sebahagian pengurusan premium dan perlindungan dapat dijalankan secara dalam negeri dengan lapisan perlindungan di kongsi bersama dengan *underwriter* antarabangsa.

Ini adalah wajar kerana kegiatan ekonomi negara berada pada taraf yang tinggi dan kita begitu terdedah dengan kegiatan yang berlaku di luar negara yang mempengaruhi kos perlindungan insurans kita. Seharusnya satu profil yang lebih realistik disediakan dalam jangka waktu lima tahun misalnya, hendaklah dijadikan sebagai asas permulaan cara kita membudayakan perlindungan dengan harga yang berpatutan. Jika program seumpama ini dapat ditempatkan ataupun *in place* kemungkinan besar kita tidak tertakluk sepenuhnya kepada premium perlindungan yang kini kosnya menjangkau kenaikan 1,500% seperti apa yang berlaku kepada insurans dan penerbangan antarabangsa yang berlaku sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh B.41, Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga. Wanita mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada kerajaan dan kaum bapa di negara ini oleh kerana semenjak wujudnya Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga beberapa perubahan terpenting telah dibuat yang melibatkan bukan sahaja kebajikan bahkan Pelan Tindakan Kemajuan Wanita di negara kita. Buat pertama kali cadangan-cadangan untuk kemajuan wanita yang dahulunya merupakan perkara-perkara yang diperjuangkan, kini telah menjadi strategi negara dan telah diasaskan semula melalui peruntukan perlembagaan dan undang-undang.

Negara yang tahu menilai dan menggunakan setiap unit dengan izin *human resources* mereka pasti akan berada di barisan hadapan dalam kumpulan negara-negara yang berjaya. Secara diam-diam, wanita di negara ini merupakan unit yang besar yang telah menyumbang kepada kejayaan sosial ekonomi negara kita.

Tahun 2001 merupakan kejayaan wanita di negara ini kerana kita diiktiraf dengan kedudukan yang sama dengan kaum lelaki dengan terpindanya Perlembagaan Perkara 8(2), kami tidak akan mensia-siakan kepercayaan dan penghormatan yang diberikan kepada kita malah sebagai dengan izin, satu *turning point* kepada wanita sebagai rakan kongsi untuk sama-sama membangun negara kita.

Cabaran mengenai *gender*, pencen, penanda tangan pasport, surat-surat izin rasmi kerajaan, kebajikan, masalah sumbang *mahram*, gangguan seksual, pelacuran, keganasan rumah tangga, taraf pemastautin suami tetap dari seberang laut, kini telah dapat diatasi. Terima kasih kita ucapkan kepada Kerajaan Barisan Nasional.

Perkongsian hak milik tanah dan EPF dengan menamakan ibu atau isteri sebagai orang yang berhak menuntut mungkin di peringkat pertimbangan dan sedang dalam pelaksanaan.

Sungguhpun kementerian yang diwujudkan amat baru, tetapi tanggungjawab yang dijalankan adalah lama, berat, akan tetapi penuh dengan semangat kesedaran terbaru dan ia mempunyai penuh harapan dan dengan izin, *very high expectation too*. Jawatan-jawatan yang diperuntukkan di dalam sebuah kementerian hendaklah diwujudkan dengan segera dan diisi untuk membolehkan kementerian ini menjalankan program mereka dengan lebih berkesan lagi di seluruh negara.

Dan saya ingin mencadangkan, sungguhpun Yang Berhormat Menteri begitu yakin dalam menjawab soalan kita - daripada 60 jawatan, sejumlah 30 telah diisi, dan daripada 30 itu tidak menjejaskan, tetapi saya berkeyakinan dengan tambahan jawatan yang dipohon itu ia akan mempercepatkan lagi usaha penyelesaian masalah yang dihadapi oleh wanita dan kalau boleh ia dipercepatkan maka jabatan juga dapat dipanjangkan di peringkat negeri-negeri supaya *service* ataupun perkhidmatan boleh lebih meluas, lebih menyeluruh dan mempercepatkan ataupun *unwind* masalah wanita yang begitu lama masih belum dapat diselesaikan.

Kementerian harus mengumpul semula maklumat mengenai wanita dalam usaha untuk menggemblengkan tenaga wanita di seluruh negara untuk melibatkan diri dalam sektor pertanian, perindustrian, ekonomi, perhutanan, kesihatan, *domestic science* dan apa jua bidang baru yang boleh terokai oleh wanita, umpamanya wanita di dalam industri, wanita di dalam sukan, wanita dalam pertanian dan apa jua kerjaya yang boleh dijalankan oleh wanita secara profesional.

*Domestic science* merupakan satu bidang yang boleh dibuat secara profesional dengan wanita diberikan latihan yang secukupnya untuk mengendalikan tugas-tugas rumah. *Domestic science* adalah sebahagian daripada *gross national product* yang besar di dalam industri sokongan kepada keluarga di rumah. Berbagai program boleh dijalankan di dalam industri ini, merupakan pembersihan rumah tangga, menu masakan, jagaan, pengurusan anak-anak dan berbagai-bagai latihan yang boleh melibatkan wanita sebagai *sub-profesional* untuk bekerja di dalam bidang *domestic science* dan mengenakan kadar upah yang hampir sama dengan mereka-mereka yang bekerja di pejabat.

Saya mengemukakan cadangan ini kerana kita terlalu bergantung kepada pekerja-pekerja luar untuk menjadi pekerja sokongan kepada keperluan kekeluargaan. Akan tetapi oleh kerana tidak ada panduan dan latihan profesional dari segi *domestic science*, penyerapan tenaga di dalam kerja ini dianggap sebagai buruh biasa dan kerap kali menimbulkan masalah keluarga yang selalunya tidak mendorong kepada keluarga yang bahagia. Ini juga telah disebutkan semasa perbahasan Yang Berhormat Tuan Abdillah dua hari yang lalu.

Kalau kita mahu menggalakkan wanita bekerja sebagai seorang profesional – sebagai seorang doktor, sebagai seorang *lawyer*, sebagai seorang akauntan, sebagai *corporate player* dengan izin, maka kita juga mestilah menyediakan satu pelapis ataupun satu sokongan untuk mereka-mereka ini menjalankan tugas-tugas mereka sebagai satu kerjaya yang berjaya dan ada wanita di pelapisan tengah memastikan supaya tidak ada *vacuum* yang wujud yang boleh menafikan hak-hak wanita yang boleh bekerja sebagai profesional ini meneruskan usaha mereka menyumbang secara berkesan kepada pembangunan negara sebagai rakan kongsi yang begitu berkesan dengan kaum bapa, sama-sama membangunkan negara.

Jika sekiranya pangkalan data dapat diwujudkan, ia akan dapat membantu kementerian untuk merancang dengan lebih berkesan tenaga manusia yang boleh dilatih di berbagai tempat dan sistem untuk mewujudkan satu pengagihan kerja untuk semua wanita dan sama-sama dapat menyumbang kepada pembangunan negara secara berkesan.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh B.26 – Kementerian Pendidikan yang diberi peruntukan yang begitu besar, kerajaan telah meletakkan pelaburan yang besar di dalam beberapa rancangan Malaysia kita. Di dalam Rancangan Malaysia Keenam dan Ketujuh, negara kita telah membelanjakan lebih kurang RM2 bilion untuk menghantar penuntut-penuntut kita belajar di luar negeri. Sungguhpun pada waktu itu telah terbayang di mata kita untuk menjadikan institusi pengajian tinggi di negara kita sebagai

pusat kecemerlangan pendidikan untuk mengurangkan perbelanjaan pendidikan luar negara, akan tetapi dalam masa yang sama kita juga mestilah berusaha untuk memusing aliran pergerakan, dengan izin, *reverse flow* dengan memasarkan tempat-tempat pengajian tinggi di luar negara.

Nisbah pelajar luar yang mengikuti pendidikan di negara kita adalah terlalu rendah dan tidak mempunyai impak kepada ekonomi industri pendidikan di negara kita pada saat ini. Saya gembira setelah membaca *The New Straits Time* pagi tadi yang mana Setiausaha Politik kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Datuk Dasuki Ahmad mengatakan, 40,000 penuntut telah beralih pandang ke Malaysia untuk belajar, *especially Islamic students* daripada U.S. dan Europe – ini adalah satu sumber baru untuk kita, maka saya ingin mencadangkan wajarlah kita mengambil *tip* ini supaya kita tumpukan peluang.

Mungkin Peristiwa 11 September mungkin satu detik tolak untuk mempergiatkan usaha bagi Malaysia mengemukakan cadangan kepada pelajar-pelajar luar negara yang kini berasa cemas untuk mengikuti pendidikan di negara-negara yang tidak lagi, dengan izin, *hospitable* kepada mereka. Saya cadangkan supaya suatu program yang menyeluruh diikuti dengan program-program yang boleh dijual, dipasarkan di peringkat antarabangsa. Sambil menyediakan tempat dan kemudahan, haruslah diberi perhatian dengan serta-merta supaya negara bukan sahaja dapat menampung permintaan tempatan bahkan dapat meningkatkan usaha di dalam program pusat kecemerlangan pendidikan negara kita di mata dunia.

Peruntukan tambahan ataupun insentif hendaklah diberi supaya pusat-pusat ini dapat berkembang maju dan bergerak hampir seiring dengan strategi industri pelancongan negara kita, sebab kalau kita cerita tentang pendidikan, kita boleh nampak, kita boleh kaitkan dengan pelancongan juga kerana mereka akan membawa wang masuk ke negara kita.

Dan menyentuh sedikit tentang pelancongan ini, Yang Berhormat Datuk Ghazi pernah menyebut dalam ucapan beliau, akibat daripada begitu banyaknya syarikat-syarikat penerbangan yang terpaksa ditutup, dan *tourist* yang datang, jumlah penurunan yang begitu besar daripada 1.2 juta hingga hampir-hampir separuh, sayangnya kalau sekiranya kita tidak mengambil kesempatan ini - bagaimana untuk meraih begitu banyak sudah peruntukan yang telah kita gunakan untuk mempromosikan tetapi akibat daripada syarikat-syarikat penerbangan ditutup, orang-orang yang datang dari Eropah, dari Amerika tidak boleh datang ke mari, apa cara untuk kita menarik balik pelancong-pelancong itu datang ke negara kita.

Peruntukan B.40 – Kementerian Pembangunan Luar Bandar juga satu peruntukan yang besar – RM499,422,600. Peruntukan pembangunan luar bandar dengan jumlah yang telah disebutkan tadi untuk meningkatkan kemudahan luar bandar, pertanian, pembangunan tanah dan wilayah, jalan raya kampung serta bekalan air dan elektrik merupakan satu pengkhususan yang diberikan oleh kerajaan.

Belanjawan 2002 juga menekankan kepentingan sektor pertanian memandangkan bil import makanan negara melebihi RM11 bilion setahun, adalah penting supaya sektor pertanian dijana secara lebih sistematik untuk meningkatkan sumbangan kepada produk-produk bernilai tinggi tambah ataupun *value-added* yang tinggi.

Dalam hal ini Sabah adalah di antara negeri-negeri yang termasuk di dalam koridor timur ataupun *eastern corridor*, yang diberikan status perintis dengan pengecualian cukai pendapatan 85% atau elaun cukai pelaburan sebanyak 80% untuk tempoh lima tahun bagi pengeluaran makanan.

Tuan Yang di-Pertua, sesuai dengan teras penekanan di bawah Belanjawan 2002 tersebut, saya ingin mencadangkan supaya Negeri Sabah diberi penekanan khas sebagai negeri pengeluaran makanan utama di Malaysia. Ini adalah memandangkan Sabah dikurniakan dengan sumber tanah yang luas dan subur, pertanian institusi R&D yang mantap, infrastruktur yang baik, dan yang lebih penting ialah kepimpinan kerajaan negeri yang begitu stabil.

Kerajaan negeri Sabah telah mengenal pasti bahawa sektor pertanian dan industri makanan akan diberi keutamaan dalam pelan tindakan lapan perkara untuk mengatasi kelembapan ekonomi seperti yang diumumkan oleh Ketua Menteri di mesyuarat ke-13 Majlis Perdagangan Sabah.

Antara penekanan adalah merencanakan pembangunan sektor pertanian dengan memberi fokus kepada subsektor makanan dan cluster bagi industri produk asli istimewa seperti herba, kosmetik, makanan tambahan, pharmaceutical dan pelan ini juga telah diperkukuhkan melalui dokumen pelan tindakan pemulihan ekonomi yang telah diumumkan oleh kerajaan negeri pada 11 Oktober 2001 sempena Mesyuarat Majlis Tindakan Ekonomi Negeri Sabah (MTES).

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan kesungguhan ini saya mencadangkan negeri Sabah diberi keutamaan sebagai tapak uji bagi bio valley seperti yang dijelaskan dalam Rancangan Malaysia Kelapan. Projek ini dapat menyerlahkan sektor pertanian dan industri pemakanan secara amnya yang digerakkan oleh penggunaan ilmu pengetahuan di peringkat pengeluaran, percubaan, pemprosesan, pengedaran, pemasaran secara bersepadu dengan bantuan R&D, kepakaran pengurusan serta penggunaan ICT dalam pemasaran jaringan global.

Projek ini mempunyai significant bagi negara amnya kerana seperti yang saya katakan awal tadi negara perlu mengurangkan penggantungan kepada import makanan bagi mengelakkan aliran keluaran wang dan dengan projek ini juga Sabah khususnya dapat menyumbang kepada hasrat negara untuk menjadi pengeluar makanan utama di rantau bagi menghadapi cabaran perdagangan yang lebih kompetitif di bawah AFTA dan WTO kelak. Akhir sekali bio valley adalah projek khas yang dijana oleh ilmu pengetahuan ataupun knowledge driven di mana input pengetahuan adalah kritikal di semua peringkat bagi meningkatkan nilai tambah bagi produk dan perkhidmatan yang diwujudkan. Dengan menggunakan ilmu pengetahuan, teknologi dan R&D ia juga akan membantu menaikkan lagi tahap daya saing Malaysia dalam ranking ekonomi dunia. Sebagai negara yang kaya dengan sumber hasil pertanian serta tahap R&D yang mantap bagi tumbuhan tropika sememangnya Malaysia harus memulakan insentif bio valley ini di Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mencadangkan bahawa Sabah dijadikan tapak ujian bagi gelombang pertama bio valley ini yang mana akhirnya diperluaskan di seluruh pelosok negara kita. Dengan kata-kata yang sedemikian saya mohon menyokong Rang Undang-undang Belanjawan 2002. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Datuk Mansor.

**Datuk Mansor bin Haji Md. Jaafar:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya pun tidak tahu berapa banyak masa yang saya ada. Saya akan cuba meringkas-ringkaskan. Saya rakamkan setinggi-tinggi ucapan penghargaan dan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Kementerian Kewangan di atas kesungguhan dan kebijaksanaan mereka merangkakan satu bentuk belanjawan yang jelas meletakkan kepentingan dan kesejahteraan rakyat serta strategi kemakmuran negara sebagai teras pertimbangan kepada keseluruhan penyediaannya. Saya juga mengucapkan terima kasih kepada para pegawai yang turut membantu dan yang telah bertungkus lumus berhempas pulas memerah keringat dan daya fikir untuk membantu menghasilkan belanjawan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, belanjawan kali ini amat bertepatan dengan tuntutan masa kini, dengan iklim perkembangan ekonomi dan perdagangan luaran yang diramalkan masih tidak berketentuan pastinya bentuk belanjawan kita ini perlu disokong untuk menggalakkan pertumbuhan dalaman yang dijangka boleh meningkat ke tahap yang disasarkan jika dapat diurus dengan bijak bertepatan masanya dan dengan sempurna. Sebenarnya kalau saya imbas sekali lalu bentuk belanjawan ini maka dapatlah saya rumuskan bahawa ia lebih merupakan satu bentuk belanjawan kasih sayang dan manja dari kerajaan Barisan Nasional kepada rakyat jelata.

Tuan Yang di-Pertua, banyak telah kita perkatakan mengenai belanjawan ini daripada Kementerian ke Kementerian untuk pembangunan dan kemakmuran negara. Tetapi bagi saya, saya percaya belanjawan ini akan terus merangsang pertumbuhan ekonomi dan pembangunan negara jika dilaksanakan dengan amanah, penuh tanggungjawab dan pertimbangan yang bijaksana. Namun pacuan perkembangan itu tanpa keamanan, keselamatan dan kestabilan negara yang terjamin agak sukar juga untuk dilaksanakan seperti yang terjadi di beberapa buah negara di rantau ini. Pasyarat dan peringatan ini telah pun digariskan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dengan jelas dalam ucapan penutupnya ketika membentangkan belanjawan ini tempoh hari.

Keamanan, keselamatan dan kestabilan negara memerlukan pengorbanan dan perubahan sikap dan mentality dengan izin oleh semua pihak. Saya amat bersetuju dengan apa yang dikatakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bahawa sikap kesederhanaan menjadi order of the day dengan izin, lebih-lebih lagi dalam suasana politik dan ekonomi dunia yang tidak berketentuan ini untuk kita sendiri ikhlas mewujudkan suasana damai, aman dan harmoni yang menjadi intisari kepada perpaduan nasional. Sebenarnya kita tidak ada masa untuk bertelagah dan bercakaran sesama kita kalau hanya untuk memuaskan nafsu-nafsi yang gelojoh dengan pemikiran yang jumud lagi sempit, hatta boleh melemahkan semangat bangsa dan menghancurkan negara, kononnya biarlah kita sama-sama berputih mata asalkan hati puas.

Sebab itu Tuan Yang di-Pertua, kita harus menghargai keamanan, keselamatan dan kestabilan negara dalam erti kata yang sebenar, bukan dibibir sahaja sebagai pelengkap kata. Dahulu, sekarang dan di masa-masa yang akan datang keamanan, keselamatan dan kestabilan negara tidak boleh dipandang ringan atau dengan izin take for granted, tidak mungkin dikompromi semata-mata kerana perbezaan pendapat dan ideologi. Keamanan, keselamatan dan kestabilan tidak pernah terjadi dengan sendirinya dan ianya juga tidak dapat dijamin berkekalan tanpa usaha gigih dan kesungguhan dari semua pihak untuk mempertahankannya.

Tuan Yang di-Pertua, peristiwa 11 September di New York banyak memberi pengajaran kepada kita, kewujudan KMM, pelampau agama, penderhaka budaya dan pengkhianat demokrasi di negara kita sendiri seharusnya menjadi petunjuk untuk menyedarkan kita betapa hampirnya kita di ambang kemusnahan. Peristiwa silam semasa pemerintahan singkat Bintang Tiga, zaman darurat keganasan komunis, ancaman konfrontasi dan kejutan 13 Mei 1969 dan lain-lain yang bercorak antinasional sewajarnya dijadikan iktibar untuk kita lebih berwaspada dan insaf agar segera luhur dengan jiwa patriotisme yang tegar untuk melangkah ke arah kecemerlangan, untuk kita dan generasi yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, rumusannya. Pertimbangan utama kepada pertumbuhan ekonomi dan pembangunan negara jelas bergantung kepada tahap keselamatan dan kestabilan negara. Atas kesedaran ini dicadangkan kepada kerajaan supaya memberi pertimbangan yang wajar dalam agihan peruntukan semasa ke arah mempertingkatkan daya kemampuan dan keupayaan logistik pihak-pihak yang berwajib ke atas pelaksanaan undang-undang termasuk penelitian semula undang-undang yang sedia ada itu bagi melengkapkan tatacara pelaksanaannya yang lebih sesuai dengan tuntutan masa kini agar keselamatan dan kestabilan negara kita terus terpelihara.

Sejarah telah membuktikan kegiatan pengganas komunis dapat ditumpaskan dalam tempoh 12 tahun. Sejarah juga dapat membuktikan kita dapat membanteras tindak-tanduk pelampau agama, pelampau budaya dan segala macam pelampau dengan penggunaan Akta Keselamatan Dalam Negeri. Sejarah seterusnya telah membuktikan negara mampu menangani masalah perkelahian antara kaum dan agama dengan penggunaan Akta Keselamatan Dalam Negeri dan banyak lagi bukti yang serupa.

Pendek kata, penggunaan Akta Keselamatan Dalam Negeri telah menjadikan negara kita aman damai sehingga hari ini dari ancaman dan elemen-elemen anti nasional sebelum keganasan itu sendiri bermaharajalela. Dengan izin, *prevention is better than cure* dan *prevention* yang telah terbukti keberkesannya ialah dengan penggunaan Akta Keselamatan Dalam Negeri.

Maka itu, kerajaan harus mempertahankan penggunaan akta tersebut tanpa ragu-ragu dan kesangsian, malahan sepatutnya kerajaan terus berusaha untuk memperkemas peruntukan yang sesuai dengan suasana semasa seperti yang disarankan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Dalam Negeri baru-baru ini dan dengan kehadiran sebegitu ramai penjenayah kolar biru dan kolar putih serta promoter-promoter pendatang tanpa izin yang boleh menggugat kestabilan politik dan ekonomi negara, menjadikan pengubahsuaian itu amat relevan pada masa ini.

Tuan Yang di-Pertua, kita sedar walaupun negara kita telah menerima kecaman demi kecaman kerana pelaksanaan akta ini dari beberapa kuasa besar dunia

termasuklah daripada sesetengah pihak rakyat kita sendiri, kita tetap dengan pendirian kita dan kita tetap konsisten dan sekarang kita boleh bertanya kembali dengan pendirian mereka sekarang kerana sebenarnya peristiwa 11 September di New York itu telah merubah segala-galanya.

Peristiwa tersebut membuatkan negara-negara kuasa besar tersentak dengan keegoan dan keangkuhannya selama ini dan kini tergesa-gesa mengkaji semula sistem pencegahan mereka sendiri ala Malaysia. Difahamkan mereka juga sedang menggubal pelaksanaan undang-undang pencegahan mereka, tahan tanpa bicara dengan memasukkan peruntukan yang lebih teruk daripada peruntukan Akta Keselamatan Dalam Negeri kita sendiri. Kalau begitulah bunyinya sikap mereka, kenapa masih ada sesetengah rakyat kita sendiri terus menentang pelaksanaan akta ini, sedangkan dunia sudah mula percaya dengan hasil pelaksanaan dan keberkesannya dan hendak meniru kita pula. Kononnya takut nanti disalahgunakan.

Tuan Yang di-Pertua, negara kita mempunyai undang-undang yang cukup untuk semua termasuk melindungi kepentingan orang-orang yang mungkin teraniaya. Sesiapa pun tidak berada di dalam kedudukan yang mengatasi undang-undang walaupun pesalah itu sendiri si pengamal undang-undang. Bagi saya, orang yang khawatir dan takut sangat dengan undang-undang seperti ini adalah mereka yang mempunyai dengan izin, *preconceive mind* yang sudah ada niat jahat yang tidak senang dengan keamanan dan kedamaian yang kita nikmati selama ini.

Pengerusi SUHAKAM sendiri, Yang Berbahagia Tan Sri Musa Hitam baru-baru ini pun turut menyarankan kepada rakyat supaya memberikan kepercayaan dan sokongan kepada kerajaan untuk melaksanakan usaha-usaha dan tindakan ke arah pemeliharaan kestabilan dan keselamatan negara. Saya kira dan saya percaya tentulah maksud beliau termasuk pelaksanaan Akta Keselamatan Dalam Negeri juga.

Dalam hal ini, kaedah yang harus diberikan tumpuan sokongan dan kerjasama ialah kepada agensi-agensi kerajaan yang ditugaskan untuk melaksanakan Undang-undang bagi keselamatan dalam negeri khususnya kepada pasukan Polis Diraja Malaysia kita. Benar, pasukan polis bertanggungjawab ke atas pelaksanaan undang-undang yang berkait dengan keselamatan dalam negeri tetapi soal kestabilan dan keselamatan dalam negeri itu sendiri itu sebenarnya adalah menjadi tanggungjawab dan usaha kita bersama. Pasukan polis itu kita yang punya. Mereka bertugas untuk kepentingan kita semua.

Tuan Yang di-Pertua, lebih kurang kitalah taukenya dan atas persefahaman kerjasama itu tadi, menjadikan anggota polis itu sebenarnya sahabat seperjuangan kita dalam menentukan keselamatan negara. Kita harus membantu dan merangsang semangat mereka untuk berkhidmat dengan lebih cemerlang dan bijaksana demi kesejahteraan kita dan negara kita. Malangnya terdapat sesetengah pihak menjadikan pasukan polis itu sebagai musuhnya dan memberikan tekanan demi tekanan untuk memburukkan suasana. Mereka marah kerana polis mengambil tindakan ke atas mereka kerana melakukan kesalahan di bawah undang-undang yang kita luluskan di Parlimen ini.

Polis hanya menjalankan tugas yang kita suruh. Kalau hendak marah pun, sepatutnya kita marahlah dengan diri kita sendiri kerana undang-undang yang dilaksanakan itu kita yang cipta di sini. Yang lebih teruk, tekanan itu dibuat dengan memperalatkan pertubuhan tertentu seperti SUHAKAM untuk menggodam tindakan polis atas nama hak asasi mereka sahaja tanpa mengira hak asasi orang lain. Polis pun ada hak asasinya dan sebenarnya hak asasi itu tidak boleh berdiri dengan sendirinya tanpa diambil kira kaitannya dengan undang-undang yang ada di negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, hari ini terdapat suara-suara yang menuntut kepada perkhidmatan yang berkualiti daripada pasukan polis. Suara ini disambut oleh mereka yang menanti-nanti peluang untuk tumpang sekaki tanpa usul periksa dan memahami keadaan dan suasana. Suara-suara ini lupa kepada asas perkhidmatan yang berkualiti itu tadi. Khidmat yang berkualiti semestinya datang daripada anggota-anggota yang berkualiti dan anggota-anggota menjadi berkualiti apabila segala yang ada di dalam pasukan itu termasuklah skim perkhidmatannya juga berkualiti, sesuai dengan keadaan semasa.

Kalau ditanya saya, adakah pasukan polis kita sekarang ini berkualiti? Saya jawab, "Ya". Tetapi mungkin ada terdapat ruang-ruang yang boleh kita baiki untuk memantapkan tahap kualiti tersebut tetapi pernahkah kita sebagai tauke memikirkan secara ikhlas dengan penuh tanggungjawab dan belas ihsan, mencadangkan kepada kerajaan supaya dibuat kajian semula secara menyeluruh dan menyelidiki, termasuk mencadangkan belanjawan yang mampu dan bertepatan untuk diurus oleh jabatan tersebut dengan selesa.

Jarang sekali kita sebagai tauke memikirkan ke arah itu melainkan mencari kesalahan cara mereka bertindak yang hanya menjurus kepada penghakisan moral sahaja. Pernahkah kita memikirkan untuk mencadangkan kepada kerajaan agar menambah peruntukan supaya jumlah anggota itu ditambah? Kini pasukan kita mempunyai kekuatan seramai lebih kurang 82 ribu anggota dan pegawai sahaja untuk menjaga keselamatan dan harta benda kepada 22 juta rakyat Malaysia, tidak termasuk pendatang tanpa izin.

Nisbahnya, Tuan Yang di-Pertua, setiap satu anggota ialah untuk 269 orang rakyat dan harta benda dijaga selama 24 jam sehari, 365 hari setahun dan tidak boleh pergi bercuti atau jatuh sakit. Kalaulah kesemua 269 orang rakyat itu tadi baik-baik belaka, tidak merusuh, tidak berdemonstrasi, tidak keras kepala, tidak ingkar dengan undang-undang, mungkin bolehlah jumlah itu dijaga oleh seorang anggota.

Sebab itu, kita harus mengajak rakyat untuk turut serta bersama-sama bertanggungjawab membina dan membentuk pasukan polis kita untuk menguruskan keselamatan dan kesejahteraan kita dan negara kita dengan lebih mantap dan berkesan kerana pembangunan dan kemakmuran negara berteraskan kepada kestabilan dan keselamatan yang unggul. Kalau ada kesilapan dan ketelanjuran anggota-anggota kita, haruslah ditangani dengan bijaksana dengan pandangan dan nasihat yang membina, bukan untuk dikutuk sahaja.

Yang bersalah tetap bersalah. Peruntukan undang-undang cukup untuk menghukum yang bersalah. Namun, setiap perlakuan yang negatif itu mestilah ada penyebabnya dan bagaimana diuruskan supaya tidak berulang, haruslah kita kaji bersama. Polis juga manusia biasa seperti kita, bukannya robot istimewa.

Dalam hubungan ini, kerajaan telah memperuntukkan perbelanjaan untuk mengatasi perumahan anggota-anggota polis. Kita amat berterima kasih atas perhatian ini. Saya sendiri mengharapkan agar soal perumahan tidak lagi menjadi perkara yang merunsingkan fikiran mereka. Sebolehnya setiap anggota itu yang telah bertugas selama tempoh yang ditentukan dalam pasukan telah pun terjamin akan perumahannya tetapi akan mereka bayarlah bukan rumah *free*. Apabila mereka berhenti atau pencen, rumahnya sudah terjamin.

Sekurang-kurangnya jaminan ini akan dapat memberi kelegaan sedikit untuk mereka berkhidmat dengan lebih tekun dan lebih bertanggungjawab. Dan saya juga suka mencadangkan supaya satu peruntukan yang mencukupi disediakan kepada mereka untuk diadakan satu bentuk latihan kemahiran kepada mereka sebelum mereka pencen kerana selalunya atau lazimnya bagi anggota-anggota polis ini, kemahirannya yang lain tidak dilihat di luar apabila telah berpencen. Apabila sudah pencen dan ingin menyambung kariernya hanyalah layak untuk menjadi pengawal keselamatan sahaja dan pengawal keselamatan itu adalah perkataan yang paling mulia. Sebenarnya pengawal keselamatan itu ialah "jaga".

Jadi, kita ingin menghakis kaitan ini bahawasanya mereka apabila telah pencen dan ingin menyambung khidmatnya kerana untuk menyara atau meneruskan saraan hidupnya, biarlah ada jawatan-jawatan yang lebih sempurna dan sesuai dengan umur dan tenaganya ketika itu. Sebab itu kita mencadangkan supaya satu peruntukan yang sesuai diberikan supaya mereka dapat diberikan latihan dan kemahiran sebelum mereka berpencen.

Begitu juga, walaupun ada Koperasi Polis tetapi ada eloknya diwujudkan satu yayasan semata-mata untuk membantu mereka apabila mereka telah berpencen dengan diberikan geran tertentu oleh kerajaan mengikut nisbah tertentu pencaruman yang akan mereka buat semasa mereka berkhidmat. Bagi yang beragama Islam, semestinya menunaikan fardu haji itu menjadi satu impian mereka dan mungkin menerusi yayasan ini, apabila mereka sudah pencen yayasan ini bolehlah membantu bagaimana untuk menguruskan hijrah mereka ke Tanah Suci dan lain-lain.

Yang ketiga, kita juga ingin mencadangkan satu skim perkhidmatan yang lebih menarik supaya dilihat keprofesionalannya dan boleh menarik minat anak-anak muda menyertai pasukan ini kerana masa kini, hari ini bagi anak-anak muda, pasukan polis itu menjadi pilihan yang terakhir untuk mereka bekerja. Ini adalah disebabkan barangkali dari segi tarikan yang tidak ada di dalam skim perkhidmatan mereka masa kini.

Begitu juga, walaupun mereka di dalam perkhidmatan, mereka juga memerlukan satu tinjauan kebajikan yang setimpal, yang perlu diuruskan oleh pasukan. Kita juga ingin mencadangkan supaya satu bentuk logistik yang lebih canggih dapat disediakan sehinggakan kita mengharapkan pada suatu ketika, setiap balai polis pun boleh *online* dengan ibu pejabat daerah masing-masing dan lain-lain jabatan di persekitaran.

Dan, kita juga ingin mencadangkan supaya tahap latihan dan kursus-kursus yang berterusan kepada semua anggota dalam semua bidang untuk mereka berada setapak di hadapan pelanggar undang-undang yang semakin *sophisticated*, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, dalam kita membincangkan belanjawan ini, kita juga tidak harus lupa kepada ratusan ribu bekas-bekas anggota keselamatan baik polis mahupun tentera yang pernah berjasa kepada kita dan negara sehingga kita boleh tidur nyenyak siang dan malam dan mengecap kemakmuran dan pembangunan menerusi keamanan yang dibawa.

Bagi mereka ini, soal kebajikan yang diperlukan untuk mengiringi sisa-sisa hidup mereka menjadi asas utama kepada peningkatan moral anggota yang sedang berkhidmat, kerana itu akan memperlihatkan jaminan masa depan yang sedia menunggu mereka sebagai rangsangan untuk mereka menjalankan tugas dengan lebih komited. Namun keadaan mereka ini sekarang seharusnya bukan lagi menjadi tanggungjawab kerajaan semata-mata untuk mengatasi, sedangkan khidmat mereka dahulu adalah untuk kita semua.

Umumnya, ramai di antara kita sekarang terus melupakan mereka ini dan tidak kisah pun kalau ada di antara mereka itu sekarang hidup dalam kedaifan atau melarat, susah dan sesetengah masih menerima pencen dengan jumlah yang boleh dikira di bawah paras kemiskinan, walaupun telah berkali-kali dibuat penyalarsan gaji. Tentang ini, kita minta agar kerajaan dapat mengkaji kedudukan pencen mereka kerana kemampuan itu ada pada kerajaan.

Yang lain-lain, rakyat harus diajak sama untuk memberikan sedikit keselesaan hidup kepada mereka dengan bantuan-bantuan tertentu termasuk menyediakan peluang pekerjaan yang mampu mereka lakukan oleh pihak swasta yang berjaya. Saya merayu agar sama-sama kita menimbang secara munasabah untuk diajukan kepada pihak kerajaan bagi menentukan kesempurnaan kepada mereka yang pernah berjasa kepada negara agar pengorbanan mereka terdahulu tidak menjadi sia-sia sahaja.

Akhir kata, Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh sedikit mengenai SUHAKAM dan Polis. Kita faham dan sedar akan fungsi dan tanggungjawab SUHAKAM kepada rakyat keseluruhannya seperti yang diperuntukkan di bawah undang-undang. Kita akui dan menerima peranan mereka, namun kita juga memohon agar SUHAKAM juga turut membantu dalam apa jua situasi supaya keyakinan rakyat terhadap institusi kepolisan tidak terhakis pada keseluruhannya.

Kerana kalau rakyat sudah mula membelakangkan institusi kepolisan, negara kita akan bermasalah seperti yang telah berlaku di negara jiran sedikit masa dahulu. Sedangkan SUHAKAM mempunyai tanggungjawabnya yang tersendiri, polis juga mempunyai tanggungjawabnya pula.

Bersama-sama berusaha membincangkan ke arah kebaikan dan toleransi yang akan menjadikan Malaysia lebih cemerlang dan kuat kerana budaya kita, komposisi kita, suasana kita, sejarah kita amat unik dan berbeza daripada mana-mana juga negara di dunia ini, kalau tidak ditangani dengan bijak dan bersesuaian sebenarnya amat mudah untuk kita ini menjadi longgar.

Dengan ini saya turut menyokong Rang Undang-undang tersebut.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Puan Chia Chui Ket Melanie.

### 5.17 ptg.

**Puan Melanie Chia Chui Ket:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua yang memberi peluang kepada saya untuk membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan 2002. Oleh sebab masa yang terhad saya akan memendekkan ucapan saya.

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, Perdana Menteri kita yang dikasihinya serta Menteri Kewangan Malaysia kerana telah membentangkan belanjawan yang begitu pragmatik dan begitu fokus dalam Dewan yang mulia ini pada 6 Disember 2001.

Dalam tempoh masa yang begitu singkat, bermula dari peristiwa 11 September, kerajaan telah dapat menyiapkan satu belanjawan yang begitu sempurna untuk tahun hadapan yang memberikan tumpuan terhadap kesan daripada faktor luaran dan juga kemungkinan kesan *contagion*, dengan izin.

Prakata di dalam Laporan Ekonomi 2001/2002 telah menyatakan dengan tepat tentang perkara ini dan saya petik, "*Kita tidak harus membiarkan masalah yang dialami pada masa ini, menjejaskan misi kita untuk mencapai Wawasan 2020 bagi menjadikan Malaysia sebuah negara maju. Justeru, kita harus berusaha mencari dan merancang pendekatan yang khusus dengan penuh semangat dan tekad untuk meningkatkan lagi daya tahan dan daya saing negara dalam menghadapi segala cabaran yang mendatang.*"

Tuan Yang di-Pertua, kita telah melihat beberapa peristiwa yang berlaku sejak akhir-akhir ini, Kerajaan sentiasa mengambil tindakan segera dengan melaksanakan langkah-langkah yang wajar supaya keadaan ekonomi tidak menjadi bertambah buruk. Pakej *preemptive* berjumlah RM3 bilion dan juga pakej tambahan *fiscal preemptive* berjumlah RM4.3 bilion adalah antara beberapa contoh yang mencerminkan tindakan *proactive* yang di ambil oleh kerajaan.

Selain daripada langkah fiskal ini, kerajaan juga sentiasa mengkaji semula prosedur, peraturan dan garis panduan dalam mengimplementasikan projek-projek pembangunan bagi mempercepat pelaksanaannya ke arah mencapai impak yang dilancarkan bagi meningkatkan kadar pertumbuhan yang lebih tinggi.

Di atas segala usaha dan langkah-langkah yang telah diambil dan disusuli pula dengan peruntukan yang diberi dalam Belanjawan 2002, kita amat berterima kasih dan berhutang budi kepada Kerajaan.

Dalam kesempatan ini, izinkan saya merujuk ke maksud B.29 Perkhidmatan Am Perbendaharaan dan kepada bayaran gantian hasil petroleum kepada negeri Sabah dan Sarawak.

Perkara ini mula dibangkitkan dalam Dewan yang mulia ini pada 28 Disember 1999 semasa rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Cukai Jualan 1972 dibentangkan dahulu. Bayaran berikut memansuh duti import dan eksais ke atas barangan petroleum kepada negeri Sabah dan Sarawak adalah perjanjian Kerajaan Persekutuan yang timbul daripada pemindaan Akta Cukai Jualan 1972 pada 28 Disember 1999, untuk memenuhi komitmen Malaysia mengenai perjanjian kawasan perdagangan bebas ASEAN di bawah skim *Commitment Effective Preferred Tariff* dengan izin.

Perjanjian ini mempunyai kaitan dengan hasil pendapatan kepada negeri Sabah dan negeri Sarawak kerana ia merupakan hasil pendapatan yang ditetapkan kepada negeri Sabah dan Sarawak di bawah Bahagian V, dalam Jadual Kesepuluh di bawah Perlembagaan Malaysia.

Sewaktu Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2000 dan 2001) dibentangkan dalam Dewan yang mulia ini pada 16 Mei 2001, bayaran ini telah disifatkan sebagai pemberian sementara bagi tahun 2000. Pada tahun 2000 bayaran sebanyak RM255 juta telah dijelaskan kepada negeri Sabah dan Sarawak. Pada masa itu, saya telah meminta supaya istilah atau terma pemberian sementara tidak digunakan memandangkan bahawa ia tidak harus dianggap sebagai pembayaran *ad-hoc* oleh Kerajaan Persekutuan.

Melihat kepada bentuk asal pendapatan ini kepada negeri Sabah dan Sarawak, satu peruntukan tetap seharusnya dihaskan untuk pembayaran ini dalam belanjawan tahunan supaya pembayaran secara tetap dan konsisten tidak akan dilupakan. Saya menyedari bahawa bagi tahun 2001 hanya kira-kira RM50 juta telah dibayar kepada negeri Sabah.

Saya berharap Kerajaan Persekutuan akan memasukkan satu peruntukan ke dalam belanjawan tahunan bagi memastikan bahawa Sabah dan Sarawak akan terus menikmati pendapatan yang diperuntukkan ini kepada dua-dua negeri menurut perlembagaan. Sebelum pemansuhan duti import dan eksais, hasil daripada duti import dan duti eksais daripada produk petroleum ini yang terdapat di negeri Sabah dan Sarawak diterima pada tiap-tiap bulan tanpa apa-apa permohonan. Kami rakyat Malaysia di negeri Sabah dan Sarawak amat menghargai dan berterima kasih kepada Kerajaan Persekutuan di atas sikap yang prihatin ini.

Tuan Yang di-Pertua, dalam arus perubahan dan transformasi ekonomi global di mana pasaran dunia akan menjadi lebih liberal pada era ini kita mestilah bersiap sedia untuk menghadapi sebarang cabaran globalisasi yang akan melanda mana-mana satu negara dan pada bila-bila masa. Oleh yang demikian, persediaan-persediaan yang rapi dan terancang perlulah dilaksanakan ataupun dipergiatkan dengan segera. Antara yang paling penting adalah dari segi pelaburan dalam pembangunan sumber manusia supaya masyarakat kita pada keseluruhannya dan para remaja khususnya akan menjadi lebih berpengetahuan, berkaliber dan berdaya saing. Salah satu cara yang paling efektif ialah menerusi peningkatan tahap dan mutu pendidikan negara. Dengan itu saya amatlah mengalu-alukan keputusan kerajaan untuk memperuntukkan belanjawan yang terbesar kepada Kementerian Pendidikan.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai langkah merapatkan jurang antara bandar dan luar bandar dari segi pendidikan, sebanyak RM900 juta adalah disediakan di bawah Belanjawan 2002 bagi melaksanakan projek sekolah rendah dan menengah. Selain daripada pembinaan sekolah rendah dan sekolah menengah, pembinaan prasekolah khususnya prasekolah di kawasan luar bandar juga amatlah dialu-alukan. Ada penyelidikan Barat telah membuktikan bahawa pendedahan awal ke alam pembelajaran di kalangan kanak-kanak akan dapat memupuk minat suka membaca dan mencintai ilmu dengan lebih mendalam dan seterusnya meningkatkan tahap pencapaian akademik mereka pada masa hadapan. Seperti kata pepatah, "kalau hendak melentur buluh, biarlah dari rebungnya".

Oleh yang demikian, saya juga merasa ia amatlah penting bagi menambahkan bilangan prasekolah khasnya prasekolah di kawasan luar bandar dan kawasan pedalaman seperti di negeri Sabah dan Sarawak. Pada masa yang sama, projek-projek menambahkan bilangan kelas pembelajaran di sebuah sekolah juga amat dialu-alukan selaras dengan program mengurangkan saiz atau jumlah penuntut di dalam kelas-kelas pembelajaran tersebut. Kebanyakan sekolah sedang menghadapi masalah bilangan pelajar yang berlebihan. Secara purata terdapat lebih daripada 40 orang murid di dalam sesebuah kelas di kebanyakan sekolah. Angka ini sebenarnya amat tidak memadai kerana tumpuan pengajaran para guru terhadap setiap orang penuntut akan berkurang dan ini seterusnya juga akan menjejaskan proses pembelajaran para penuntut.

Tuan Yang di-Pertua, pembekalan peralatan...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, panjang lagikah? Banyak lagikah?

**Puan Melanie Chia Chui Ket:** Boleh sambung esokkah, atau tidak?

**Timbalan Yang di-Pertua:** Kena hendak habiskan hari ini.

**Puan Melanie Chia Chui Ket:** Okey, okey. Okey, Tuan Yang di-Pertua, Dengan hasrat dan harapan yang tinggi saya sekali lagi mengucapkan terima kasih di atas peluang yang diberikan kepada saya untuk menyertai perbahasan rang undang-undang yang saya sokong sepenuhnya ini.

Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Saya minta maaf walaupun saya tahu ramai lagi yang hendak berucap. Ahli-ahli Yang Berhormat, dengan ini saya

tangguhkan Majlis Mesyuarat Dewan ini ke hari esok, hari Rabu 12 Disember 2002, jam 10.00 pagi.

***Mesyuarat ditangguhkan pada pukul 5.30 petang.***